



واریشن کلنتن

WARISAN KELANTAN

XVI



MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

# واریشن مکلنتن

WARISAN KELANTAN  
XVI

*Diselenggarakan oleh*  
Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Diterbitkan oleh:  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan  
Jalan Hospital  
15000 Kota Baharu, Kelantan

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Pengerusi : Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh  
Setiausaha : Abdul Rahman bin Abdullah  
Ahli : Haji Salleh bin Mohd. Akib  
Abdullah bin Mohamed (Nakula)  
Jazamuddin Baharuddin  
Wakil Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Kelantan  
Rekabentuk : Hassan Majid/Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1997  
© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

M  
959-5121  
WAR

dicetak oleh  
United Selangor Press Sdn. Bhd.  
Kuala Lumpur

12 OCT 2001

# *Kandungan*

## IX PRAKATA

## XI PENDAHULUAN

- 1 IMAM-IMAM MASJID MUHAMMADI KOTA BHARU  
– *Ismail bin Che Daud*
- 27 KELANTAN SEBELUM PERSEKUTUAN TANAH MELAYU  
– *Zetimimi Zakaria*
- 50 TOK KENALI SEBAGAI ULAMA DAN TOKOH ISLAH  
– *Dr. Ismail Bakar*
- 66 LATARBELAKANG MASYARAKAT SIAM DI KELANTAN  
– *Eh Mooi a/l Eh Chit*
- 82 KELANTAN: PILIHANRAYA 1955 SEHINGGA  
KEMERDEKAAN 1957  
– *Zulkifli Mohd. Noor*
- 107 HUBUNGAN SEMENANJUNG MELAYU DAN KAITAN  
DENGAN PERANAN ULAMA MALAYSIA DI  
KALIMANTAN BARAT SEBELUM PERANG DUNIA  
KEDUA  
– *Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi*
- 115 GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA
- 123 BIODATA PENULIS



## *Prakata*

### **Bismillaahi rRahmaani rRahim**

Bersyukur saya kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya jua Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah dapat menerbitkan monograf WARISAN KELANTAN bilangan ke-XVI bagi tahun 1997 ini, bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim.

Saya harap semoga makalah-makalah yang disiarkan dalam monograf WARISAN KELANTAN bilangan ke-XVI ini akan memberi sumbangan kepada pengetahuan umum para pembaca mengenai sejarah dan budaya yang berkaitan dengan negeri Kelantan dan masyarakatnya. Makalah-makalah yang disiarkan kali ini merupakan sebahagian daripada usaha kita untuk membukukan sejarah Kelantan yang lebih lengkap dan sempurna.

Akhir kata, saya sebagai Pengurus dan juga bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pengurus dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi serta juga para penulis yang berkenaan yang telah sama-sama berusaha dengan gigih dan dedikasi bagi menjayakan Penerbitan WARISAN KELANTAN bilangan ke-XVI bagi tahun 1997 ini. Wasalam.

Dengan hormatnya,,



(DATO' HAJI HALIM BIN MOHAMAD)

Pengerusi,  
Jawatankuasa Perancang, Kewangan dan Pentadbiran Awam,  
Merangkap Pengerusi  
Perbandaran Muzium Negeri Kelantan

Kota Bharu  
Kelantan Darulnaim

30 Mac 1997.



## *Pendahuluan*

### **Bismillaahi rRahmaani rRahiim**

Monografi Warisan Kelantan bilangan ke-16 tahun 1997 ini sekali lagi muncul dengan menampilkan lima rencana/makalah yang menarik sumbangan dari lima orang penulis.

Encik Ismail bin Che Daud menulis mengenai ‘Imam-Imam Masjid Muhammadi Kota Bharu’. Sebagaimana Masjid Negeri yang lain, peneraju terpenting Masjid Muhammadi Kota Bharu ialah Imam. Tugasnya bukan sekadar menjadi Imam sembahyang fardhu, tetapi turut menanggung tugas sama ada sebagai guru al-Quran atau guru kitab atau kedua-keduanya sekali. Juga selaku penasihat dalam masalah-masalah hukum fiqhiah bagi orang-orang yang bertanya, yakni masalah-masalah yang tidak perlu dirujuk kepada Mufti. Oleh sebab itu di zaman lalu mereka yang berjawatan Imam sangat dihormati ramai. Pernah berlaku mana-mana Imam yang berwibawa dilantik memegang jawatan Mufti atau Kadhi. Disamping itu ramai dari kalangan mereka diberi kepercayaan menganggotai Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan, bahkan ada yang dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

Makalah kedua berjudul ‘Kelantan Sebelum Persekutuan Tanah Melayu’ ialah sumbangan Cik Zetimimi Zakaria. Bila sejarah Kelantan bermula tiada diketahui. Walau bagaimanapun Kelantan terbukti telah didiami oleh manusia 2000 atau 3000 tahun Sebelum Masihi. Sejak dari awal lagi bentuk pemerintahan yang diamalkan di Kelantan adalah warisan sistem politik Melayu tradisional yang terdapat sejak turun temurun di Alam Melayu, iaitu sistem pemerintahan beraja. Dalam abad ke-19 Masihi Kelantan berdepan dengan kuasa dan pengaruh Siam dan Inggeris. Pada awal abad ke-20 Masihi Kelantan terlepas dari cengkaman Siam tetapi terperangkap di bawah naungan Inggeris hingga tahun 1941. Kelantan telah diduduki tentera Jepun dan Siam antara tahun 1941-1945. Pada akhir tahun

1945 Inggeris kembali ke Tanah Melayu setelah Jepun menyerah kalah. Rancangan Inggeris hendak menubuhkan ‘Malayan Union’ mendapat tantangan hebat dan menyeluruh daripada orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Akibatnya Malayan Union telah dimansuhkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Makalah ketiga bertajuk ‘Tok Kenali sebagai Ulama dan Tokoh Islah’ sumbangan Dr Ismail Bakar memperkatakan tentang seorang ulama Kelantan yang terkenal bernama Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad tetapi lebih dikenali dengan panggilan Tok Kenali kerana beliau berasal dari Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu. Tok Kenali bukan sekadar ulama biasa yang kerjanya cuma mengajar, tetapi boleh dikategorikan sebagai penjana pembaharuan atau reformis Melayu abad ke-20 yang berjuang bagi mengislahkan sistem pendidikan agama Islam di Kelantan disamping menujah minda masyarakat dengan karjanya melalui majalah ‘Pengasuh’ penerbitan Majlis Agama Islam Kelantan.

Encik Eh Mooi a/l Eh Chit, menulis makalah keempat mengenai ‘Latarbelakang Masyarakat Siam Di Kelantan’. Masyarakat Siam adalah golongan minoriti di Kelantan. Mereka tinggal di dalam Jajahan Tumpat, Pasir Mas, Bachok, Pasir Putih dan Tanah Merah. Kehadiran orang-orang Siam di Kelantan dikatakan ada hubungannya pula dengan sejarah penyebaran kekuasaan Siam kenegeri-negeri Melayu di Utara Semenanjung Tanah Melayu sejak menjelang abad ke-14 Masihi apabila Siam mulai menakluki negeri tua Melayu di Ligor yang kemudian dinamakan Nakhon Sri Thammarat. Mengikut sejarah pengaruh Siam mula tersebar di Kelantan sejak dari awal abad ke-19 Masihi dan berakhir pada tahun 1909.

Encik Zulkifli Mohd Noor melalui makalah kelima berjudul ‘Kelantan: Pilihanraya 1955 Sehingga Kemerdekaan 1957’ menulis mengenai Pilihanraya Umum yang pertama atau julung kali diadakan di Persekutuan Tanah Melayu, termasuk Kelantan, untuk memilih ahli di semua Majlis Perundangan. Diperingkat Federal atau Persekutuan, Pilihanraya Umum itu telah diadakan pada 27 Julai 1955, manakala di Kelantan iaitu diperingkat Negeri telah diadakan pada 19 September 1955. Perikatan (gabungan parti-parti politik UMNO, MCA dan MIC) telah memenangi pilihanraya tersebut dengan undi yang terbanyak. Daripada lima puluh dua kerusi yang dipertandingkan diperingkat Federal, Perikatan telah memenangi sebanyak lima puluh satu kerusi, manakala yang baki satu kerusi telah dimenangi oleh PAS. Di Kelantan, bagi kerusi Federal, Perikatan telah membolot kesemua lima kerusi yang dipertandingkan iaitu kejayaan seratus peratus.

Begitu juga di peringkat Negeri, Perikatan telah berjaya seratus peratus apabila ia telah memenangi kesemua enam belas yang dipertandingkan, lapan daripadanya telah di menangi oleh calon-calonnya tanpa bertanding. Daripada enam belas kerusi itu UMNO memenangi lima belas, manakala satu kerusi telah dimenangi oleh MCA. Dengan kemenangan besar itu, Perikatan, khususnya UMNO, terus mendesak pihak British supaya mengadakan perundingan mengenai Kemerdekaan. Perundingan telah bermula dari 18 Jun 1956 hingga bulan Februari 1957. Akhirnya pihak British telah bersetuju untuk memberi Kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos, 1957.

Makalah keenam dan yang terakhir berjudul ‘Hubungan Semenanjung Melayu dan Kaitan Dengan Peranan Ulama Malaysia Di Kalimantan Barat Sebelum Perang Dunia Ke Dua’ sumbangan Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi. Dalam makalahnya itu, penulis mengisahkan latarbelakang dan sejarah hubungan diantara Semenanjung Melayu dengan negeri-negeri Melayu Pontianak, Sambas dan Mempawah yang sekarang termasuk dalam Propinsi Kalimantan Barat, Indonesia. Hubungan tersebut terjalin, khususnya, diantara Patani, Kelantan dan Terengganu dengan Kalimantan Barat. Hubungan Kelantan dengan Kalimantan Barat adalah melalui pengembalaan/penghijrahan beberapa orang ulama dari Kelantan kedaerah Kalimantan Barat sejak dari tahun 1909. Mereka itu ialah: Haji Ismail bin Haji Abdul Majid berasal dari Labok, Machang, Kelantan telah pergi ke Kemboja dan kemudian Pontianak pada tahun 1909 dan dari tahun 1910 hingga tahun 1937 menjadi Mufti Pontianak. Di Kelantan beliau lebih dikenali sebagai Haji Ismail Pontianak. Dalam tahun tiga puluhan Haji Ismail Pontianak telah disusuli pula oleh Haji Ahamd bin Mamat atau Haji Pak Muda yang pergi ke Pontianak; Haji Yusuf ke Pontianak dan juga Sambas; dan Haji Abdul Rahman bin Husin Al-Kelantani yang pergi ke Mempawah dan kemudian menjadi Mufti Kerajaan Mempawah yang terakhir. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1971 ketika berumur 90 tahun.

Disini saya suka merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi yang telah memberi kebenaran kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk memetik bahan-bahan daripada beberapa Latihan Ilmiah di Jabatan tersebut bagi disiarkan didalam monograf ‘Warisan Kelantan’.

Akhir kata, bagi pihak Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, saya mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah dan berbanyak terima kasih kepada para penulis yang telah memberi sumbangan mereka masing-masing kepada 'Warisan Kelantan' bilangan XVI, tahun 1997 ini.

Dengan hormatnya,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Nik Mohamed Bin Nik Mohd. Salleh". It is written in a cursive style with a long horizontal line extending from the end of the signature.

(DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH)  
Pengerusi,

Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi,  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan,  
Kota Bharu,  
Kelantan Darulnaim.

30 Mac 1997.

## *Imam-Imam Masjid Muhammadi\**

ISMAIL BIN CHE DAUD

Nama Masjid Muhammadi atau Masjid Besar Kota Bharu<sup>1</sup> memang sudah tidak asing lagi kepada penduduk Semenanjung, lebih-lebih lagi bagi mereka yang pernah mengikuti halaqat pengajiannya pada dasawarsa 1920-an. Ia dianggap sebagai universiti terbuka pertama di negara kita kerana kampus perpondokannya berjaya melahirkan ramai “siswazah pondok” zaman kegemilangannya. Bagi maksud tulisan ini, panggilan Masjid Muhammadi adalah meliputi juga zaman sebelum 1931 – tahun perasmiannya. Ini kerana bangunan batu yang ada sekarang dibina atas tapak Masjid lama<sup>2</sup> yang berfungsi seawal tahun 1876 lagi.

Sebagaimana Masjid Negeri yang lain, peneraju terpenting Masjid Muhammadi tentulah Imamnya. Tugasnya bukan sekadar menjadi Imam sembahyang fardu, tetapi turut menanggung tugas sama ada sebagai guru Al-Quran atau guru kitab atau kedua-duanya sekali. Juga selaku penasihat dalam masalah-masalah hukum fiqhiah (bukan fatwa) bagi orang-orang yang bertanya, yakni masalah-masalah yang tidak perlu dirujuk kepada Mufti. Lantaran itu mereka yang berjawatan Imam sangat dihormati ramai.

Atas fungsi sedemikian, maka mana-mana Imam yang berwibawa akan dilantik memegang jawatan Mufti atau Kadhi. Sebagai contoh, Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman diberi kepercayaan memegang jawatan Mufti merangkap Imam Tua (2 jawatan serentak), Haji Wan

\* Rencana ini telah disiarkan bagi pertama kalinya (tulisan jawi) dalam dua siri dalam majalah ‘Pengasuh’ bil. 537, Jan/Feb. 1995 dan bil. 540, Nov/Dis. 1995. Telah dikemas kini dan diubahsuai sebagaimanya oleh penyunting untuk siaran ini.

1 Zaman sebelum meletusnya Perang Jepun (1941), Masjid Besar Kota Bharu lebih dikenali dengan sebutan Masjid Besar Kelantan.

2 Kadang-kadang disebut juga dengan panggilan Masjid Kayu atau Masjid Burok.

Muhammad – dari Imam Muda meningkat ke jawatan Imam Tua, kemudian ke jawatan Mufti dan terakhir dipilih menjadi Hakim Mahkamah Syariah (3 jawatan serentak), Haji Nik Muhammad Adeeb – dari Khatib serta Imam solat Tarawih meningkat ke jawatan Kadi Pelawat Imam dan akhirnya terpilih sebagai Kadi Besar. Di samping itu ramai dari kalangan mereka diberi kepercayaan menganggotai Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan ahli Jemaah Ulama MAIK, bahkan ada yang dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Perlu dinyatakan, pada asalnya terdapat seorang Imam sahaja yang bertugas di Masjid Besar Kota Bharu. Tetapi mulai akhir abad ke-19 terdapat 2 orang Imam: seorang Imam Tua dan seorang lagi Imam Muda (disebut juga Imam 1 dan Imam 2). Lalu kemudian (mulai pertengahan 1927) wujud pula jawatan Imam Waktu (masih kekal sampai ke hari ini).

Setakat yang dapat dikesan, penyandang jawatan Imam Tua di Masjid Muhammadi adalah sebagaimana tertib di bawah:

- 1) Haji Muhammad Saleh, Kg. Masjid, Kota Bharu.
- 2) Haji Abdul Rahman Arab, Kg. Mek Senggora (juga di pinggir Masjid Besar Kota Bharu).
- 3) Haji Wan Abdullah bin Wan Derahim, Sg. Budor.
- 4) Haji Che Samat bin Che Senik, Kg. Laut, Tumpat.
- 5) Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, Kg. Atas Banggol, Kota Bharu.
- 6) Haji Wan Muahmmad bin Haji Abdul Samad, Kg. Tok Semian, Kota Bharu.
- 7) Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Abdul Kadir, Kg. Nik Dir Nakhoda, Kota Bharu.
- 8) Haji Ahmad Hafidz bin Haji Jamaluddin, Kg. Che Su, Kota Bharu.
- 9) Haji Wan Ahmad bin Haji Muhammad Said, Kg. Balik Kota, Kota Bharu.
- 10) Haji Nik Abdul Rahman bin Haji Wan Abdullah, Kg. Tok Semian, Kota Bharu.

Maklumat lanjut mengenai diri Imam yang pertama hingga ketiga belum diperolehi. Berikut diperturunkan pengenalan ringkas tentang Imam yang keempat hingga seterusnya.

### **Haji Che Samat bin Che Senik**

Bapanya, Che Senik bin Wan Abdullah adalah seorang qari terkenal di Kampung Laut dan guru kepada Wan Sulaiman bin Wan Abdullah, iaitu

ayah kepada Wan Mamat Bilal (1892 – Januari 1993) – Tukang Bang (Juru Azan) paling lama di Masjid Kampung Laut, berkhidmat semenjak 1 Februari 1917 hingga 31 Mac 1955 (38 tahun).

Bapa saudaranya, Che Din, adalah seorang ahli ibadah yang soleh dan jasadnya disebut-sebut tidak hancur. Adik kandungnya, Pak Da Che Ali,<sup>3</sup> pun seorang guru Quran yang berjasa. Dua orang murid kenamaannya ialah Tuan Guru Haji Che Leh Che Isa yang berasal dari Kg. Penambang, Kota Bharu tetapi mengajar dan menetap di Kg. Laut dan Haji Che Kar bin Che Su yang memang berasal dari Kg. Laut tetapi mengajar di merata-rata tempat, diantaranya di Kg. Hutan Pasir, Ketereh, Kota Bharu.

Seorang lagi adiknya (berlainan ibu) ialah Haji Che Tahir (murid Tuan Tabal).<sup>4</sup> Atau lebih dikenali dengan panggilan “Tok Wai Kampung Laut”. Murid-muridnya termasuk Tuan Guru Haji Che Leh bin Che Isa (Kg. Laut), Haji Wan Hasan bin Wan Yusuf (Imam Masjid Kg. Laut) dan Pak Su Wan Abdullah bin Wan Abdul Kadir dari Lorong Tok Semian, Kota Bharu (menantu Tuan Tabal).

Haji Che Samat sendiri adalah termasuk dalam kumpulan murid pengesut Sheikh Muhammad bin As'ad Al-Dihan Mekah. Kemahirannya dalam bidang ilmu tajwid dikatakan mengatasi kebolehan Tok Konok.<sup>5</sup> Pada mulanya beliau menjadi guru pelawat mukim, kemudian mengajar secara tetap di Masjid Kayu Kota Bharu. Dua orang muridnya yang dapat dikesan ialah Haji Wan Abdullah bin Wan Mamat (meninggal sekitar 1928) dari Kg. Chap, Sg. Pinang<sup>6</sup> dan Haji Muhammad Saleh bin Idris (meninggal awal 1945), Imam surau Padang Temesu, Tumpat. Manakala dari kalangan istana pula termasuk Sultan Muhammad (Long Senik), Raja Muda (Long Zainal Abidin) dan Raja Temenggong (Long Abdul Ghafar atau Tengku Abdul Ghafar).<sup>7</sup> Masing-masing membahasakan diri mereka dengan panggilan “Nik”. Misalnya kata mereka: “Haji Samat tu, guru Nik”.

Haji Che Samat bersahabat baik dengan Imam Haji Abdullah Chetok, penasihat dan diplomat diraja Kelantan.<sup>8</sup> Selepas dilantik menjadi Imam

3 Antara anak-anak dengan Mariam (isteri tua) Tuan Guru Haji Ismail (Pak Su Wel), Pengasas Pondok Kg. Dangar di Pasir Mas dan Hajah Che Pah (Mak Chik Pah), guru Quran ternama di Jalan Hospital, Pasir Mas (balu Tuan Guru Haji Abdullah, Pengasas Pondok Padang). Manakala Pak Su Wan Adam, Kg. Laut (meninggal di Madinah pada 23 November 1975) adalah anak dengan Wan Munah binti Wan Yusuf Bilal (isteri muda).

4 Lihat Tokoh Ulama *Pengasuh* bilangan 524/1992

5 Lihat Tokoh Ulama *Pengasuh* bilangan 525/1993

6 Temubual dengan Pak Muda Wan Umar bin Haji Wan Abdullah, Kg. Chap pada 8 Jun 1975.

7 Temubual dengan Che Pah binti Haji Che Samat (1895–8 Februari 1979) di rumahnya di bandar Tumpat pada 22 Disember 1974.

8 Iaitu bapa kepada Mufti Haji Wan Ishak, Haji Wan Ahmad Hakim (Timbalan Kadi Besar Kelantan yang pertama), Haji Che Ismail (Dato' Kaya Setia) yang menjadi menantu Dato' Tumpat, Haji Che Sulaiman (menantu Tuan Guru Haji Taib Tuan Padang), Che Muhd. Salleh (Che Leh Ketam) dan ramai lagi.

Masjid Kayu Kota Bharu beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Imam Haji Samat, Haji Che Samat bertugas bertimbalan dengan Mufti Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman. Tok Imam Haji Samat sempat berkhidmat sehingga akhir tahun 1895 sahaja kerana selepas itu kesihatannya mulai terganggu – sakit barah. Setelah mengalami kesakitan selama tujuh hingga lapan bulan maka tibahtah saat kematianya: “..... waktu jam pukul sebelas lebih kurang .....” iaitu pada pagi Rabu, 12 Safar 1314.<sup>9</sup> Tarikh ini bersamaan dengan 22 Julai 1896. Jenazahnya dikebumikan di Kg. Laut. Kini, pusaranya tinggal menjadi kenangan kerana Tanah Perkuburan Islam Kg. Laut sudah lama terbis ke dalam Sg. Kelantan, dihakis air banjir yang melanda tebing sungai saban musim tengkujuh.

### **Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman**

Ibunya, Nik Wan Embong adalah adik-beradik Nik Aishah, ibu Tok Konok. Mereka berdua adalah anak kepada Pak Wan Mahmud bin Ibrahim, seorang Wazir Diraja Kelantan (meninggal akhir Disember 1835). Beliau bersahabat baik serta berguru dengan Sheikh Saleh Alim dari Bahrain yang menetap di Kelantan (meninggal di Pasir Tikat, Kota Bharu pada 22 Mei 1914).

Pada peringkat awalnya menjadi Imam Muda, selaku pengapit kepada Tok Imam Haji Samat Kg. Laut; kemudian diangkat menjadi Mufti. Apabila Haji Samat sakit (awal 1896), beliau terpaksa bertugas berasorangan sehingga mendapat pembantu – Haji Wan Muhammad anak Tuan Tabal yang dilantik oleh Raja Kelantan (Sultan Mansor) menjadi Imam Muda yang baru, iaitu mulai hari Isnin, 10 Jamadilakhir 1314 (16 November 1896). Haji Nik Wan Daud kekal menyandang 2 jawatan serentak – Mufti dan Imam Tua (pengganti Haji Samat). Sebagaimana kegiatan Haji Samat, beliau juga mengambil bahagian mengajar di Masjid Burok Kota Bharu. Tok Kenali termasuk salah seorang muridnya (sebelum pergi ke Mekah pada tahun 1305H/1887M).

Semasa beliau menjadi Imam, 2 orang saudaranya – Haji Wan Omar dan Haji Wan Musa – menyandang jawatan Khatib. Anak Khatib Haji Wan Musa, bernama Haji Nik Mat,<sup>10</sup> diambilnya menjadi anak angkat dan kemudian menjadi menantunya pula. Seperti Tok Imam Haji Samat, beliau

<sup>9</sup> *Catatan Harian Tengku Zainal Abidin bin Tengku Kundur* (Raja Muda Kelantan), Jilid 1 (merangkumi tempoh antara 14 Rejab 1313 hingga 7 Ramadan 1318 yang bersamaan 13 Disember 1895 hingga 29 Disember 1900). Catatan yang masih dalam bentuk manuskrip itu sekarang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, Kuala Lumpur

<sup>10</sup> Lebih dikenali dengan nama Haji Nik Mat Puteh. Pernah menjadi Imam Waktu dan Imam Muda di Masjid Muhammadi. Di antara anaknya yang terkenal ialah Tan Sri Haji Nik Daud (Dato' Aria Diraja).

juga sakit lama – lebih daripada 12 bulan. Detik-detik bulan terakhir hidupnya diringkaskan sebagaimana berikut:<sup>11</sup>

- *Khamis 3 Ramadan 1325/10 Oktober 1907*  
Raja Muda berangkat ke rumah Imam Haji Wan Daud Mufti yang sedang sakit.
- *Ahad 13 Ramadan 1325/20 Oktober 1907*  
Tok Imam Haji Wan Daud sakit sangat, berubat dengan doktor orang negeri Syam dibawa oleh seorang yang bernama Syeikh Ali.
- *Rabu 16 Ramadan 1325/23 Oktober 1907*  
Raja Muda pergi ziarah Haji Wan Daud Mufti yang sedang sakit sekali lagi. Kelihatan beransur sembah.
- *Isnin 21 Ramadan 1325/28 Oktober 1907*  
Tok Imam Haji Wan Daud Mufti membuat pulak (jadi) tidak bernyawa sebenar, lepas itu baik semula.
- *Rabu 23 Ramadan 1325/30 Oktober 1907*  
Raja Muda pergi melawat Haji Wan Daud Mufti, tetapi tidak bercakap apa-apa.
- *Isnin 29 Ramadan 1325/4 November 1907. Waktu 8½ malam Selasa*. Haji Nik Wan Daud Mufti Kelantan kembali ke Rahmatullah. Raja Negeri (kemudian bergelar Sultan Muhammad ke-4) dan adindanya, Raja Muda, pergi ziarah tidak lama sesudah lucut nafas.<sup>12</sup>

### **Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad**

Anak lelaki sulung Tuan Tabal ini adalah abang kepada Mufti Haji Wan Musa, juga abang kepada Khatib Haji Wan Abdullah. Lahir sama setahun dengan Tok Kenali dan Sultan Muhammad ke-4, iaitu pada akhir September 1870. Pada 16 November 1896,<sup>13</sup> (4 bulan selepas kematian Tok Imam Haji Samat, Kg. Laut) beliau dilantik sebagai Imam Muda di Masjid Kayu Kota Bharu mengambil tempat Haji Nik Wan Daud yang dinaikkan taraf menjadi Imam Tua.

Apabila Haji Nik Wan Daud meninggal (1907), beliau dipilih menjadi

<sup>11</sup> *Catatan Horian Tengku Zainul Abidin bin Tengku Kundor* (Raja Muda Kelantan), Jilid 6, him. 86

<sup>12</sup> *Akhbar Utusan Melayu* (Singapura), bilangan 6 keluaran hari Selasa 13 Syawal 1325 (19 November 1907) menerangkan bahawa Haji Nik Wan Daud Mufti meninggal dunia ketika berumur 54 tahun kerana sakit gout (sendi).

<sup>13</sup> Seorang lagi yang dilantik pada hari yang sama ialah Bilalnya. Nama Bilal ini tidak dapat dibaca, tetapi kuat diduga bahawa penyandangnya ialah Haji Yusof bin Muhammad Taib yang berkhidmat sebagai Bilal I (berkhidmat sehingga bersara pada 1 Mac 1924).

Imam Tua yang baru dan berkhidmat sehingga akhir hayatnya, Haji Wan Muhammad yang masyhur gagah ini sebenarnya seorang ahli pendekar (berguru dengan Kasim Betawi semasa menuntut di Mekah), juga terkenal sebagai guru Al-Quran. Murid-muridnya termasuk:

- 1) Haji Muhammad bin Haji Abu Bakar – Imam Mukim Gajah Mati, Sering.
- 2) Haji Yusuf bin Tok Wali Haji Ismail – Lundang Paku.
- 3) Haji Ismail bin Lebai Nik Mat – Kg. Paloh, Bukit Panau.
- 4) Haji Mahmud bin Ismail (Tok Wali Haji Che Mud) – Pasir Hor.
- 5) Haji Hamzah bin Haji Yunus – Padang Bemban.
- 6) Haji Nik Osman bin Haji Wan Abdul Karim – Kg. Amir, Besut.
- 7) Haji Saleh Kaya bin Haji Ismail – Kg. Jal Kecik.
- 8) Haji Daud bin Senik – Lorong Kubor Beka, Langgar.
- 9) Lebai Daud bin Ahmad – Kg. Jejulok, Kubang Gadong, Pasir Mas.
- 10) Shaikh Osman Jalaluddin Al-Kalantani – Penanti, Bukit Mertajam.

### Pentadbiran Masjid selepas 1915

Dengan tertubuhnya Majlis Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada pukul 10½ pagi Jumaat, 24 Disember 1915 bertempat di Pejabat Tanah Kerajaan Kelantan, Kota Bharu maka bermulalah suatu era baru dalam sejarah pentadbiran masjid-masjid di negeri Kelantan apabila semua masjid atau surau Jumaat di seluruh negeri Kelantan diletakkan di bawah bidang kuasa badan yang baru ditubuhkan ini, termasuk di dalamnya pengendalian dan pentadbiran 3 buah Masjid bersejarah:

- Masjid Kota Bharu
- Masjid Langgar
- Masjid Kg. Laut.<sup>14</sup>

Ini bermakna bahawa selepas 1915 Masihi, semua perlantikan dan penamatan jawatan pegawai serta kakitangan Masjid termaklum diurus secara langsung oleh pihak Majlis, dengan tertakluk kepada perkenan Kebawah Duli Yang Mulia Al-Sultan.

<sup>14</sup> Sebenarnya, hasilat hendak menyerah pentadbiran semua Masjid terbabit (termasuk kuasa perlantikan) telah disuarakan oleh Sultan Muhammad ke-4 semenjak sebelum pembubaran Majlis lagi, iaitu melalui surat titah perintah yang bertarikh 17 Oktober 1915. Sebelum itu semua perlantikan dilakukan oleh baginda sendiri.

Mengikut *Penyata Majlis Tahun 1916*, “..... dimulai bagi menjalankan gaji diberi pegawai-pegawai Masjid yang ketiga-tiga buah itu daripada bulan April 1916”. Juga ada disebut bahawa kadar gaji bulanan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Masjid Kota Bharu itu adalah sebagaimana di bawah ini:

- |  |                         |
|--|-------------------------|
| 1) Haji Wan Muhammad bin Haji Samad                                      | (Imam 1) ... \$35.00.   |
| 2) Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Abdul Kadir                              | (Imam 2) ... \$30.00.   |
| 3) Haji Muhammad Said bin Haji Jamaluddin                                | (Khatib 1) ... \$30.00. |
| 4) Haji Wan Abdullah bin Haji Abdul Samad                                | (Khatib 2) ... \$30.00. |
| 5) Haji Yusuf bin Muhammad Taib  | (Bilal 1) ... \$15.00.  |
| 6) Haji Abdul Latif bin Jalaluddin                                       | (Bilal 2) ... \$15.00.  |
| 7) Wan Mamat bin Wan Ibrahim<br>(Juru kolah/Juru menyuci di atas Masjid) | ... \$10.00.            |
| 8) Haji Chik bin Abdul Latif<br>(Tukang sapu di bawah Masjid)            | ... \$10.00.            |
| 9) Che Mat<br>(Juru menyuci Masjid/Siak)                                 | ... \$15.00.            |

### Bilal Waktu

Kebiasaannya Bilal 1 dan Bilal 2 bertugas pada hari Jumaat sahaja.<sup>15</sup> Dengan sebab itu, Mesyuarat Ahli Majlis pada hari Ahad, 29 Februari 1920 “..... bersetuju menetapkan seseorang jadi Tukang Bang dan Palu Beduk di Masjid Besar Kota Bharu pada tiap-tiap waktu dengan gaji \$9.00 pada tiap-tiap bulan”.

Calon yang terpilih bagi jawatan Bilal Waktu ini ialah Haji Che Hasan bin Pak Cu Merah<sup>16</sup> (1896 – 13 September 1977) yang berasal dari Kg. Meranti, Pasir Mas tetapi kemudiannya pindah menetap di Palekbang – kampung isterinya. Beliau mula berkhidmat pada Mac 1920, tetapi “berhenti dengan kesukaannya sendiri” mulai 1 Januari 1926. Gaji akhirnya \$15.00 sebulan (tidak berubah sejak 1 Julai 1922).

Selain menjadi Imam Tua, Haji Wan Muhammad juga menyandang jawatan Hakim di Mahkamah Syariah (berkhidmat mulai 2 Januari 1916 hingga 19 April 1920) dan Mufti Kerajaan (mulai 21 Ogos 1916). Sebagai

15. Alunan azan Bilal Satu atau Bilal Luar menandakan masuknya waktu Jumaat, manakala azan Bilal Dua atau Bilal Dalam pula menandakan Khatib sudah naik mimbar dan bersedia menyampaikan khutbahnya

16. Temu bual di rumahnya di Palekbang. Tumpat pada 5 Jun 1977.

Hakim beliau menerima gaji \$45.00 dan sebagai Mufti diberi elauan \$20.00 sebulan. Kegiatan lainnya lebih merupakan jawatan sambilan – seperti menjadi anggota Majlis Agama Islam Kelantan (sejak penubuhan Majlis), Pengurus Jemaah Ulama Majlis,<sup>17</sup> (27 Mei 1918) dan Ahli Mesyuarat Kerajaan (23 September 1919).<sup>18</sup>

Haji Wan Muhammad meninggal dunia pada waktu Maghrib malam Rabu, 27 Rabiulawal 1339 bersamaan 7 Disember 1920 ketika berusia 51 tahun (Hijrah) dan dikebumikan di Kubor Banggol, Kota Bharu. Pada waktu beliau meninggal dunia, ura-ura telah timbul bagi membina masjid baru menggantikan Masjid Kayu yang telah buruk.

### **Haji Nik Mahmud bin Haji Nik Abdul Kadir**

Dikenali juga dengan nama Haji Nik Wan Mahmud atau Haji Wan Mahmud. Panggilan ringkasnya ialah Imam Haji Nik Mud. Bapanya ialah Nik Dir Nakhoda atau kadang-kadang dipanggil juga Haji Wan Abdul Kadir. Sebagai adik ipar kepada Sultan Ahmad, ayah beliau termasuk salah seorang Nakhoda yang ditugaskan mengiringi ufti bunga emas ke Bangkok semasa negeri Kelantan di bawah naungan Siam (sebelum 1909). Antara pelayarannya yang dapat dikesan ialah pada pertengahan bulan Mei 1900 bersama “Wan Yusuf, Wan Mustafa dan Wan Jaafar”.

Haji Nik Mahmud yang mendapat pendidikan di Maktab ini adalah adik kepada Haji Nik Jaafar (11 Januari 1873 – 30 Jun 1924) yang pada mulanya (25 Jun 1911) bergelar Dato’ Bentara Dalam dan 10 tahun kemudian (23 Julai 1921) dikurniakan pula gelaran Dato’ Istiadat Mahkota Raja. Mengikut rekod, Haji Nik Mahmud telah berkhidmat, pada mulanya sebagai Imam Muda, di Masjid Besar Kota Bharu seawal hari Selasa, 18 Muharram 1327 (8 Februari 1909). Lantikan tersebut dibuat oleh Raja Kelantan (mulai 22 Jun 1911 bergelar Sultan Muhammad ke-4). Tetapi butiran mengenai bayaran habuannya tidak diketahui. Apa yang jelas, 3 bulan 1 minggu selepas penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan, namanya turut tersenarai sebagai salah seorang pegawai Masjid Kota Bharu – berjawatan Imam 2 (Imam Muda) dengan gaji sebanyak \$30.00 sebulan, dikira mulai 1 April 1916.

17 Semasa mulai-mula dibentuk (24 Januari 1918) dikenali dengan nama Majlis Ulama dengan Pengurusinya bergelar Yang Dipertua

18 Mesyuarat Anggota Majlis kali yang ke-29 pada hari Isnin 13 Oktober 1919 “telah bersetuju ditandakan peringatan di dalam minit ini berkenaan dengan Al-Haj Wan Muhammad Mufti (Satu daripada anggota) itu Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah menjadikan dia ahli Mesyuarat Kerajaan yang telah ditetapkan pada 23 September 1919”

Di samping itu, mulai 5 Ogos 1917, beliau (bersama Haji Ahmad Hafidz) ditugaskan mengajar Quran berbalik di Masjid Kota Bharu. Haji Nik Mahmud mengajar waktu pagi dan petang, iaitu dari jam 7 hingga 10 pagi dan dari jam 12½ tengah hari hingga 3½ petang. Untuk tugas tersebut beliau diberi elauan sebanyak \$20.00 sebulan. Dari seramai 67 orang muridnya pada tahun 1918 terdapat “yang pandainya 9 orang”. Kedudukan murid pada tahun 1921 pula ialah 37 orang anak Kelantan, 25 orang dari luar Kelantan dan yang khatam pada tahun itu ada 4 orang.

Kemudian, berikutan kematian Haji Wan Muahmmad pada awal Disember 1920, maka Mesyuarat Anggota Majlis Agama Islam Kelantan pada hari Isnin, 3 Januari 1921 memutuskan “bersetuju diangkatkan Haji Nik Mahmud, Imam Muda itu menjadi Imam Tua .... mulai pada awal Januari 1921”. Mesyuarat yang sama juga “.... bersetuju Haji Wan Ahmad bin Haji Muhammad Said<sup>19</sup> itu menjadi Imam Muda Masjid Besar Kota Bharu mulai pada awal Januari 1921”. Sebaliknya, 2 bulan selepas itu tersebar pengesahan Haji Nik Mahmud sebagai Imam Tua, manakala jawatan Imam Mudanya jatuh kepada Haji Ahmad Hafidz. Tarikh kuatkuasanya pula dikira mulai 1 Jamadilakhir 1339 (9 Februari 1921).<sup>20</sup> Sebagaimana imam-imam sebelumnya, Haji Nik Mahmud juga dilantik menjadi anggota Majlis Agama Islam Kelantan (13 Ogos 1919 – 13 Jun 1930) dan ahli Jemaah ulama Majlis (5 April 1932 – 14 Disember 1941).

### Pembinaan Masjid Batu

Antara tanda kemajuan penting yang dicapai pada zaman Imam Haji Nik Mahmud ialah pembinaan Masjid batu, iaitu Masjid Besar yang baru bagi ibu negeri Kelantan. Ini kerana Masjid lama begitu buruk dan tidak ekonomi untuk dibaiki lagi. Tambahan pula, berbanding dengan Masjid Langgar dan Masjid Kg. Laut, Masjid Kota Bharulah yang paling daif.

Walaupun cadangan hendak mendirikan Masjid baru telah disuarakan semenjak zaman Mufti Haji Wan Musa lagi (1916), tetapi pelaksanaannya sentiasa tertangguh kerana ketiadaan peruntukan kewangan serta berbangkitnya pertelaghanan pendapat yang berlarutan di kalangan alim ulama tentang boleh tidaknya menggunakan harta Zakaf fitrah bagi tujuan membina Masjid. Bayangan keperluan peruntukannya juga makin bertambah dari tahun ke tahun – penyata Majlis tahun 1919 menyebut tidak kurang daripada \$200,000 manakala anggaran pada tahun berikutnya pula meningkat kepada lebih \$300,000.

19 Salah seorang guru awal di Madrasah Muhammadiah (1917) dan mulai 13 Januari 1918 pula mengambil tugas sebagai guru/imam di surau Sultan; diberi elauan \$5.00 sebulan.

20 Lihat *Pengasuh* bilangan 67 keluaran 10 Mac 1921, hlm. 8

Manakala itu, setelah siap pula, sumber sejarah tidak juga sepakat tentang jumlah sebenar kos pembinaan. Laporan pentadbiran Kelantan bagi tahun 1931 (muka 55) merekod \$372,395 tetapi fail Majlis 157/1979 merekodkan sebanyak \$360,000 dengan nota “daripada tabung zakat fitrah”. Sementara itu Muhammad Yusuf bin Salleh dalam *Sinaran Kelantan* Jilid I (1938) muka 11, pula menyebutnya sebanyak \$340,000 iaitu “cuci semua sekali terima sudah.....”.

Senarai lengkap nama-nama pegawai Masjid Muhammadi pada tahun perasmianya (1931) ialah:

- 1) Haji Nik Mahmud bin Haji Nik Abdul Kadir (Imam Tua)
- 2) Haji Ahmad Hafiz bin Haji Jamaluddin Perupok (Imam Muda)
- 3) Dato' Haji Muhamimad Said bin Haji Jamaluddin Peringat
- 4) Haji Wan Daud bin Haji Wan Ismail Patani (Khatib 1)
- 5) Haji Nik Mustafa bin Nik Mahmud (Khatib 2)
- 6) Haji Muhammad Saleh bin Musa (Bilal 1)
- 6) Haji Muhammad Saleh bin Musa (Bilal 2)

Oleh kerana kerja membina dan menyiapkan Masjid Muhammadi itu menelan belanja yang begitu besar, maka ini telah menyebabkan kedudukan kewangan Majlis pada dekad 20-an sentiasa dalam kepincangan. Keadaan seperti ini berterusan sehingga awal 30-an dengan menimbulkan pelbagai kesan dan akibat jangka pendek dan panjang. Antaranya pentadbiran Majlis Agama Islam Kelantan telah terpaksa mengambil langkah berjimat cermat antara lain dengan cara mengecilkan perjawatan. Ini termasuk pemansuhan jawatan guru Quran di Masjid Besar Kota Bharu (berkuatkuasa mulai 1 Mei 1924) yang secara langsung melibatkan Imam Haji Nik Mahmud sendiri. Ekorannya, beliau meneruskan kelas Quran di balaisah rumahnya, mengajar selepas sembahyang Subuh.

#### **Murid-murid Imam Haji Nik Mahmud:**

Berikut disenaraikan nama mereka yang pernah berguru dengan Imam Haji Nik Mahmud (semuanya sudah meninggal dunia):

- 1) Haji Nik Abdul Kadir bin Haji Nik Wan Geting, Tumpat
- 2) Haji Mustafa Bilal bin Nik Mahmud Sg. Budor, Kota Bharu
- 3) Haji Nik Abdul Rahman bin Haji Wan Abdullah Khatib Lorong Tok Semian, Kota Bharu
- 4) Pak Nik Him Tok Bomor bin Nik Husin Kubang Pasu, Kota Bharu
- 5) Pak Nik Leh bin Nik Husin Kubang Pasu, Kota Bharu
- 6) Pak Nik Ail (Haji Nik Ismail) bin Nik Paya Purnama, Kota Bharu

	Husin	
7)	Mak Nik Pah binti Nik Husin	Kubang Pasu, Kota Bharu
8)	Haji Harun bin Abdul Samad	Padang Embon, Pasir Mas
9)	Haji Ismail bin Haji Ahamd	Gak Kapur/Kg. China, Kota Bharu
10)	Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah	Padang Mokkan, Peringat, Kota Bharu
11)	Haji Abdul Rahman bin Ismail	Pohon Tanjung, Cabang Empat, Tumpat
12)	Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail	Imam Mulong, Kota Bharu
13)	Haji Abdul Majid bin Haji Ibrahim	Kayu Rendang, Melor, Kota Bharu
14)	Haji Abdullah bin Mat Saman	Imam Cenderong Batu, Tumpat
15)	Haji Ismail bin Abdullah	Cenderong Batu, Tumpat
16)	Ismail bin Haji Sharif	Ekor Pasir, Tendong, Pasir Mas
17)	Haji Muhammad bin Haji Ismail	Padang Seladang/ Batu Hitam, Pasir Puteh
18)	Haji Muhammad bin Haji Yusuf Ta'	Kubang Pasu, Kota Bharu
19)	Haji Yusuf bin Mohd Saleh	Jalan Atas Banggol, Kota Bharu
20)	Haji Yusuf bin Haji Isa	Kampung Patani, Sering
21)	Haji Yusuf bin Tahir	Kelar, Pasir Mas
22)	Haji Yaakub bin Che Su	Pohon Keranji, Meranti, Pasir Mas
23)	Haji Yaakub bin Awang	Kg. Jelutong, Gunong, Bachok
24)	Haji Muhammad Ali bin Ibrahim	Seligi, Pasir Puteh
25)	Ali bin Yaakub	Kg. Buluh Melintang, Kangkong, Pasir Mas
26)	Idris bin Haji Yaakub	Kg. Buluh Melintang, Kangkong, Pasir Mas
27)	Salih bin Mamat	Kg. Buluh Melintang, Kangkong, Pasir Mas
28)	Haji Wan Saleh bin Wan Daud	Imam Lundang, Kota Bharu
29)	Haji Abdullah bin Haji Husin	Kg. Resak, Tendong, Pasir Mas
30)	Haji Omar bin Haji Abdul Karim	Sg. Pinang, Tumpat
31)	Haji Hamzah bin Abdul Rahman	Gertak Lembu, Salor, Kota Bharu
32)	Haji Che Sulaiman bin Che Su	Kelar, Pasir Mas

33)	Haji Hasan bin Haji Mahmud Kangkong	Imam Masjid Bandar, Kuala Krai
34)	Lebai Ahmad bin Abdul Samad	Binjai, Mulong, Kota Bharu
35)	Haji Nik Muhammad bin Haji Wan Abdul Rahman	Pasir Pekan
36)	Harun bin Mat Daud	Kangkong, Pasir Mas
37)	Awang Ali bin Mat	Kangkong, Pasir Mas
38)	Adik Wok (Ahmad) bin Awang Kechik	Kg. Cherang, Bachok
39)	Haji Ibrahim Kampar (Sumatera)	Kerdau, Pahang
40)	Pak Wel Pondok (Ismail) bin Haji Omar	Kg. Tok Oh, Jal, Pasir Mas
41)	Haji Abdullah bin Haji Muhammad Saleh	Kg. Bunut Sarang Burong, Tumpat.

Antara murid-murid yang masih hidup (semuanya berusia melebihi 80 tahun):

42)	Haji Abdullah bin Haji Awang	Kg. Lambor, Wakaf Bharu
43)	Haji Abdullah bin Haji Daud	Kg. Tok Mesir, Kota Bharu
44)	Haji Wan Yaakub bin Haji Wan Mamat	Kg. Jaya/Pasir Hor, Kota Bharu
45)	Haji Saleh bin Puteh	Kubang Kerian, Kota Bharu

### Timba Tembaga

Pada 5 Mac 1924, Majlis Agama Islam Kelantan telah menerima sebutir timba tembaga 3 katil berat (muat 4 gantang air) daripada Haji Muhammad Dubah, iaitu wakaf bagi faedah atau kemudahan mencebok air telaga untuk kolah Masjid Besar Kota Bharu.<sup>21</sup>

### Imam Waktu

Satu jawatan baru yang diperkenalkan di Masjid Besar Kota Bharu pada zamian Imam Haji Nik Mud ialah jawatan Imam Waktu, berlunaskan Mesyuarat Anggota Majlis Agama pada hari Sabtu, 21 Mei 1927 yang “bersetuju melantik seorang yang khas menjadi Imam sembahyang pada tiap-tiap waktu ...” bergaji \$10.00 sebulan.

Penyandang sulungnya (berkhidmat mulai 19 Jun 1927) ialah Haji As'ad bin Haji Daud yang berasal dari Kg. Kangkong, Pasir Mas. Tokoh ini kemudian lebih dikenali dengan nama Haji Saad Kangkong. Beliau

<sup>21</sup> Pengasuh bilangan 142 keluaran 21 Mac 1924, hlm 12

menyandang jawatan tersebut sehingga 31 Disember 1930. Ini kerana mulai awal tahun 1931 beliau menerima perlantikan sebagai guru kitab di Masjid Besari Kota Bharu, bergaji \$30.00 sebulan. Diberi kenaikan gaji \$2.00 mulai awal 1935 menjadi \$32.00 sebulan dan terus meningkat pada tiap-tiap tahun. Tetapi untuk tempoh 1937 hingga 1940, tidak berubah-ubah iaitu kekal sebanyak \$36.00 sebulan. Mulai 1 Januari 1941, Haji Saad berpindah ke Jami' Merbau Al-Ismaili sebagai guru kitab darjah 1, menerima gaji \$40.00 sebulan. Berkhidmat sampai ke akhir hayatnya pada pagi 26 Jun 1943.

### **Bilal Baru**

Haji Abdul Latif (Bilal Dalam) yang telah berkhidmat semenjak awal penubuhan Majlis lagi itu meninggal dunia pada 10 Oktober 1929. Berikutannya, Mesyuarat Anggota Majlis pada 7 November 1929 bersetuju menyerah kepada kebijaksanaan Dato' Mufti Haji Ibrahim untuk berunding dengan Pak Su Haji Muhammad Saleh bin Musa<sup>22</sup> supaya mengisi kekosongan jawatan termaklum. Rekod Majlis menunjukkan beliau (Pak Su Haji Muhammad Saleh) mula berkhidmat sebagai bilal yang baru pada 16 November 1929 dan 3½ tahun selepas itu (9 Mei 1933) meninggal pula Haji Nik Mustafa (Bilal Luar). Dengan sebab itu, ketika anggota Majlis bermesyuarat pada 15 Jun 1933, Imam Haji Nik Mahmud mengesyorkan supaya dibincang sama hal pemilihan penggantinya. "Oleh sebab tidak ada orang yang munasabah di dalam bandar Kota Bharu" ketika itu maka Mesyuarat bersetuju melantik Haji Ahmad bin Haji Mamat Kubang Bemban (Pasir Mas) "dengan syarat hendaklah ia duduk di Kota Bharu dengan gaji \$15.00 sebulan".

Bilal baru yang lebih dikenali dengan nama Haji Mat Lintar ini memulakan tugasnya pada 6 Julai 1933. Secara kebetulan, perkhidmatan kedua-dua orang bilal termaklum berakhir pada 1 Januari 1948 – Pak Su Haji Leh Bunut Payong berhenti kerana sakit sendi manakala Haji Mat Lintar berhenti kerana uzur (dengan perakuan doktor) dan akhirnya meninggal dunia pada 3 Ogos 1975.

### **Haji Said Khatib berhenti**

Mesyuarat Anggota Majlis pada 11 Mac 1937 yang dipengerusikan oleh Dato' Kaya Setia Haji Che Ismail diberitahu yang Haji Muhammad

22: Salah seorang Tukang Lagu kesayangan Raja Muda Kelantan (Tengku Zainal Abidin) Murid kepada Haji Omar Kota dan Haji Taib Bunut Payong (Khatib Masjid Langgar 1916–1924). Kembali ke Rahmatullah sekitar tahun 1954 dengan meninggalkan ramai murid yang berkebolehan seperti Haji Abdullah Pondok Padang, Haji Idris Kota, Pak Da Samad Kg. Lembu, Mek anak Karim Kg. Tangok dan Haji Ahmad Rubah bin Haji Awang (Pondok Chegar, Pendang, Kedah).

Said (Dato<sup>\*</sup> Seri Diraja) telah memohon hendak berhenti dari apda jawatan Khatib kerana uzur tua.<sup>23</sup> Dipersetuju berhenti pada 1 April 1937 dengan diberi pence \$15.00 sebulan iaitu separuh daripada gajinya (sama seperti yang telah diberi kepada Haji Wan Daud Khatib yang bersara mulai 1 Oktober 1932).

## Guru Penolong

Seperti yang diketahui umum, Masjid Muhammadi berperanan bukan sahaja sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai tempat belajar ilmu agama. Zaman kegemilangannya ialah pada dekat 1920-an dan 30-an iaitu zaman Haji Nik Mahmud menjadi Imam Tuanya. Memandangkan bilangan guru yang mengajar tidak dapat menangani nisbah bilangan pelajar, maka Mesyuarat Anggota Majlis pada 21 Januari 1939 bersetuju dengan syor Haji Nik Mat Nazir (menantu Imam Haji Nik Mud) agar diambil tiga orang murid yang pandai menjadi guru penolong sementara bagi mengajar kitab di Masjid Muhammadi.

Calon-calon yang dipilih:

- 1) Husain bin Abdul Samad (anak Melaka)<sup>24</sup>
- 2) Abdul Halim bin Haji Yaakub (anak Perak)
- 3) Ahmad Zaini bin Haji Tahir (berasal dari Asahan, Sumatera)

Mereka diberi elaun bulanan sebanyak \$8.00 seorang, berkuatkuasa mulai 1 Mac 1939. Abdul Halim Perak dan Ahmad Zaini Asahan berkhidmat sehingga akhir tahun 1939, tetapi Husin Melaka minta berhenti mulai 1 Julai 1939 kerana berpindah ke Pondok Paloh Rawa (Madarasah Jalaliah),<sup>25</sup> Machang, Kelantan Tengah.

23 Berkhidmat sebagai Khatib sejak sebelum 22 Safar 1327 (14 Mac 1909) lagi kerana pada tarikh tersebut Haji Muhammad Said turut dijemput menghadiri satu majlis rasmi dan selanjutnya ditugaskan membaca doa selamat. Beliau juga dikatakan pernah bertugas di Pejabat Tanah tetapi jawatannya sebenarnya kurang jelas (walaupun ada yang menyebutnya Penolong Pemungut Hasil Tanah Anak bongsu (ke-7) Haji Jamaluddin Peringat ini adalah bapa kepada Haji Muhammad (Dato' Laksamana) dan Mahmud (Dato' Adik Raja). Manakala Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail Kadi (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) dan Wan Daud bin Wan Ali (Dato' Perwira Diraja) itu pula adalah menantu-menantunya. Jelaskya, anak menantu dan cucu beliaulah yang menguasai teraju pentadbiran negeri Kelantan pada zaman sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia (1963). Dato' Haji Muhammad Said meninggal dunia pada pukul 1.30 awal pagi Isnin, 3 Oktober 1938 ketika berusia 82 tahun.

24 Kemudian lebih terkenal dengan nama Haji Husain Hafiz. Berasal daripada Kg. Umbai, Merlimau, Melaka. Mendapat pendidikan awal di Kg. Air Molek, Melaka dan di Pondok Shaikh Osman Jalatuddin Al-Kelantani, Penanti, Bukit Mertajam. Sekitar 1936, mulai menuntut di Masjid Muhammadi – berguru dengan Abang Kub Legor, Haji Saad Kaengkong, Haji Ahmad Hafiz, Haji Ahmad Maher, Haji Muhammad Nor Penambang, juga dengan Haji Abdullah Tahir Bunut Payong dan lain-lain. Selepas mengajar di Paloh Rawa selama kira-kira 4 tahun, beliau pulang ke Melaka, mati pada 15 Oktober 1979 dengan meninggalkan 4 orang isteri dan 30 orang anak.

25 Diasaskan oleh Haji Abdul Jalil bin Haji Idrus (juga berasal dari Negeri Melaka) serta dibantu leh Haji Abdul Jalil bin Haji Muhammad Sidik (anak Kadi Kg. Udang, Melaka). Anak sulung Haji Abdul Jalil, bernama Kamariah dijodohkan dengan Haji Husain Hafiz dan beroleh seorang anak tetapi meninggal sewaktu masih kecil. Pasangan ini akhirnya berpisah (bercerai hidup).

## Kematiannya

Mengikut cerita menantunya, Pakcik Mat,<sup>26</sup> apabila tentera Jepun mendarat di Pantai Kelantan pada malam Isnin 8 Disember 1941, Haji Nik Mahmud berundur ke bandar Pasir Puteh. Ketika itu, anaknya, Nik Ahmad (bergelar Dato' Seri Nara Diraja) menjadi ketua jajahan (Pengawai Daerah) Pasir Puteh. Tetapi, berikutan satu berita palsu pada hari berikutnya, Haji Nik Mud bergegas pulang ke Kota Bharu. Setibanya di Lundang (waktu tengah hari), iaitu berdekatan rumah Tengku Mahmud bin Sultan Muhammad ke-4 – keretanya tiba-tiba dihujani tembakan pesawat terbang perang Jepun.

Beliau terkena tembaka di kakinya dan kerana kecederaannya agak parah, beliau terbaring keseorangan dalam semak di tepi jalan. Hanya pada lewat petang baru beliau dapat merangkak ke kawasan terbuka sebelum akhirnya ditemui oleh gembala lembu yang segera memapah beliau ke rumah emak sepupunya, Nik Wok. Selepas dua atau tiga malam, diusung pulang ke rumahnya di Kubang Pasu, sehingga sampai beliau menyahut seruan Ilahi pada malam Isnin 14 Disember 1941.

## Haji Ahmad Hafidz bin Haji Jamaluddin

Dilantik menjadi Imam Tua mulai 1 Mac 1942 berikutan kematian Imam Haji Nik Mud. Gajinya sama seperti gaji Imam Tua lama iaitu \$35.00 sebulan. Jawatan awalnya dalam perkhidmatan Majlis Agama Islam Kelantan ialah sebagai Guru Quran berbalik di Masjid Kayu Kota Bharu, berkhidmat mulai 5 Ogos 1917 sehingga ditamatkan pada 1 Mac 1924 kerana pengecilan perjawatan Majlis. Gajinya pada masa itu cuma \$20.00 sebulan. Haji Ahmad mengajar pada sebelah pagi sahaja iaitu dari jam 7 atau 8 pagi hingga 12.30 tengah hari. Keramaian muridnya dalam tahun 1918 ialah 65 orang, termasuk 10 orang yang betul-betul pandai.

Dalam tahun 1921, bilangannya menurun kepada 41 orang – 21 orang anak Kelantan dan 20 orang lagi dari luar Kelantan, manakala yang khatam pada tahun tersebut 3 orang. Mulai 9 Februari 1921, dilantik sebagai Imam Muda atau Imam 2, diberi gaji sebanyak \$30.00 sebulan, berkhidmat sehingga diangkat menjadi Imam Tua.

Haji Ahmad adalah anak kepada Haji Jamaluddin bin Abdul Kadir, seorang guru pondok ternama di kawasan Perupok, Bachok yang seangkatan dengan Tok Bachok Tua (Pasir Mas), Tok Chekeli, Tok Langgar, Tok Mesir, Tok Seribong, Tok Kasim Kelar, Haji Yaakub Aur China, Haji Che Leh Tua Salor, Haji Awang Kechik Kubang Batang, Haji Yaakub Kg. Pak Ali Haji, Tuan Abdul Muttalib Tuan Faqih Kg. Surau

26 Nama penuhnya ialah Haji Nik Mat bin Nik Hasan bin Nik Soh Nakhoda, berumur 80 tahun. Temu bual di rumahnya di Lorong Nik Dir Nakhoda, Jalan Atas Banggol, Kota Bharu pada 28 Jun 1994.

Kota dan ramai lagi. Diceritakan bahawa Haji Ahmad “..... ini suaranya molek, lagi hafidz Quran yang mulia .....”<sup>27</sup> sama seperti gurunya, Tok Senggora (Sheikh Abdullah bin Mohd Qasim Al-Sanqurai), Mekah.<sup>28</sup> Adik kandungnya, Noh bin Jamaluddin Al-Kelantani juga murid Tok Senggora tetapi tidak pulang berkhidmat di tanah air. Sebaliknya bermukim dan bergiat di Kota Mekah sampai ke akhir hayatnya.<sup>29</sup> Seperti Haji Nik Mud apabila perjawatan guru Al-Quran (juga guru kitab) Masjid Kayu Kota Bharu dikurangkan (mulai 1 Mac 1924), Haji Ahmad juga meneruskan kelas pengajian Al-Quran di madrasahnya sendiri.<sup>30</sup>

Antara murid-murid Haji Ahmad Hafidz:

- |                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| 1) Haji Abdullah bin Abas Nasution   | Tanjong Pauh, Jitra, Kedah   |
| 2) Haji Ahmad bin Osman              | Hutan Palas, Keplu,<br>Kodiang, Kedah  |
| 3) Haji Hashim                       | Singapura  |
| 4) Mat Chik                          | Imam Batu Rakit,<br>Terengganu   |
| 5) Haji Husin Hafidz bin Abdul Samad | Umbai, Melaka  |
| 6) Haji Mat Lintar bin Awang Kechik  | Pulau Belachan,<br>Kemumin (akhir hayatnya<br>berjawatan Imam Masjid<br>Puteh, Kuala Terengganu) |
| 7) Haji Yaakub bin Muhammad Saleh    | Kg. Nipah, Bachok  |
| 8) Haji Ibrahim bin Abu Bakar        | Imam Permatang Pasir,<br>Bachok  |
| 9) Haji Idris bin Sulong             | Perupok, Bachok  |

<sup>27</sup> Sumber sama dengan nota kakj 21

<sup>28</sup> Lihat tokoh ulama *Pengasuh* bilangan 527/1993

<sup>29</sup> Haji Abdul Aziz, bekas Bilal (1 April 1955 – 31 Julai 1967) dati Imam Waktu (1 Ogos 1967 – 31 Disember 1989) di Masjid Muhammadi itu salah seorang daripada anaknya. Haji Noh juga ada meninggalkan beberapa buah karya penulisan mengenai ilmu qira'at dan tajwid – paling terkenal ialah risalah *Tuhfat al-Sibyan fi Tajwid Al-Quran* yang telah diulang cetak beberapa kali (cetakan pertama 1354H). Beliau meninggal dunia pada waktu fajar Sabtu 29 Mei 1948 di rumahnya, Shi'b Ali, Mekah. Antara murid-muridnya yang agak masyur (semuanya sudah meninggal dunia). Haji Abdullah Pengkalan Datu (guru Quran di Masjid Ibrahim, Pasir Puteh), Haji Mat Qurra' Haji Abdullah Wakaf Bunut, Haji Daud Geting, Haji Hasan Qurra' Alor Lintah, Haji Ismail Qurra' Pasir Mas, Haji Musa Bukit Marak, Haji Wan Yusof Kemuning, Haji Ahmad Wakaf Berangan, Haji Hasan Ketereh, Haji Musa Kota, Haji Wan Abdul Latif Jerieh, Haji Muhammad Yusof Pangkal Gong/Lundang, Haji Hasan Hafidz (Mufti Melaka), Haji Kasim Gucil, Haji Abdullah Kg. Kasar, Hajah Fatimah Pondok Dendang dan ramai lagi.

<sup>30</sup> Beberapa tahun selepas kematian Haji Ahmad, Madrasah berlotong di sebelah rumahnya di Jalan Che Su, Kota Bharu (sekarang belakang gudang tajuran Public Bank) dorombak dan dipindah ke Kg. Baru, Mukim Gajah Mati. Daerah Sering bertujuan bagi menampung keperluan surau besannya – Haji Muhammad bin Haji Abu Bakar yang ketika itu berjawatan Imam Mukim. Haji Muhammad ini diganti oleh anaknya, Haji Ismail (murid dan sekali gus menantu Haji Ahmad Hafidz). Imam sekarang, Mat bin Abdullah, adalah menantu kepada Haji Ismail temaklum.

10)	Haji Muhammad bin Haji Abu Bakar	Imam Kg. Baru, Mukim Gajah Mati, Sering (anak kepada murid bilangan 10)
11)	Haji Ismail bin Haji Muhammad	Pengkalan Cengal, Bachok
12)	Haji Besar (Abdul Rahman) bin Haji Abdul Samad	Pengkalan Baru, Bachok
13)	Haji Nordin bin Haji Abdullah	Kg. Kemudi, Bachok
14)	Haji Awang Baruh (Abdul Rahman) bin Bidin	Gong Tal, Sering
15)	Haji Yusof bin Haji Idris	Kg. Tok Dosah, Bachok
16)	Jusoh bin Haji Mamat	Kubang Kawah, Bachok
17)	Muhammad Nor bin Haji Abdullah	Pondok Rasal, Tok Uban, Pasir Mas
18)	Haji Wan Idris bin Wan Abdul Samad	Kg. Aur China, Pasir Mas
19)	Haji Abdullah bin Haji Adam	Kg. Buloh Melintang,
20)	Ibrahim bin Omar	Kangkong, Pasir Mas
21)	Haji Ismail bin Ibrahim	Mulong, Kota Bharu
22)	Haji Ali bin Awang Kechik	Baung, Kota Bharu
23)	Haji Isa bin Chik	Imam Baung, Kota Bharu
24)	Haji Mat Saman bin Musa	Imam Tapang, Kota Bharu
25)	Ahmad bin Haji Awang Kechik	Imam Padang Bongor, Kota Bharu
26)	Lebai Mamat bin Haji Awang	Kg. Pulau, Kubang Kerian
27)	Haji Ali bin Awang	Pulau Pisang, Kota Bharu
28)	Haji Che Minah Tok Guru binti Haji Yusuf	Lido, Kota Bharu

### Menanggung Kerja Imam Waktu

Semasa masih menyandang jawatan Imam Muda, Haji Ahmad juga ditugaskan menanggung kerja Imam Waktu (penyandang yang kedua selepas Haji Saad Kangkong), berkuatkuasa mulai 1 Januari 1931. Untuk tugas tersebut, beliau diberi eluan sebanyak \$10.00 sebulan.

Pada peringkat awalnya tugas ini beliau lakukan sendiri. Tetapi lama kelamaan Haji Ahmad berpaktat dengan petugas lain. Ini kerana rumahnya yang terletak di Jalan Che Su itu agak jauh dengan Masjid. Maka mulai 1938 beliau mewakilkan kepada Haji Abdullah bin Haji Daud<sup>31</sup> (Juru Beduk) supaya menjalankan tugas-tugas Imam Waktu. Sebagai balasan,

<sup>31</sup> Temu bual di kediamannya di Lorong Surau Tok Mesir, Kota Bharu pada 30 Julai 1994. Beliau berasal dari Kg. Lundang Paku, Kota Bharu. Semasa mudanya berguru dengan Haji Ismail bin Imam Ahmad, Kg. Tok Lebir dan Haji Awang bin Yusof, Kg. Serendah, Chetok. Akhirnya datang memondok di Kota

Haji Ahmad Hafidz memberi kepadanya \$6.00 setiap bulan. Selepas setahun lebih (sekitar awal 1939), muncul pula nama Haji Mat Pauh<sup>32</sup> yang mengambil tempat Haji Abdullah – juga selaku Imam Waktu yang tidak rasmi.

## Sembahyang Dua Kali

Sebagai Imam Muda, Haji Ahmad Hafidz bertugas secara bergilir-gilir dengan Haji Nik Mud (Imam Tua), yakni kalau pada minggu ini Haji Ahmad Hafidz menjadi Imam Jumaat maka pada minggu berikutnya kena giliran Haji Nik Mud pula. Begitu juga dengan tugas menyampaikan khutbah Jumaat – dilakukan secara bergilir-gilir antara Khatib 1 dengan Khatib 2. Ringkasnya, pada zaman dahulu tugas menjadi Imam sembahyang Jumaat dan tugas membaca khutbah dilakukan oleh 2 orang petugas yang berlainan.

Hendak dijadikan cerita,<sup>33</sup> pada suatu hari Jumaat akhir dekad 1930-an Haji Ahmad Hafidz yang dijadualkan menjadi Imam Jumaat sampai ke Masjid Muhammadi agak lewat, iaitu ketika Khatib sedang berkhotbah. Apabila Khatib turun dari mimbar, Ahmad Hafidz mara ke hadapan saf dan terus menjadi Imam sembahyang. Sebaik sahaja beliau selesai memberi salam, sidang Jumaat menjadi gegar mengatakan sembahyang pada hari itu tidak sah kerana Tok Imam tidak mendengar dua khutbah. Bagi menyelamatkan keadaan, keputusan diambil bagi mengulang semua khutbah dan sembahyang Jumaat pada hari berkenaan.<sup>34</sup>

Semenjak peristiwa tersebut, ketetapan dibuat iaitu sesiapa juga yang menjadi Khatib maka beliau jugalah yang menjadi Imam Jumaat. Ketetapan ini diterima pakai secara lebih meluas (termasuk di surau-surau mukim yang juga mempunyai Khatib masing-masing) apakala Haji Nik Muhammad Adeeb mula menjadi Kadi Pelawat dan Kadi Besar (awal 1940-

---

Bharu – berguru dengan Imam Haji Nik Mud, Haji Saad Kangkong, Abang Kub Legor, Haji Ali Pulau Pisang dan ramai lagi. Berpeluang berkhidmat sebagai Juru Beduk di Masjid Muhammadi selama 2 tahun lebih (1 Mac 1938 – 11 April 1940) dengan gaji \$7.00 sebulan. Hari ini, dalam usia 80 tahun, beliau berkhidmat sebagai Pembantu Pegawai Dakwah Halaqat bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Lama (dahulunya Padang Garong).

32 Nama sebenarnya Haji Ahmad bin Awang Yusof, berasal dari Kg. Pauh, Pasir Mas. Ikatan persefahaman di antara Haji Ahmad Hafidz dengan Haji Mat Pauh ini pun tidak kekal lama kerana pada 1 Jun 1939 Haji Mat Pauh dilantik sebagai penjaga dan guru di Jami' Merbau. Gaji yang diberi pada 1 Julai 1940 (tarikh pengesahan jawatan) ialah \$24.00 sebulan. Kembali ke Rahmatullah pada pukul 6 pagi Ahad 22 September 1940.

33 Sumber sama dengan nota kaki 31.

34 Sebenarnya sembahyang dua kali boleh dielakkan jika Khatib sendiri mengambil tempat menjadi Imam Jumaat atau mengulang semula khutbahnya dari awal. Dalam persoalan ini wajar juga diteliti kandungan kitab *Nur al-Shum'at fi Ahkam al-Jumu'at* (1897) karya Shaikh Ahmad Khatib Minangkabau (tokoh ulama Pengasuh bilangan 497/1989) kerana keseluruhan isi risalah tersebut mengupas perihal sembahyang Jumaat.

an). Haji Ahmad yang pernah menganggotai Jemaah Ulama Majlis pada tahun 1924 ini berkahwin dengan anak gurunya, Hajah Mariam binti Pak Chik Musa<sup>35</sup> dan dikurniai beberapa orang anak. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin 21 Rabiulakhir 1362 bersamaan 26 April 1943.

### Haji Wan Ahmad bin Haji Muhammad Said

Dilantik sebagai Imam Tua mulai 1 Mei 1943 bagi mengisi kekosongan jawatan berikutan kematian Haji Ahmad Hafidz. Walaupun bapanya senama dengan Haji Muhammad Said Khatib (Dato' Seri Diraja) yang terkenal itu, tetapi nama datuknya berbeza. Nama penuh bapanya ialah Haji Muhammad Said bin Haji Puteh, manakala nama penuh pada Dato' Seri Diraja ialah Haji Muhammad Said bin Haji Jamaluddin.

Haji Muhammad Said bin Haji Puteh ialah adik kepada Haji Yusof (meninggal di Mekah), iaitu suami pertama<sup>36</sup> kepada Hajah Wan Safiah binti Haji Muhammad Zin (Haji Awang Alim), Kg. Atas Banggol, Kota Bharu.<sup>37</sup> Jawatan awal Haji Wan Ahmad dalam perkhidmatan Majlis Agama Islam Kelantan ialah sebagai guru di Madrasah Muhammadiyah, bergaji \$15.00 sebulan. Perlantikannya berkuatkuasa mulai 5 Ogos 1917. Lima bulan kemudian (13 Januari 1918), diambil bertugas secara sambilan sebagai guru di surau Sultan (dibina 1285H/1868M), berelaun \$5.00 sebulan. Mulai 1 Januari 1920, elauan dinaikkan menjadi \$6.00 sebulan dan pada 1 Januari 1924 meningkat kepada \$20.00 sebulan. Namun begitu, jawatan hakikinya sebagai guru di Madrasah Muhammadiyah berjalan seperti biasa, gajinya pada 1 Januari 1921 ialah \$20.00 sebulan. Pada 1 Januari 1926 sebanyak \$22.00 sebulan dan berkekalan pada kadar tersebut sehingga tamat perkhidmatannya pada 30 September 1932.

Dalam pada itu, dalam tahun 1929, beliau dibenarkan bercuti dengan gaji penuh selama lima bulan (1 Mac 1929 – 31 Julai 1929) kerana menunaikan fardu Haji di tanah suci Mekah. Mulai 1 Oktober 1932, Haji

35 Nama penuh bapa mertuanya ialah Haji Musa bin Abdul Rahman, bekas guru agama di tanah suci Mekah yang pulang ke negeri Kelantan setelah beroleh 11 orang anak (menjelang meletusnya Musuh Tok Janggut). Mulai 5 Ogos 1917 dilantik sebagai seorang guru kitab di Masjid Burok Kota Bharu Akhir 1920-an, dilantik pula sebagai salah seorang Penolong Mufti (bersama Tok Kenali) kepada Dato' Mufti Haji Ibrahim Tok Raja. Beliau meninggal dunia pada 18 Mac 1931. Seorang lagi menantu Pak Chik Musa yang terkenal alim ialah Tuan Guru Haji Abdullah Kg. Bunut Sarang Burong (meninggal 24 Januari 1996), manakala Tuan Guru Haji Wan Mat Jal yang masyhur berkat itu pula adalah cucu Pak Cik Musa dari sebelah anak perempuannya.

36 Suami keduanya ialah Haji Muhammad Said bin Haji Jamaluddin, seorang pengembang atau Sheikh Tarekat Ahmadiyah di selatan Semenanjung, khususnya di Negeri Sembilan. Lihat tokoh ulama *Pengasuh* bilangan 512/1991.

37 Temu bual dengan Wan Muhammad Saleh bin Haji Muhammad Said di rumahnya di Lorong Che Husin, Kota Bharu pada 2 November 1974 dan 13 Mei 1977 (meninggal 10 Ogos 1982). Beliau adalah anak saudara kepada Hajah Wan Safiah. Ini kerana ibunya Hajah Wan Kal som, ialah adik kepada Hajah Wan Safiah tetapi kakak kepada Haji Wan Hasan Kemboja (salah seorang guru kitab di Masjid Kota Bharu).

Wan Ahmad dilantik memegang jawatan Khatib bagi menggantikan tempat Haji Wan Daud Patani<sup>38</sup> yang bersara pada hari yang sama. Gaji seorang Khatib pada masa itu ialah sebanyak \$30.00 sebulan. Beliau kekal dalam jawatan Khatib di Masjid Muhammadi dan guru di surau Sultan sehingga akhir Februari 1942. Lantaran lamanya berkhidmat sebagai Khatib (berbanding dengan jawatan-jawatannya yang lain) maka beliau lebih dikenali dengan panggilan Haji Wan Ahmad Khatib.

Semasa beliau ditukarkan ke jawatan Imam Muda pada 1 Mac 1942, gajinya tidak berubah – masih \$30.00 sebulan. Hanya setelah menyandang jawatan Imam Tua pada 1 Mei 1943 barulah gajinya bertambah \$5.00 menjadi \$35.00 sebulan dan meningkat kepada \$40.00 sebulan pada tahun berikutnya (berkuatkuasa 1 April 1944), iaitu mengikut skim gaji baru. Dua jawatan kehormatnya: Ahli Jemaah Ulama Majlis (5 April 1932 – 1945) dan anggota Majlis Agama Islam Kelantan (12 Februari 1933 – 28 Februari 1945).

### Pembaca Quran

Satu jawatan baru yang cuba diperkenalkan pada zaman Haji Wan Ahmad menjadi Imam Tua ialah jawatan Pembaca Quran di Masjid Muhammadi (perlu diingatkan, sehingga ke akhir Perang Dunia Kedua, Masjid Muhammadi masih belum mempunyai pembesar suara). Percubaan tersebut telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis kali ke-354 (12 April 1945) yang dihadiri oleh kesemua 12 orang anggotanya yang “bersetuju diadakan 2 orang Pembaca Quran di Masjid Muhammadi pada tiap-tiap hari Jumaat iaitu:

- (1) Haji Abdullah Zawawi bin Haji Yusof al-Kunali<sup>39</sup> dan
- (2) Haji Muhammad bin Haji Yusof Al-Bandari<sup>40</sup>

<sup>38</sup> Nama penuhnya ialah Haji Wan Daud bin Haji Wan Ismail. Lahir di Patani tetapi bermukim di Kota Mekah sejak kecil lagi. Beliau merupakan salah seorang pentashuh awal kitab-kitab Jawi di bawah pengawasan saudara sepupunya, Sheikh Ahmad bin Muhammad Zam Al-Fatani (tokoh ulama *Pengasuh* bilangan 447/1979) Setelah berusia separuh abad, turun ke Jawi lalu menetap di Kelantan – negeri asal kedua-dua orang mertuanya. Tok Wan Ali Kutan (tokoh ulama *Pengasuh* bilangan 411/1975) dan Haji Ismail Kadi (baip kepada Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Haji Nik Mahmud). Mengarang *Umdat al-Murid* (Mac 1900) dan *Risalah Segugus Bunga* (Disember 1902). Mengambil tempat Haji Wan Abdullah anak Tuan Tabal sebagai Khatib 2 (19 Mei 1917 – 29 Februari 1924) di Masjid Besar Kota Bharu, juga menjadi anggota MAIK (13 Ogos 1919 – 31 Julai 1930). Meninggal dunia di Kota Bharu pada 13 Oktober 1936. Dua orang anaknya yang dikenali ramai ialah Haji Nik Mat atau Sheikh Muhammad Daud (bergelar Tok Api) dan Ustae Haji Wan Mahmud Daud, guru Arab yang ternama itu.

<sup>39</sup> Dekanli juga dengan panggilan Tok Wi. Putera bongsu Tok Kenali ini tergolong seorang ahli lagu dan qari masyhur pada zaman itu. Sudah lama bersara daripada perkhidmatan pendidikan kerajaan Arab Saudi dan sekarang, dalam lingkungan usia 70 tahun, masih mendalami ilmu di Mesir (tinggal dua qura'at sahaja lagi yang belum khatam). Difahamkan Tok Wi bercadang untuk pulang menetap di Kelantan selepas tamat pengajarannya – dua tahun lagi. *Insy'a-Allah*.

<sup>40</sup> Anak saudara Dato' Lela Negara Haji Ahmad Ismail (dari sebelah ibunya) Bapanya, Haji Yusof bin Saleh berasal dari Kg Bandar Machang Murid Haji Ahmad Hakim. Haji Yusof Kedondong dan Haji

bagaimana syor Haji Nik Muhammad Adeeb, dengan gaji sebanyak \$30.00 sebulan tiap-tiap seorang – diambil daripada wang bahagian kebajikan daripada harta wakaf almarhum Tengku Kaya Pahlawan yang ada sebanyak \$2,000.00 lebih” iaitu mulai daripada 1 Mei 1945.

Diceritakan, salah seorang daripada mereka akan mula membaca ayat-ayat suci al-Quran satu jam sebelum waktu Jumaat (selama setengah jam seorang).

Tetapi, enam bulan selepas itu, anggota-anggota Majlis yang menghadiri mesyuarat kali ke-364 (18 Oktober 1945) diberitahu bahawa Raja Kelantan (Sultan Ibrahim) telah menitahkan supaya “memberhentikan dua orang pembaca Quran di dalam Masjid Muhammadi pada tiap-tiap hari Jumaat itu” kerana (mengikut sumber lisan) boleh mengganggu orang yang sedang sembahyang atau ibadat lain. Kelapan-lapan anggota Majlis yang hadir “mengaku taat menjunjung titah itu.”

Adalah diceritakan baginda bertindak demikian atas nasihat Haji Ismail Labok.<sup>41</sup> Tidak berapa lama selepas larangan termaklum barulah dipasang pembesar suara di Masjid Muhammadi.

Dalam hubungan ini, patut disebut bahawa pemberhentian Haji Abdullah Zawawi tidak berbangkit, kerana secara kebetulan beliau telah pun mengundurkan diri – sejak 1 Julai 1945 lagi. Adapun perkhidmatan Haji Muhammad Kg. Bandar, walaupun ditamatkan pada 1 November 1945, tetapi 19 bulan kemudian (1 Jun 1947), diteruskan jawatan bilal sementara di Masjid Muhammadi, berelaun \$15.00 sebulan. Pada 1 Januari 1948, beliau dilantik ke jawatan Bilal Tetap (bergaji \$20.00 sebulan) bagi mengambil tempat Haji Mat Lintar Kubang Bemban yang berhenti kerana uzur.

## Cuti Sakit

Mesyuarat Anggota Majlis kali ke-359 pada 21 Januari 1945 bersetuju meluluskan permintaan Haji Wan Ahamd untuk bercuti selama 2 bulan kerana keuzuran – penyakit kencing manis – mulai 10 Jun hingga 9 Ogos 1945. Selanjutnya, mesyuarat ke-363 pada 27 September 1945 bersetuju membenarkan beliau “..... menyambung cuti sakitnya selama 2 bulan lagi

---

Nik Man Tok Khatib ini kemudiannya pergi belajar di Mekah (selama 4 tahun). Berkhidmat sebagai Bilal Masjid Muhammadi dan Bilal Masjid Langgar selama suku abad. Temu bual di rumahnya di Jalan Atas Banggol, Kota Bharu pada 25 Julai 1994. Sekarang berusia 76 tahun dan masih sihat.

41 Nama penuluhan iaafah Haji Ismail bin Haji Abdul Majid. Berasal dari Kg. Labok, Machang. Belajar di Kota Bharu dan Mekah. Pernah berkhidmat sebagai Mufti Kerajaan Pontianak (Kalimantan Barat) selama suku abad sebelum pulang menetap di Kota Bharu. Empat jawatan penting yang disandang dalam tahun 1940-an ialah sebagai guru kitab daerah satu di Merbau (1 Januari 1940 – 31 Mei 1945), penterjemah Arab ke Melayu (berkuatkuasa 1 Julai 1941), khatib Masjid Muhammadi (1 Mei 1943 – akhir 1950) dan guru agama di Istana Sultan Ibrahim. Dengan sebab itu tidak hairanlah beliau juga diberi kepercayaan menganggotai Jemaah Ulama Majlis (10 April 1940 – 8 Februari 1947). Maklumat lanjut mengenai beliau sila lihat *Pengasuh* bil. 432 (April 1978)

iaitu sehingga 30 September 1945 dan juga bersetuju meluluskan permintaannya bersara daripada jawatannya kerana didapati benarlah ia uzur dan lambat sembah penyakit itu bagaimana keterangan Ahmad Ismail (Ahli Majlis) yang telah pergi melawat kerana menyaksikan kesakitannya itu bersekali dengan 2 orang Ahli Majlis mulai daripada 1 Oktober 1945.”

Tarikh tepat kematian menantu angkat baginda Sultan Muhammad ke-4 ini tidak perolehi. Yang pastinya beliau mati sebelum tarikh Mesyuarat Majlis kali ke-366 (Khamis, 22 November 1945) kerana mesyuarat pada hari itu turut membentangkan “cadangan hendak menimbaangkan pemberian hadiah kepada (waris terdekat) gemulah Haji Wan Ahmad Imam Tua Masjid Muhammadi ....”. Bagaimanapun, cadangan tersebut terpaksa dibentang semula semasa berlangsungnya Mesyuarat Kali ke-369 (17 Januari 1946) yang akhirnya “bersetuju menimbaangkan pemberian hadiah setahun gaji sebanyak \$480.00 kepada orang-orang yang ditanggung oleh gemulah Haji Wan Ahmad ....” itu.

### **Haji Nik Abdul Rahman bin Haji Wan Abdullah Khatib**

Tokoh yang lebih dikenali dengan panggilan Haji Nik Man Tok Khatib ini adalah anak kepada Haji Wan Abdullah (Tok Khatib Haji Nik Lah) bin Haji Abdul Samad (Tuan Tabal) – penyandang Khatib 2 di Masjid Kota Bharu (berkhidmat sehingga 17 Mei 1917), iaitu sebelum Haji Wan Daud Patani. Sebelum melanjutkan pelajaran di kota Mekah, beliau belajar membaca Al-Quran dengan Imam Haji Nik Mud. Haji Nik Abdul Rahman merupakan Imam Tua terakhir yang berkhidmat di Masjid Muhammadi berkuat kuasa pada 4 Julai 1946 dan berkhidmat sehingga meninggal dunia pada 22 Januari 1968. Jawatan pertamanya (mulai 1 Januari 1940) ialah sebagai guru kitab darjah 2 di Jami’ Merbau Al-Ismaili (pusat pengajian pondok lanjutan yang meneruskan halaqat pengajian kitab di Masjid Muhammadi sebelum itu). Semasa dalam tempoh percubaan selama 6 bulan beliau diberi gaji sebanyak \$31.50 sebulan. Pada tahun ke-2 (mulai 1 Julai 1941) gajinya dinaikkan menjadi \$34.00 sebulan dan meningkat kepada \$35.00 pada 1 Januari 1942. Berikutnya perubahan skim gaji baru, mulai 1 Januari 1943 Haji Nik Man menerima gaji sebanyak \$40.00 sebulan dan meningkat kepada \$43.00 pada tahun 1944. Tahun berikutnya naik kepada \$46.00 sebulan.

Mulai 1 Mei 1945, beliau menerima bayaran tambahan sebanyak \$25.00 sebulan sebagai elauan guru sementara kelas khas Qism al-Mu’allimin al-Awwal ke-9 di Jami’ Merbau.<sup>42</sup> Hingga 31 Disember 1949 kerana musafir ke Mekah dan pulang berkhidmat semula pada awal tahun 1950. Di samping

42 Antara tokoh-tokoh pendidik lain yang turut menyumbang tenaga di kelas khas ini termasuk Haji Ali Pulau Pisang dan Haji Ahmad Maher (tempoh perkhidmatan mereka 1 Mei 1945 – 1 Mac 1946), juga Haji Muhammad Nor Penambang (1 April 1945 – 31 Mei 1946).

itu, mulai 5 Januari 1952 beliau dipinjam sebagai guru Arab di Madrasah Al-Arabiah Jami' Merbau Al-Ismaili (sekolah Arab Majlis) dengan diberi elaun bulanan \$45.00 dan meningkat kepada \$55.00 pada 1 Februari 1955. Apabila pengajian pondok Jami' Merbau dibubarkan, beliau berkhidmat secara tetap di sekolah Arab Majlis termaklum (mulai 3 Julai 1956 dikenali dengan nama baru: Maahad Muhammadi). Difahamkan perkhidmatannya di Maahad Muhammadi berlanjutan sehingga tahun 1966. Kejayaan turut meningkat – \$120.00 sebulan (sehingga 1 Julai 1960). Murid-murid Haji Nik Man tersangat ramai. Ini kerana kebanyakkan pelajar Maahad Muhammadi pada zamannya adalah murid-murid beliau belaka. Selain bertugas sebagai Imam Tua/Pendaftar Nikah Cerai, mengajar sekolah dan menjadi pemimpin di madrasah peninggalan ayahandanya, beliau juga pernah dilantik sebagai Penyelia Mubaligh bagi Jajahan Kota Bharu (dimulai 20 Ogos 1962).

Bahkan beliau turut terpilih menganggotai Jemaah Ulama Majlis selama beberapa penggal (1 Januari 1940 hingga 1960-an) serta pernah dilantik menjadi Naib Pengurus (lantikan 2 Mei 1951). Sebagaimana Imam-Imam Tua terdahulu, Haji Nik Man pun pernah diamanahkan menjadi salah seorang ahli anggota Majlis Agama Islam Kelantan, berkhidmat mulai 1 Julai 1948 hingga 30 November 1953. Selepas kematiannya (awal 1968), jawatan Imam Tua Masjid Muhammadi terbiar kosong bertahun-tahun. Sebab sebenar jawatan tersebut tidak diisi kurang jelas. Sepanjang tempoh kekosongan termaklum, tugas-tugas Imam Tua dijalankan oleh Imam Muda dan Imam Waktu, manakala tugas Khatib pula dikendalikan oleh Haji Nik Man Kadim (Haji Nik Abdul Rahman bin Imam Haji Nik Mahmud), iaitu Pegawai Zakat Majlis (bersara 1 Januari 1976) yang telah sedia dilantik sebagai pemangku Imam Muda semenjak 1 September 1965 lagi. Beliau bertugas secara bergilir-gilir dengan Ustaz Haji Nik Ismail,<sup>43</sup> iaitu anak sulung kepada Haji Nik Man Tok Khatib termaklum.

Sesudah hampir 10 tahun berlalu, jawatan Imam Tua di Masjid Muhammadi akhirnya digantikan dengan satu jawatan baru – Imam Besar. Bidang tugas Imam Besar adalah jauh lebih luas, bukan lagi tertumpu di Masjid Muhammadi sahaja, akan tetapi termasuk juga menangani urusan pentadbiran di masjid-masjid bandar di seluruh jajahan dalam negeri Kelantan. Dengan sebab itu penyandangnya ditempatkan di pejabat Majlis Agama Islam Kelantan.

Penyandang pertama di bawah senarai tugas yang jauh lebih luas ini

<sup>43</sup> Jawatan hakikinya ialah sebagai guru agama di Maahad Muhammadi, Kota Bharu, berkhidmat sehingga bersara 1 Januari 1988. Difahamkan beliau adalah Khatib jemputan yang paling lama pernah bertugas di Masjid Muhammadi – 22 tahun – berhenti pada akhir Disember 1991 (mulai bertugas pada akhir tahun 1969).

ialah Haji Hasbullah (sekarang Dato') bin Muhammad Hasan, berkhidmat mulai 1 Disember 1977 sehingga diangkat ke jawatan Timbalan Mufti (pada 1 April 1987). Imam Besar yang ke-2, Haji Ismail bin Sayudina yang dilantik pada 1 Ogos 1989 juga berpejabat di bangunan Majlis. Semenjak awal April 1992, tugas pentadbiran Masjid Muhammadi banyak dijalankan oleh Ustaz Wan Zulkifli bin Wan Omar, seorang hafidz yang berjawatan Penolong Imam Besar – 1 jawatan baru. Pejabatnya bertempat di Masjid Muhammadi – di atas loteng bangunan tambahan sebelah kanan.

Sebagai mengakhiri tulisan ini, berikut disenaraikan nama-nama pegawai lain yang pernah berkhidmat di Masjid Muhammadi (tarikh dalam kurungan adalah tempoh perkhidmatan mereka).

### **Imam Muda**

- 1) Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad (16/11/1896 – 4/11/1907)
- 2) Haji Nik Mahmud bin Haji Nik Abdul Kadir (8/2/1909 – 8/2/1921)
- 3) Haji Ahmad Hafidz bin Haji Jamaluddin (9/2/1921 – 28/2/1942)
- 4) Haji Wan Ahmad bin Haji Muhammad Said (1/3/1942 – 30/4/1943)
- 5) Haji Nik Abdul Rahman bin Nik Kub (1/5/1943 – 30/6/1949)
- 6) Haji Nik Mat bin Haji Wan Musa (1/1/1949 – 28/2/1951)

### **Imam Waktu**

- 1) Haji As'ad bin Haji Daud (19/6/1927 – 31/12/1930)
- 2) Haji Ahmad Hafidz bin Jamaluddin (1/1/1931 – 31/1/1942)
- 3) Haji Nik Mat Puteh bin Khatib Wan Musa (1/5/1943 – 31/12/1948)
- 4) Haji Ishak bin Lebai Din/Shamsuddin (1/2/1951 – 30/11/1968)
- 5) Haji Abdul Aziz bin Haji Noh (1/8/1967 – 31/12/1989)
- 6) Ustaz Haji Ismail bin Yusuf (16/1/1990 – sekarang)

### **Khatib**

- 1) Haji Wan Musa bin Haji Wan Sulaiman (zaman Imam Haji Wan Abdullah Sungai Budor)
- 2) Haji Wan Omar bin Haji Wan Sulaiman (pada 23/2/1900 dilaporkan demam, yakni masih hidup)

3)	Haji Muhammad Said bin Haji Jamaluddin	(sebelum 14/3/1909 – 31/3/1937)
4)	Haji Wan Abdullah bin Haji Abdul Samad	(21/2/1908 – 17/5/1917)
5)	Haji Wan Daud bin Haji Wan Ismail	(19/5/1917 – 30/9/1932)
6)	Haji Wan Ahmad bin Haji Muhammad Said	(1/10/1932 – 28/2/1942)
7)	Haji Nik Muhammad Adeeb bin Haji Nik Mat Api	(1/8/1937 – selepas 1/7/1949)
8)	Haji Nik Abdul Rahman bin Nik Kub	(1/3/1942 – 31/12/1944)
9)	Haji Ismail bin Haji Abdul Majid	(1/5/1943 – 29/10/1950)

### Bilal

1)	Haji Jusoh Kechik	(zaman Imam Haji Wan Abdullah Sungai Budor)
2)	Haji Yusof bin Muhammad Taib	(16/11/1896 – 29/2/1924)
3)	Haji Abdul Latif bin Jalaluddin	(1/4/1916 – 10/10/1929)
4)	Haji Muhammad Salih bin Musa	(21/2/1908 – 17/5/1917)
5)	Haji Nik Mustafa bin Nik Mahmud	(1/3/1924 – 9/5/1933)
6)	Haji Ahmad bin Haji Mamat	(6/7/1933 – 31/12/1947)
7)	Haji Muhammad bin Haji Yusuf	(1/6/1947 – 31/8/1965)
8)	Haji Ishak bin Lebai Din/Shamsuddin	(1/1/1948 – 31/1/1951)
9)	Haji Ismail bin Abdul Rahman	(1/7/1948 – 30/6/1955)
10)	Haji Abdul Latif bin Abu Bakar	(1/3/1952 – 31/3/1955)
11)	Haji Abdul Aziz bin Haji Noh	(1/4/1955 – 31/7/1967)
12)	Haji Yusof bin Haji Bulat	(1/7/1955 – 31/12/1969)
13)	Haji Mukhtar bin Haji Ahmad	(1/8/1967 – 31/12/1986)
14)	Haji Abdul Rahman bin Muda	(1/1/1970 – 15/9/1978)
15)	Haji Nordin bin Idris	(16/9/1978 – sekarang)
16)	Muhammad Saufi bin Ismail	(12/11/1986 – 31/12/1987)
17)	Haji Abdul Rahim bin Haji Ahmad	(1/1/1988 – sekarang)

### Rujukan

- Pengasuh,      bil. – 19 Nov 1907  
                   bil. 142, 21 Mac 1924  
                   bil. 411, 1975  
                   bil. 432, April 1978  
                   bil. 447, 1979

Tengku Zainal Abidin bin :  
Sultan Muhammad III

bil. 497, 1989  
bil. 512, 1991  
bil. 524, 1992  
bil. 525, 1993  
bil. 537, Jan/Feb 1995  
bil. 540, Nov/Dis 1995  
Catatan Raja Muda Jilid I  
(Arkib Negara Malaysia).

## *Kelantan Sebelum Persekutuan Tanah Melayu\**

ZETIMIMI ZAKARIA

### **Sejarah Negeri Kelantan**

Sejarah awal negeri Kelantan tidak banyak diketahui. Cerita-cerita mulut menyebut bahawa nama "Kelantan" berasal dari "gelam hutan" atau Melaleuca Leucadendron iaitu sejenis pokok gelam yang tumbuh di sekitar pantai negeri itu.<sup>1</sup>

Negeri Kelantan dianggap sebagai sebuah negeri tertua di Semenanjung Tanah Melayu. Kelantan dikatakan telah didiami oleh manusia 2,000 atau 3,000 tahun sebelum Masihi. Hakikat ini adalah berdasarkan kajian yang dibuat oleh rombongan yang diketuai oleh Dr. G. de G. Sieveking dalam tahun 1953 di Gua Cha.<sup>2</sup> Kelantan mempunyai ciri-ciri budayanya yang tersendiri, terkenal sebagai lubuk budaya, pusat pengajian dan pemancaran Islam serta pusat tradisi intelektualisme yang kukuh.

Dengan satu lingkungan sejarah yang panjang, bentuk pemerintahan yang diamalkan adalah warisan sistem politik Melayu tradisional yang terdapat sejak turun temurun di Alam Melayu. Sejak dari awal Kelantan diketahui mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Bukti paling awal mengenai kesultanan Kelantan diperolehi dari Sejarah Cina. Sumber ini

\* Rencana ini asalnya ialah Bab I kepada Latihan Ilmiah berjudul "Kelantan Dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948–1963" oleh Zetimimi bt. Zakaria yang telah dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujaan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kebangsaan Malaysia, Bangi, sesi tahun 1994. Telah disesuaikan untuk siaran ini oleh Penyelenggara 'Warisan Kelantan'.

1 Administration Report for the Year 1931, A.S. Haynes, British Administration.

2 Mohd Husin Khalij Hj. Awang, Kelantan Dari Zaman Ke Zaman: Syarikat Dian, 1970, hlm. 6.

yang ditulis dalam abad ke-15 Masihi menyebut bahawa pada masa itu Kelantan diperintah oleh seorang raja bernama Maharaja Kumar.<sup>3</sup> Sistem kesultanan itu terus diamalkan hingga ke hari ini, walaupun dalam rentetan sejarah Kelantan pernah berada di bawah naungan Siam, Inggeris dan Jepun.

### Sistem pentadbiran sebelum kedatangan Inggeris

Seperti yang dikatakan kerajaan Kelantan berdasarkan kepada sistem beraja. Raja yang bertindak sebagai kepala pemerintah diasaskan kepada konsep puncak kekuasaan dan kewibawaan yang merupakan simbol kekuasaan, kedaulatan, kemuliaan, kebesaran, kesucian, kepimpinan dan perpaduan rakyat. Dalam mentadbir negeri raja dibantu oleh tiga golongan pembantu. Pertama ialah golongan kerabat diraja yang terdiri dari mereka yang berdarah raja dan ada hubungan dengan pemerintah. Golongan kedua ialah orang-orang kenamaan atau golongan bangsawan yang terdiri dari mereka yang begelar Syed, Nik dan Wan. Ketiga ialah golongan Orang Besar-Besar yang terdiri dari orang kebanyakan atau rakyat biasa yang memegang jawatan tinggi dalam pentadbiran negeri. Fungsi utama ketiga golongan ini ialah atas titah raja, mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan adat istiadat, pentadbiran, kewangan, kehakiman, keselamatan, pertahanan dan hubungan luar negeri.<sup>4</sup>

Sistem politik sesebuah negara lazimnya merangkumi negara dan kerajaan. Unit politik yang terbesar bermula dengan negeri seperti di Kelantan. Sesebuah negeri pula terbahagi kepada unit-unit yang lebih kecil yang dipanggil jajahan (daerah). Setiap jajahan terbahagi pula kepada beberapa daerah yang mengandungi pula beberapa buah mukim. Setiap mukim pula mengandungi beberapa buah kampung.

Sesebuah jajahan dipimpin oleh pembesar yang terdiri dari kerabat diraja. Mereka ini biasanya dilantik oleh Sultan. Mana-mana jajahan yang penting diletakkan di bawah kuasa keluarga-keluarga diraja. Contohnya jajahan Menara di kawasan Tabal adalah dibawah kuasa Raja Muda (Tuan Zainal Abidin) iaitu semasa pemerintahan Tuan Long Senik (1900–1909)<sup>5</sup>

Sementara itu Tok Kweng ialah ketua bagi satu atau lebih daerah.<sup>6</sup> Biasanya Tok Kweng ini dilantik oleh Sultan dan lazimnya dipilih

3 Nik Mohamad Bin Nik Mohd Salleh, Sistem Politik Dan Kesultanan Kelantan, dalam Kelantan Zaman Awal Kajian Arkeologi Dan Sejarah Di Malaysia, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1987, hlm 24–26

4 Nik Mohamed Bin Nik Mohd Salleh, Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan, dalam Kelantan Zaman Awal Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1987, hlm 24

5 C.O. 273/350: Anderson kepada Earl of Crewe, 2 Ogos 1909, fl 317

6 Abdullah Alwi Haji Hassan, Kelantan: Islamic Legal History Before 1909, dalam Malaysia In History, vol 23, 1980, hlm 14

berdasarkan harta yang dimilikinya. Ia merupakan orang perantaraan di antara pemerintah dengan rakyat dan bertanggungjawab secara langsung kepada pemerintah bagi mentadbir kawasan pedalaman.

Tok Kweng telah mengambil alih tugas Imam Surau Besar seperti memungut cukai dan mengerahkan tenaga rakyat melalui lembaga kerah, mengerahkan keamanan dan melaksanakan perintah-perintah Sultan. Imam surau besar bertanggungjawab untuk memungut zakat harta dan zakat fitrah, menguruskan soal-soal perkahwinan dan perceraian serta soal harta pusaka.<sup>7</sup> Imam dilantik oleh Sultan mestilah seorang yang taat kepada agama, alim, mengetahui mendalam tentang Al-Quran serta tahu bahasa Arab dan dari keluarga yang baik.

Dalam pada itu, unit terkecil ialah mukim yang terdiri dari beberapa buah kampung. Biasanya dipimpin oleh Tok Nebeng atau Penghulu. Perlantikannya disahkan oleh pembesar jajahan yang biasanya disyorkan oleh Tok Kweng. Masyarakat Cina pula mempercayai pemimpinnya sendiri iaitu dikenali sebagai Kapitan Cina. Beliau bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal orang-orang Cina. Dengan ini ternyata Negeri Kelantan telah mempunyai hiraki pentadbiran tradisional yang tersusun.

Selain dari itu, harus diketahui bahawa sebelum kedatangan Inggeris, undang-undang yang digunakan ialah undang-undang Islam dan Undang-Undang Adat. Perundangan Islam berdiri kukuh di Kelantan semenjak zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800–1837). Manakala semasa pemerintahan Sultan Muhammad I (1839–1886) perundingan Islam lebih meluas diamalkan. Dua bentuk mahkamah telahpun ada iaitu Mahkamah Jenayah dan Mahkamah Syariah. Perundingan Islam dan pentadbiran agama berjalan dengan baik. Sultan bertindak membentuk struktur mahkamah dan langkah pertama ialah dengan melantik seorang hakim iaitu Sayyid Jaafar bin Sayyid Alwi untuk mengendalikan Mahkamah Jenayah.<sup>8</sup>

Di zaman pemerintahan Sultan Mansur (1891–1900) peranan Mufti diwujudkan. Mufti bertanggungjawab dalam mengendalikan imam-imam serta pegawai lain seperti Khatib dan Siak. Mufti akan menguruskan kes-kes di Mahkamah Syariah. Bermula dari tahun 1893 hingga 1894, Hakim telah dilantik oleh Sultan. Mahkamah Negeri Kelantan merupakan Mahkamah Tinggi pada waktu itu. Dalam tahun 1896, dibentuk pula Mahkamah Adat untuk membicarakan kes-kes jenayah. Hakim bertugas mengendalikan kes-kes di Mahkamah Adat sementara Mufti pula di Mahkamah Syariah.

7. William R. Roff, *Kelantan: Religion Society And Politics In a Malay State*, Oxford University Press, 1974, hlm. 112.

8. Abdullah Alwi Haji Hassan, *Kelantan Islamic Legal History Before 1900*. Dalam ‘Malaysia In History’ Vol. 23 1980 hlm. 11–12.

Pada pendapat penulis, perlu dinyatakan serba sedikit tentang hubungan Kelantan dengan Siam sebagai suatu renteten penting kepada sejarah negeri Kelantan. Sebenarnya di dalam soal hubungan negeri-negeri Melayu Utara termasuk Kelantan telah ditafsirkan oleh beberapa orang pemerhati dan penulis barat. Mereka nampaknya sekata dalam menggambarkan bahawa Kerajaan Siam lebih besar dan kuat dari segi politik dan ketenteraan berbanding dengan negeri-negeri Melayu. Oleh kerana itu dikatakan juga bahawa Kerajaan Siam telah berjaya memainkan peranan sebagai kerajaan Pertuanan di abad ke-19 khususnya ke atas Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Kelantan dikatakan kira-kira di antara tahun 1776–1800, telah berlindung di bawah kerajaan Terengganu. Namun apabila peperangan meletus di antara kedua kerajaan pada akhir abad ke-18, maka timbul keperluan politik supaya hubungan persahabatan yang bersifat perlindungan dibuat dengan kerajaan Siam.<sup>9</sup> Ini adalah demi kepentingan untuk mendaulatkan kerajaan Kelantan yang dipimpin oleh Sultan Muhammad I. Ancaman Kerajaan Terengganu untuk mengembalikan hak ketuanannya di Kelantan pada awal abad 19 merupakan faktor utama yang mengakibatkan wujudnya hubungan persahabatan diantara kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Siam.

Seandainya dipandang dari segi kepentingan politik kerajaan Kelantan, maka sifat ketuanan Kerajaan Siam dapat dikatakan berdasarkan lunas sepakat dan bersahabat. Penghantaran Bunga Mas pada tiap-tiap tiga tahun sekali pula diertikan sebagai tanda pakatan dan persahabatan di antara dua kerajaan ini. Namun disebabkan kuasa politik Kerajaan Siam lebih kuat daripada Kerajaan Kelantan maka sifat hubungan antara kerajaan ketuanan dan lindungan memang wujud.

Memandangkan kepada kedudukan politik Sultan Muhammad I pada awal pemerintahannya yang masih belum mantap maka perlindungan politik perlu diperolehi. Oleh yang demikian, baginda merasa perlu membuat hubungan diplomatik dengan negara yang lebih besar supaya dapat dijadikan sahabat dan tempat pergantungan di saat yang memerlukan.<sup>10</sup> Satu persetujuan telah dicapai supaya Kerajaan Kelantan menghantar perwakilan untuk mengadap Raja di Bangkok. Anggota perwakilan tersebut terdiri daripada pembesar-pembesar dan panglima-panglima yang dipimpin oleh Pak Wan Mahimud, dengan perantaraan Raja Ligor.<sup>11</sup> Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1812.<sup>12</sup>

Perwakilan dari Kerajaan Kelantan telah diterima dengan baik oleh

<sup>9</sup> Rahmat Saripan, Kelantan 1776–1842. Suatu Kajian Tentang Perkembangan Politik Melayu Tradisional Dewan Bahasa dan Pustaka 1979, hlm. 75

<sup>10</sup> Mohd. Husin Khalil Haji Awang, Kelantan Dari Zaman ke Zaman Syarikat Dian, 1970, hlm. 45

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 45. Ligor kemudian dipanggil Nakorn Sri Thammarat oleh orang-orang Siam.

<sup>12</sup> W.A.R. Wood, 'A History of Siam', 1926.

Raja Siam dan baginda telah memberi jaminan untuk membantu apabila ditimpa kesusahan. Kerajaan Kelantan telah diletakkan di bawah kawalan/jagaan Raja Ligor sejak dari tahun 1812 dan segala urusan diplomatik dengan Raja Siam adalah melalui Raja Ligor. Persahabatan Kelantan – Siam yang telah terjalin sejak dari tahun 1812 ini berterusan sehingga tahun 1909 apabila negeri Kelantan di serahkan oleh Siam kepada Inggeris.

Kemangkatan Sultan Muhammad I pada tahun 1837 menandakan bermulanya pola campur tangan Kerajaan Siam dalam masaalah politik Kelantan khususnya berkaitan dengan soal penggantian. Sultan Muhammad I yang mandul itu dikatakan telah mengutus surat kepada Raja Ligor dengan menyatakan hasrat untuk menjadikan putera saudara baginda yang bernama Tuan Senik Mulut Merah sebagai bakal Sultan Kelantan. Akibatnya perperangan saudara telah meletus pada tahun 1837–1839. Ini adalah kerana selepas kemangkatan Sultan Muhammad I, pada tahun 1837, Majlis Mesyuarat Negeri memutuskan atau bersetuju Long Zainal yang bergelar Raja Bendahara, adinda kepada almarhum Sultan Muhammad I, menjadi pengganti dengan gelaran Yang Dipertuan dan mengenepikan Tuan Senik Mulut Merah.<sup>13</sup> Tuan Senik Mulut Merah yang bersikap pro-Siam itu telah berjaya menyingkirkan Yang Dipertuan Long Jenal (Long Zainal) atas sokongan politik yang kuat daripada pihak Siam. Baginda telah menggunakan gelaran Sultan Muhammad II dan disahkan oleh Bangkok. Baginda mangkat pada tahun 1886 dan merupakan raja yang paling lama memerintah negeri Kelantan, kira-kira 47 tahun.<sup>14</sup>

Selepas kemangkatan baginda, Long Sulung atau Tuan Ahmad telah dilantik menjadi Sultan dengan gelaran Sultan Ahmad. Sepanjang pemerintahan Baginda Negeri Kelantan berada di dalam aman damai tanpa adanya pertelingkahan berlaku seperti keadaan sebelumnya. Baginda mangkat pada tahun 1889. Pada waktu inilah telah berlaku pula pertikaian mengenai pengganti Sultan di kalangan keluarga diraja Kelantan. Satu utusan telah dihantar ke Bangkok untuk menyelesaikan permasalahan ini, demi mengelakkan daripada berlakunya perang saudara, di antara putera-putera Sultan Ahmad dengan ayahanda-ayahanda saudara mereka dan kerabat-kerabat yang lain.<sup>15</sup> Hasilnya, Raja Siam telah membuat pembahagian kuasa pemerintahan negeri untuk melicinkan pentadbirannya.

Long Kundur putera sulong kepada Sultan Ahmad telah dilantik menjadi Sultan dengan gelaran Sultan Muhammad III. Baginda dibantu oleh beberapa orang ayahanda saudaranya seperti Long Mahmud yang bergelar Tengku Seri Maharaja, Long Salleh yang bergelar Tengku Temenggung, Long Mansur yang bergelar Raja Muda, Tuan Chik Abdullah yang bergelar

<sup>13</sup> Rahmat Saripan, Kelantan 1776–1842, Suatu Kajian Tentang Politik Melayu Tradisional, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm 88

<sup>14</sup> Mohd. Husin Khalil Haji Awang, Kelantan Dari Zaman ke Zaman, Syarikat Dian, 1970, hlm 74

<sup>15</sup> Mohd Husin Khalil Haji Awang, Kelantan Dari Zaman ke Zaman, Syarikat Dian, 1970, hlm 81–86

Tengku Bendahara, Long Yusuf yang bergelar Tengku Besar Indera Raja dan Tuan Chik Penambang yang bergelar Tengku Panglima Raja.

Di zaman sepuluh tahun terakhir abad ke-19 (1890–1900), Kerajaan Kelantan menyaksikan suatu zaman yang tidak tenteram. Kelemahan dan perselisihan dalam keluarga diraja boleh dilihat sesudah Sultan Ahmad mangkat. Long Abdul Ghafar yang bergelar Tengku Putera, saudara Sultan Ahmad yang tidak terpilih sebagai Sultan setelah kemangkakan Sultan Ahmad, kekandanya, telah berjinak-jinak dengan Inggeris. Mengikut Henry Norman dalam tahun 1890, selepas beberapa bulan Sultan Ahmad mangkat, saudara-saudara Sultan Muhammad III datang menemui beliau agar Inggeris campur tangan.<sup>16</sup>

Sementara Hugh Clifford pula berkata, sebagai Pemangku Residen Negeri Pahang, beliau telah menerima surat dalam bulan Julai 1891 dari saudara-saudara Long Mansur (yang menjadi Raja Kelantan selepas Sultan Muhammad III) agar baginda disingkirkan.

Perasaan tidak puashati terjelma di hati saudara-saudara Sultan. Umpamanya Long Mahmud yang bergelar Tengku Besar atau Tengku Seri Maharaja menyedari bahawa cita-cita untuk menjadi sultan telah gagal. Dalam tahun 1896, tiga pucuk surat telah dikirim oleh baginda kepada Inggeris meminta agar disingkirkan Raja Kelantan (Long Mansor) dan sebagai gantinya seorang raja lain hendaklah dilantik oleh Inggeris.<sup>17</sup>

Perbincangan di atas membuktikan bahawa kedua belah piak yang bertelagah bagi merebut takhta Kelantan masing-masing mencuba mempelawa campurtangan Siam dan Inggeris di Kelantan dan ini telah menimbulkan suasana yang tidak stabil di negeri itu. Dalam hubungan ini pihak Siam mempunyai kedudukan yang lebih baik daripada Inggeris untuk campurtangan di Kelantan.

### Kelantan Menjadi Naungan British

Kedudukan Kelantan mulai berubah apabila Perjanjian Inggeris-Siam ditandatangani pada tahun 1909.<sup>18</sup> Perjanjian ini menandakan berakhirnya penguasaan Siam ke atas Kelantan dan berakhirnya juga penghantaran Bunga. Hubungan dengan Inggeris sebenarnya telah bermula secara tidak langsung apabila Long Senik Raja Kelantan telah mengikat satu perjanjian dengan seorang saudagar Inggeris Robert William Duff pada 10 Oktober 1900. Perjanjian Duff-Raja Kelantan yang termetri itu membolehkan Kompeni Duff mengerjakan tanah di antara Galas dan Lebir selama 40 tahun.<sup>19</sup> Syarikat ini dikehendaki membayar \$202,000 kepada

<sup>16</sup> Berita Minggu, 27 Ogos 1972.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> Rujuk Lampiran A – Perjanjian 1909.

<sup>19</sup> Leslie Ratnasingam Robert, "The Duff Syndicate in Kelantan 1900–1902, *JMBRAS*, vol. 45, part 1–2, 1972, him. 94.

Raja Kelantan bila kerja-kerja dimulakan, 4% daripada pendapatan dan 5% dari duti eksport.

Akibat daripada pemajakan tanah ini telah menimbulkan persengketaan politik di antara Kerajaan British dan Siam. Masalah ini berlaku kerana mengikut Perjanjian Burney yang ditandatangani pada tahun 1826, Inggeris mengakui kekuasaan Siam ke atas Kelantan. Ini membawa maksud Inggeris tidak boleh mencampuri hal ehwal negeri ini tanpa persetujuan baru. Selain dari itu Siam tidak seharusnya menghalang perdagangan Inggeris di Kelantan.

Kompeni Duff telah meletakkan dirinya dalam suatu keadaan yang menekan Kerajaan British. Dalam akhbar *Singapore Free Press* yang bertarikh 23 Ogos 1901, Duff secara terbuka menjelaskan bahawa Siam tidak ada hak untuk campurtangan di dalam perusahaan Inggeris. Seandainya Kerajaan Siam ingin berbuat demikian, ia haruslah mendapatkan kebenaran Kerajaan Kelantan dan Kerajaan British bagi menghadkan kuasa Raja Kelantan. Kerajaan British juga diseru agar mengumumkan bahawa hak-hak yang wujud di dalam perjanjian dahulu tidak dikuatkuasakan.<sup>20</sup> Ternyata apa yang dilakukan oleh Duff adalah untuk mencapai cita-citanya. Dengan itu dapatlah dinyatakan bahawa tujuannya ialah untuk mengekalkan Kelantan bagi maksud-maksud perdagangan British melalui naungan British dan untuk mencapai cita-cita ekonomi syarikat itu.

Dalam pada itu, tekanan penguasaan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu semakin ketara, terutamanya ke atas Wilayah Patani. Bangkok telah menolak untuk mengesahkan kenaikan pemerintah baru Patani sehingga ia membuktikan mahu berada di bawah taklukan Siam. Ini menunjukkan bahawa Siam telah memaksa pemerintah Patani tunduk kepada mereka. Pengawal Siam telah diletakkan untuk mengambil alih pengutipan cukai pendapatan dan melaksanakan undang-undang sivil. Raja Patani telah mengemukakan rayuan kepada Gabenor British di Singapura bagi mendapatkan perlindungan. Dalam tahun 1899, Raja Saiburi (Teluban) menentang kemaraan Siam dan berusaha mendapatkan sokongan British. Sementara itu pada tahun 1896 Pesuruhjaya Siam pula telah ditempatkan di Kota Bharu. Ini membayangkan seolah-olah Kelantan ditadbir secara terus oleh Kerajaan Siam di Bangkok.<sup>21</sup>

Campurtangan dan gangguan dapat dilihat semasa Long Senik menjadi Raja Kelantan pada awal tahun 1900. Kenaikannya sebagai Raja pemerintah Kelantan telah dibantu oleh Siam. Penempatan Pesuruhjaya dan tentera Siam di Kota Bharu telah memaksa Long Senik Rajak Kelantan pergi ke Bangkok untuk mengetahui keputusan bantahannya tetapi tidak memberi

20 Berita Minggu, 23 Ogos 1972

21 Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, Kelantan in Transition 1891–1910 dalam W.R. Roff, Kelantan: Religion Society and Politics in a Malay State, Oxford University Press, 1974, hlm. 35

apa-apa kesan. Sekembalinya ke Kelantan, baginda telah dilawati oleh beberapa orang pegawai Siam untuk mengingatkannya bahawa hubungan dengan rakyat British hendaklah dibuat melalui Pesuruhjaya Siam di Kelantan. Kelantan juga tidak boleh membuat sebarang perjanjian dengan negara asing tanpa pengetahuan Raja Siam.

Kerajaan British sendiri amnya bimbang tentang kuasa-kuasa asing yang berada di sekitar Asia Tenggara. Umpamanya Perancis yang telahpun bertapak di Indo-China, Kemboja dan Laos. Scandainya Perancis dapat bertapak di Siam, ianya bukan sahaja mengancam perdagangan British bahkan kedudukan British di Burma akan tergugat. Sir Frank Swettenham yang menjadi Gabenor di Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi di Negeri-Negeri Melayu telah melaporkan tentang keadaan di Kelantan dan kemaraan kuasa Jerman dan Amerika Syarikat akan membahayakan Britain.<sup>22</sup> Syarikat Duff juga didapati telah mengugut Kerajaan British iaitu sekiranya mereka tidak ingin menolong atau memberi perlindungan kepada rakyat British, maka satu-satunya jalan ialah menyerahkan konsesinya kepada kuasa luar yang lain.

Raja Senik sendiri beberapa kali telah pergi ke Singapura untuk meminta Kerajaan British agar campurtangan. Baginda juga membuat permintaan secara bertulis kepada Swettenham untuk mendapatkan perlindungan British. Dalam perbincangan awalnya dengan Swettenham, Raja Senik bersungguh-sungguh menafikan yang Siam berhak mengawal pendapatan dan dasar tanah di Kelantan. Siam juga tidak berhak untuk menempatkan tenteranya di Kota Bharu dan kapal perangnya di muara Sungai Kelantan.<sup>23</sup> Perbincangan di Singapura dan di Bangkok tidak menghalang Siam dari terus mencampuri urusan pentadbiran negeri Kelantan.

Berhubung dengan masalah ini, "Foreign Office" atau Pejabat Luar British nampaknya telah memahami bahawa Raja Kelantan tidak ingin Siam campurtangan dalam negeri itu. Jika Siam dibiarkan memberi pengiktirafan konsesi Syarikat Duff, maka syarikat tersebut akan mengerjakan tanah di bawah bendera kuasa lain.

Oleh itu dalam sejarah Kelantan, kita menyaksikan dua perkara penting iaitu masalah yang ditimbulkan oleh Syarikat Duff berhubung dengan adakah Kerajaan Siam mempunyai hak ke atas Negeri Kelantan. Keduanya ialah Syarikat Duff yang bertindak sebagai "pressure group" telah memberi tekanan kepada kerajaan British. Syarikat ini telah melakukan suatu usaha untuk mewujudkan "hegemony" British di Negeri Kelantan sebagaimana yang pernah wujud di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.<sup>24</sup>

22 Mohamed bin Nik Mohd Saleh, Kelantan in Transition 1891–1910 dalam W R Roff, Kelantan: Religion Society and Politics in a Malay State, Oxford University Press, 1974, hlm 30–41

23 C.O. 273/283: Swettenham kepada Lucas, 15 Mei 1902, hlm 132–135

24 Berita Minggu, 10 September 1972

Pada 7 Januari 1902, Menteri British di Bangkok diarah untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Siam. Sepuluh bulan kemudiannya Perjanjian Inggeris-Siam 1902 ditandatangani pada 6 Oktober, 1902. Pada 16 Oktober, 1902 Swettenham telah datang ke Kelantan dengan membawa terjemahan perjanjian dalam Bahasa Melayu.<sup>25</sup> Secara amnya perjanjian ini telah menyelesaikan masalah dengan Kelantan. Kedatangan Swettenham adalah untuk bertemu dengan Raja Senik bersama Ahli Majlis Negeri. Beberapa implikasi telah dibincangkan jika persetujuan dibuat. Apa yang menjadi tandatanya ialah sama ada Kelantan boleh mengibarkan benderanya sendiri, adakah kedudukan Raja Kelantan akan terjamin dan keturunanya akan menjadi penggantinya. Sesudah berpuashati dengan beberapa perkara berbangkit, Raja Kelantan telah menandatangani perjanjian ini.

Mengikut persetujuan yang dicapai, Kelantan hendaklah menerima seorang Residen Commissioner dan Penasihat serta seorang Penolongnya. William Armstrong Graham telah dilantik menjadi Residen Commissioner dan Penasihat, manakala Penolongnya ialah H.W. Thompson. W.A. Graham<sup>26</sup> ialah Penasihat Inggeris yang bertugas dalam Perkhidmatan Awam Siam. Menurut perjanjian ini Siam telah diberi kuasa untuk mengawal hal-ehwal Negeri Kelantan. Maka kedua pegawai di atas adalah bertugas bagi pihak Kerajaan Siam. Bermula dari saat inilah sistem penasihat bermula di Kelantan. Tugas seorang penasihat ialah memberi nasihat dari segi pentadbiran kecuali hal-hal yang menyentuh adat istiadat Melayu dan agama Islam.

Pada 25 Julai, 1903, W.A. Graham, H.W. Thompson dan Mom Chao Charoon tiba di Kelantan.<sup>27</sup> Pegawai-pegawai Siam dan tenteranya yang bertugas sejak tahun 1895 terpaksa pulang. Bendera Siam telah diganti dengan bendera negeri Kelantan.<sup>28</sup> Di saat Graham tiba, keadaan pentadbiran negeri adalah tidak cekap dan dipenuhi dengan gejala rasuah. Antara langkah yang dibuat ialah beliau terus mengekalkan jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai Majlis Negeri tetapi bidang Majlis ini diperluaskan. Kerabat-kerabat diraja akan dibayar gaji yang tetap dan dijanjikan untuk mendapatkan pencer. Sultan terus menjadi ketua negeri dengan dibantu oleh Majlis Negeri dalam menjalankan urusan pentadbiran. Majlis Negeri terdiri daripada Raja sebagai pengurusnya, 14 orang ahli dari golongan berpengaruh termasuk Penasihat dan Penolong Penasihat.

Semenjak dari itu pemerintahan negeri dilakukan secara berperlembagaan iaitu mengikut undang-undang yang digubal dalam Majlis

25 C.O. 273/284. Swettenham kepada Chamberlain hlm. 120-121. Lihat juga Mohamed bin Nik Mohd. Salleh. Kelantan In Transition: 1891-1910, hlm. 40.

26 Berita Minggu, 10 September 1972.

27 Muhd Kamaruzaman Abd Rahman "Peranan Pejabat Penasihat Inggeris di Kelantan 1910-1920. Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia 1977, tidak diterbitkan, hlm. 30

28 *Ibid.*, hlm. 30

Mesyuarat Negeri.<sup>29</sup> Oleh itu bermulalah satu babak baru dalam dasar kerajaan British. Mengikut perjanjian Burney 1826, dasar Inggeris ialah tidak campurtangan. Boleh dikatakan bahawa hasil dari Perjanjian 1902 atau Anglo-Siamese Treaty 1902 telah mempercepatkan proses kearah termetrinya Perjanjian 1909.

Walau bagaimanapun pemerintahan baru di Kelantan tidak memuaskan kedua belah pihak iaitu Siam dan Inggeris. Lantaran itu pada tahun 1908 satu rundingan baru diadakan antara kedua belah pihak dan ini akhirnya mewujudkan Perjanjian Siam-Inggeris tahun 1909. Dalam perjanjian ini, Siam telah bersetuju menyerahkan kepada Kerajaan British “all rights of suzerainty, protection, administration or control what so ever they posses over the states of Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis and adjacent islands”.<sup>30</sup>

Dalam surat Sir John Anderson kepada Sultan Kedah dan Raja Kelantan, memberitahu bahawa Raja Siam telah bersetuju untuk menyerahkan kepada Raja England semua haknya ke atas Kelantan dan Kedah. Kemudian Raja England dikehendaki membayar baki wang yang dipinjam oleh kedua negeri tersebut. Raja England juga akan melantik penasihatnya sendiri bagi menggantikan penasihat yang dilantik oleh Kerajaan Siam. Raja Siam tidak mempunyai apa-apa hak untuk campurtangan dalam hal ehwal Negeri Kelantan dan Raja Senik harus menumpukan taat setianya kepada Raja England sahaja.<sup>31</sup>

### Pentadbiran Negeri Sesudah Kedatangan British

Termetrinya Anglo-Siamese Treaty 1909, bermakna Kelantan secara rasmi telah menjadi naungan British. Ini bermakna Kelantan tidak ada bezanya dengan Negeri Melayu yang lain kerana sistem Penasihat Inggeris telah wujud secara langsung. Walaupun di Negeri Melayu Bersekutu ia dikenali sebagai sistem Residen, namun tugas seorang Penasihat tidak jauh bezanya dengan seorang Residen. Penasihat Inggeris di Kelantan bertugas untuk memberi nasihat kepada Raja Kelantan dalam semua urusan pentadbiran negeri tanpa menyentuh hal-hal yang berhubung dengan Islam dan adat-istiadat.

J.S. Mason iaitu Penasihat Inggeris pertama di Kelantan telah tiba pada 15 Julai, 1909 untuk menggantikan W.A. Graham. John Scott Mason adalah bekas Pemangku Pegawai Daerah Kajang, Selangor. Jawatannya sebagai Penasihat telah disahkan pada 1 Januari, 1911.<sup>32</sup> Menurut perjanjian ini,

29. Majlis Mesyuarat Negeri ditubuh pada tahun 1904

30. Anglo-Siamese Treaty 1909. Artikel 1

31. C.O. 273/534. Becket kepada Grey, 25 Ogos 1909. hlm. 159

32. C.O. 273/375 Muafakat 1.1.1912. Mason menerima gaji sebanyak 1000 paun setahun dengan eluan tugasannya 200 paun setahun dan eluan kerajaan 120 paun setahun serta mendapat rumah kediaman percuma

hutang Kerajaan negeri Kelantan kepada kerajaan Siam dibayar oleh Negeri Melayu Bersekutu. Dengan sebab itu, Mason telah diarahkan untuk memastikan Kelantan membayar balik faedah pinjamannya kepada Negeri Melayu Bersekutu apabila sampai tempohnya.<sup>33</sup> Baki yang harus dibayar ialah \$190,000 dan tunggakan bagi bayaran Bunga Emas ialah \$125,000.<sup>34</sup>

Mason juga dikehendaki mendapat kebenaran dari Raja Kelantan untuk menjalankan tugas dalam mana-mana mahkamah terutamanya di dalam kes-kes yang melibatkan orang Eropah atau rakyat British. Manakala kes-kes yang melibatkan orang bukan Eropah, dia hendaklah menggunakan kebijaksanaannya. Selepas tiga hari berada di Kelantan, beliau telah dijemput oleh Raja Kelantan untuk menghadiri Sidang Majlis Mesyuarat Negeri bagi membincangkan tentang perubahan sempadan antara Kelantan dengan Siam.<sup>35</sup>

Pada 19 Julai, 1909, Pesuruhjaya Tinggi Sir John Anderson melawat Kelantan. Peluang ini digunakan oleh Raja Senik untuk sekali lagi membincangkan masalah sempadan ini. Menurut beliau, telah berlaku ketidakadilan dalam pertukaran sempadan negeri. Ini kerana hanya lima tahun yang lepas Putera Damrong telah menghantar satu plan sempadan dari selatan ke barat laut Sungai Golok. Beliau juga memikirkan akan kehilangan pendapatan sebanyak \$8000 setahun. Apa yang lebih malang kawasan utara Tabal ialah kawasan penempatan baru bagi orang-orang Melayu yang mlarikan diri dari cengkaman pentadbiran Siam.<sup>36</sup> Sebagaimana yang disebutkan oleh pengarang Kitab Tarikh Kelantan sebagai berikut:

“Pada masa negeri Kelantan bersetia dengan Kerajaan Siam adalah lebih kurang 15,000 orang Siam yang mendiami tempat-tempat di sebelah kanan mudik Sungai Tabal itu, tetapi oleh sebab “surat setia” di antara Kerajaan Siam dengan Kerajaan Inggeris yang berkenaan dengan perkara penyerahan Negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu tidaklah diperbuat oleh Kerajaan Siam, bahawa Sungai Tabal itu sempadan jajahan Siam dengan jajahan Kelantan serta diletakkan sebuah daerah di dalam Legeh yang di bawah bendera Siam kepada Kelantan iaitu sebelah Ulu Negeri Kelantan dan setengah tanah dalam Jajahan Reman yang di bawah benderanya jua kepada Negeri Perak.<sup>37</sup>

Ini menunjukkan bahawa Kelantan telah kehilangan sebahagian

33 C.O. 273/350: Anderson kepada Earl of Crewe, 14 Julai 1909, hlm: 278.

34 C.O. 273/351: Anderson kepada Earl of Crewe, 8 September, 1909, hlm: 102.

35 C.O. 273/351: Anderson kepada Earl of Crewe, 2 Ogos 1909, hlm: 316-317.

36 C.O. 273/351, J.S. Mason kepada Earl of Crewe, hlm: 103.

37 Asaad Syukri Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan* Pustaka Aman Press, 1971, hlm: 108.

daripada wilayahnya. Perkara ini amat dikesali oleh Raja Senik.

Polisi Inggeris di Kelantan dijalankan dengan halus. Umpamanya dalam usaha untuk memujuk Raja Kelantan berkenaan dengan soal sempadan. Inggeris tidak membantah di atas permintaan Raja Kelantan iaitu supaya memberi penghormatan dengan 17 das tembak yang biasanya ialah 15 das tembak.<sup>38</sup>

Inggeris tetap meneruskan usaha untuk menguasai sepenuhnya Negeri Kelantan. Penandatanganan Perjanjian Inggeris Kelantan 1910<sup>39</sup> merupakan detik penting bagi sejarah Negeri Kelantan. Bagi maksud ini, Sir John Anderson yang ditemani oleh Kolonel Jackson, R.E. Stubbs telah tiba di Kota Bharu pada 22 Oktober 1910. Perjanjian ini ditandatangani oleh Raja Kelantan (Long Senik bin Sultan Muhammad III), Tengku Seri Indera Mahkota iaitu Tuan Ismail bin Tuan Long Senik dan Tengku Chik Tuan Abdullah sebagai saksi. Sementara bagi pihak Inggeris pula ditandatangani oleh Sir John Anderson dan Kolonel Jackson, R.E. Stubbs bertindak sebagai saksi.

Selain berjaya mendapatkan Kelantan, usaha-usaha terus dilakukan untuk menguasai Raja Kelantan dan pembesar-pembesarnya. Pada 22 Jun, 1911, Inggeris telah menaikkan taraf Raja Senik menjadi Sultan Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad IV. Dalam tahun penabalan ini juga Kerajaan Inggeris mengakui bahawa Tuan Ismail atau Tengku Ismail iaitu putera sulung baginda yang bergelar Tengku Seri Indera Mahkota adalah bakal pemerintah Kelantan.<sup>40</sup> Elaun yang diberikan kepada Sultan ialah sebanyak \$2,000 sebulan manakala pencennya telah meningkat dari \$3,720 kepada \$4,800 setahun. Mulai 1 Julai 1920, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris bersetuju untuk menambah elaun Sultan kepada \$3,500 setahun dan Sultanah pula menerima \$412 sebulan.<sup>41</sup>

Sebenarnya telah banyak perubahan dilakukan semasa Graham menjadi Penasihat. Dalam tahun 1904, pasukan Polis ditubuhkan. Berek-berek Polis dibina di Kota Bharu pada bulan Ogos. Sehingga tahun 1907, pasukan Polis bertindak mewakili undang-undang dan mengandungi kira-kira 250 anggota. Sistem penjara diperkenalkan, pasalah-pasalah dikehendaki mencuci jalan di bandar dan melakukan kerja-kerja kebajikan.

Pada waktu itu juga mahkamah-mahkamah telah ditubuhkan. Antaranya ialah Mahkamah Tinggi yang digelar sebagai ‘Mahkamah Balai’ kerana ia ditempatkan di Istana Balai Besar, Mahkamah Tengah dan Mahkamah Rendah. Selain dari itu, terdapat Mahkamah Adat atau lebih dikenali dengan

38 C.O. 273/362, Anderson Kepada Earl at Crew, 30 September 1910, hlm. 496. 38 Sila Lihat Lampiran Perjanjian ‘B’.

39 Sila Lihat Lampiran Perjanjian ‘B’.

40 Mohd Kamaruzaman Abdul Rahman, “Peranan Pejabat Penasihat Inggeris di Kelantan 1910–1920”, Latihan Ilmiah B.A. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan, 1977, tidak diterbitkan, hlm. 57.

41 Berita Minggu, 17 September 1972

nama ‘Mahkamah Pohon Sukun’ yang bertujuan membicarakan soal-soal mencuri, memukul dan sebagainya.<sup>42</sup> Kesemua Mahkamah yang terletak di Kota Bharu diketuai oleh Tengku Sulaiman bin Sultan Ahmad (Tengku Seri Pekerma Raja) yang bersama-sama Raja Senik mengetuai Mahkamah Tinggi yang juga menjadi Mahkamah Rayuan.

Semasa Sultan Muhammad IV memerintah, jawatan-jawatan di Mahkamah di isi oleh Nik Wan Muhammad Amin bin Wan Musa (ayahanda mertua Sultan Muhammad IV) iaitu sebagai Hakim di Mahkamah Rendah. Dua daripada lima hakim terdiri dari hakim Mahkamah Kelantan. Mereka berkhidmat di Mahkamah Tengah dengan Luang Tammarat Toraton sebagai hakim tambahan. Mengikut rekod ‘General Report of Affairs in the State of Kelantan for 1904’, Mahkamah Tengah hanya mengendalikan kes-kes berkenaan perundangan Islam dan juga adat.<sup>43</sup> Segala keputusan mestilah diperiksa oleh penasihat Inggeris terlebih dahulu sebelum apa-apa keputusan diumumkan. Di luar Kota Bharu, Mahkamah Daerah didirikan seperti di Batu Mengkebang. Mahkamah ini didirikan juga untuk Syarikat Duff iaitu pengurusnya diberi kuasa untuk menguruskan kes-kes yang melibatkan pekerjanya.

Apabila Mason menjadi Penasihat, beliau telah mengambil langkah membaiki keadaan di Mahkamah Awam. Beliau telah menukar hakim-hakim berbangsa Siam di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan kepada Penolong Penasihat Inggeris. Di samping itu, beberapa orang pegawai Mahkamah telah diperintahkan supaya meletakkan jawatan atau diberhentikan bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan. Ternyata, apa yang dibuat oleh Mason adalah bertujuan untuk kepentingan dasar Inggeris. Dengan menguasai perundangan, pasukan keselamatan iaitu pasukan Polis, maka Inggeris akan dapat memperkuuhkan kuasanya.

Pada bulan Disember 1909, G. Cullen, seorang Pegawai Polis dari Negeri Melayu Bersekutu telah dipinjamkan untuk menyusun semula Jabatan Polis dan Penjara Negeri. Long Mahmud bergelar Tengku Seri Maharaja yang sebelum ini menjadi Pesuruhanjaya Polis telah diturunkan pangkatnya. Malah beliau diletakkan di bawah kuasa Ketua Pegawai Polis. Pasukan Polis ini adalah mencontohi pasukan Polis di Negeri Melayu Bersekutu. Sekolah untuk melatih anggota-anggota Polis telah diadakan. Mengikut laporan tahun 1914, terdapat kemajuan di dalam sistem latihan di mana disiplin mereka telah dapat ditingkatkan. Walaupun laporan jenayah curi semakin kecil tetapi di dalam jenayah yang lebih buruk telah meningkat seperti rompakan.<sup>44</sup>

42 Abdullah Alwi Haji Hassan, Kelantan Islamic Legal History Before 1910 dalam Malaysia in History, vol. 23, 1980, hlm. 19.

43 Abdullah Alwi Haji Hassan, Kelantan Islamic Legal History Before 1910, dlm Malaysia in History, vol. 23, 1980, hlm. 19.

44 ARK 1914, hlm. 7.

Pembaharuan juga dibuat ke atas sistem penjara. Pada bulan Oktober 1909 Dr. Gimlette telah dilantik sebagai penguasa Penjara. Bagi pesalah-pesalah yang kesihatan mereka memuaskan, mereka diminta membuat kebajikan seperti membaiki jalanraya, mendobi, bertukang dayu dan menjahit.

Salah satu lagi perubahan penting yang dibuat oleh Inggeris ialah di dalam sistem pentadbiran tanah. J.S. Mason menggunakan sistem yang diperkenalkan oleh W.A. Graham iaitu sistem geran. Geran ini dicetak dalam bahasa Melayu dengan menggunakan maklumat yang lebih jelas. Dalam sistem tradisional geran diperolehi dari Sultan. Sistem baru ini mengandungi aturan untuk membuat pendaftaran tanah yang baru dibeli atau yang didahului tanpa geran. Pejabat Tanah mempunyai hak untuk menolak permohonan bagi memindahkan hak milik jika tanah tersebut tidak dipenuhi dengan tanaman sebanyak 1/3 daripada keluasannya. Tanah ini akan menjadi hak milik kerajaan setelah tiga tahun tidak diusahakan.

Dua pejabat pos telah dibuka, menjadikan empat bagi seluruh negeri Kelantan. Pasukan Polis pada masa pentadbiran Mason mempunyai hirarki yang tertentu. Sultan Kelantan bertindak sebagai Pesuruhjaya, Seorang Ketua Polis, seorang Pegawai Tempatan, seorang inspektor, tiga puluh orang non-commissioned officers, dan 132 konstabel.

Mason telah digantikan oleh J.E. Bishop, pada tahun 1911 sebagai Penasihat British. Buat pertama kalinya satu sistem perakaunan yang teratur telah dikuatkuasakan. Sehingga tahun 1911, 5 buah sekolah telah dibuka iaitu di Kota Bharu, Tumpat, Pasir Putih, Kampung Laut dan Pasir Mas.

J.E. Bishop telah mengambil langkah lanjut dengan memperkenalkan sistem yang diamalkan di Negeri Melayu Bersekutu iaitu melibatkan pemindahan semua sempadan tanah yang dipertikaikan dan pemilikan tanah bernilai di bawah \$500.00 dari Mahkamah Awam ke Pejabat Tanah. J.E. Bishop bertugas sehingga tahun 1913 yang kemudian tugasnya telah dipangku W. Langham Carter yang merupakan Pernasihat Inggeris Ketiga di Kelantan.<sup>45</sup> W. Langham Carter, telah memperkenalkan sistem cukai yang baru. Kerajaan telah membahagikan semua tanah kepada empat kelas. Cukai tanah ialah \$1.00 hingga \$1.30; 80 sen; 60 sen dan 40 sen setahun.<sup>46</sup> Sistem yang baru ini mengenakan cukai ke atas tuan-tuan punya tanah

45. BAK 1061/1914 W. Langham Carter, telah disahkan jawatannya sebagai Penasihat Inggeris pada 6.12.1912. Beliau adalah Pegawai kelas Kedua di Negeri-Negeri Selat dan mula berkhidmat pada 30.10.1890 sebagai Kadet. Penah menjadi Pegawai Daerah di Seberang Prai Selatan, Nibong Tebal dan Bukit Mertajam

46. Mohd Kamruzzaman Abd. Rahman, "Peranan Pejabat Penasihat Inggeris di Kelantan 1910-1920" Larihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977, hlm. 75.

tanpa mengira tanah itu dikerjakan atau tidak, juga sama ada tanaman itu rosak ataupun tidak.<sup>47</sup> Undang-undang pula diperkenalkan pada bulan Januari 1915.

Dasar tanah yang diperkenalkan ialah sistem pemilikan tanah secara persendirian. Kesannya ialah para petani Kelantan kehilangan hak tradisional mereka untuk menduduki atau mengusahakan tanah yang belum diterokai oleh mana-mana pihak. Di bawah sistem yang baru seseorang petani hanya boleh menduduki atau mengusahakan sebidang tanah sekiranya dia dapat menunjukkan geran tanah dariapda Pejabat Tanah, jika tidak dia akan dianggap sebagai peneroka haram dan boleh didakwa di mahkamah.

Menurut Peraturan Tanah 1914, pihak pemerintah menetapkan bahawa mulai 1 Januari 1915, cukai hasil tanaman akan digantikan dengan cukai tanah yang tetap. Ianya menambahkan beban yang ditanggung oleh rakyat luar bandar Kelantan. Di samping itu, pemilik tanah juga dikehendaki membuat bayaran untuk kerja-kerja mengukur dan kerja-kerja menyediakan surat hak milik tanah mereka. Oleh yang demikian, penentangan rakyat Kelantan tidak dapat dielakkan. Faktor ini juga merupakan salah satu sebab yang menceetuskan pemberontakan yang dipimpin oleh Tok Janggut (Haji Mohd Hassan) pada tahun 1915 seperti yang dinyatakan sebelumnya. Pemberontakan ini tercus di Pasir Putih dan penting kepada sejarah Negeri Kelantan. Pemberontakan ini hanya dapat dihapuskan setelah mendapat bantuan ketenteraan daripada Singapura.

Apa yang pentingnya, selepas pemberontakan ini berjaya dihapuskan, Inggeris telah mengadakan percubaan dan penyusunan semula dalam perlaksanaan sistem pentadbiran tanah. R.J. Farrer, sebagai Penasihat Inggeris pada tahun 1915–1917 telah memperkenalkan sistem pengukuran tanah seperti yang wujud di Pulau Pinang pada tahun 1880-an. Sistem pengukuran yang lebih baik perlu kerana ia dapat menentukan sebanyak mana cukai harus dibayar serta memudahkan kerja-kerja pendaftaran. Kerja pengukuran dibuat oleh Pejabat Ukur. Kerajaan juga telah melantik pegawai-pegawai penempatan bagi melicinkan kerja-kerja penempatan bersama-sama dengan Penolong Pemungut Hasil Tanah. Kesan dari sistem sewaan dan Hasil Tanah Tetap, telah meningkatkan kutipan sewa tanah. Dalam tahun 1918, kutipan sewa di Jajahan Kota Bharu berjumlah \$66,461 berbanding tahun 1917 yang berjumlah \$36,897.<sup>48</sup> Perubahan yang penting ialah penyertaan Tok Kweng sebagai salah satu unit pentadbiran di dalam sistem pentadbiran tanah bagi setiap mukim.

Bagi menjamin agar pembayaran dibuat, kerajaan bertindak tegas

47 C.O. 273/426 Maxwell kepada Young, 2 Jun 1915, hlm. 422; Ibrahim Nik Mahmood, *The To' Janggut Rebellion of 1915*, dalam W.R. Roff, "Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State," Oxford University Press, 1974, hlm. 66–85

48 Azizah bt. Samat, "Sistem Pentadbiran Tanah Inggeris Di Kelantan Peringkat Pengukuhan 1915–1940", dalam Warisan Kelantan VII Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1988, hlm. 16–19

dengan tahun 1919, lebih daripada enam ribu saman telah dikeluarkan. Di samping itu kerja-kerja pendaftaran juga berjalan lancar. Pada tahun 1920 jumlah pendaftaran menunjukkan pertambahan sebanyak 60% iaitu meliputi 71,000 lot tanah. Dalam tahun 1926, undang-undang tanah diluluskan yang mengandungi elemen perundangan sistem Tanah Torrens.<sup>49</sup>

Namun disebabkan oleh kekurangan kakitangan, kerja-kerja mengukur berjalan dengan lembab pada penghujung tahun 1936, hanya kira-kira 34,100 lot tanah sahaja dapat diukur, manakala 343,150 lot lagi masih belum diukur.<sup>50</sup> Mengikut Kanun Tanah 1938, kerja-kerja mengukur tanah secara tepat hanya dilakukan apabila sebidang tanah dipindah milik secara rasmi melalui jualan. Kebanyakan tanah di negeri Kelantan telah diduduki ataupun diusahakan dengan hanya memperoleh surat hak milik Sementara. Perkembangan ini menjelaskan bahawa sistem tanah di Kelantan telah gagal memberi jaminan hak milik tanah.

Perubahan sistem hak milik tanah diatas memberi kesan yang besar terhadap kehidupan petani dan penduduk luar bandar di negeri Kelantan. Para petani kehilangan hak warisan mereka untuk mengusahakan tanah apabila cukai tidak dibayar. Ini kerana tanah akan menjadi hak milik kerajaan. Mereka juga dihujani dengan berbagai-bagai peraturan asing. Contohnya, semua pemilik tanah dikehendaki memenuhi syarat menanam di atas tanah yang diberikan kepada mereka. Dengan adanya peraturan ini, serta peraturan yang membolehkan pemerintah merampas tanah yang tidak dibayar cukai ramai petani kehilangan tanah mereka.

Fenomena ini terus mengkalkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat Kelantan. Rasa tidak puas hati dinyatakan dalam bentuk bantahan khususnya dalam bentuk surat rayuan, surat layang, sungutan dan sebagainya.<sup>51</sup> Akibatnya pada peringkat awal perlaksanaan sistem tanah penjajah, petani tidak mempedulikan peraturan yang memerlukan mereka mendaftar pindah milik tanah yang dikerjakan.

Selain membebani rakayt luar bandar, corak pemilikan tanah juga tidak sama rata. Di bawah sistem baru ini, apabila pemilikan tanah menjadi lebih terjamin, tanah menjadi suatu barang yang berharga yang boleh diwarisi dan juga diperdagangkan. Akibatnya, semakin banyak tanah bertukar tangan melalui proses jual beli. Pada satu pihak, mereka yang berada dapat membeli tanah.<sup>52</sup> Pada pihak yang lain pula, mereka menghadapi berbagai-bagai tekanan untuk mendapatkan wang dan terpaksa menjual tanah. Ada di antara

49 Sistem Torrens merupakan model sistem tanah di Australia. Boleh dirujuk dalam Norazit Selat, Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu, Malaysia Dari Segi Sejarah

50. Kelantan Administration Report, 1932, hlm. 85

51 Ishak Shari, Pembangunan Dan Kemunduran Perubahan Ekonomi Luar Bandar Di Kelantan. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 153

52 Terdapat empat golongan tempatan yang membeli tanah iaitu golongan bangsawan dan kerabat diraja, kakitangan kerajaan terutama mereka yang berkedudukan tinggi, pedagang-pedagang dan golongan petani kaya.

mereka menjadi golongan yang tidak bertanah. Banyak laporan menunjukkan bahawa rakyat Kelantan kehilangan tanah kerana gagal menjelaskan hutang. Contohnya ialah, Awang bin Bulat yang didakwa di mahkamah oleh Tuan Mat bin Tuan Lodir kerana gagal menjelaskan hutangnya sebanyak \$390 pada 29 September 1930. Hutang itu diberikan dengan Awang mencagarkan tanahnya iaitu tanah dusun dan getah. Mahkamah mengeluarkan perintah tanah tersebut dilelongkan untuk menjelaskan hutangnya berserta dengan faedah sebanyak 12% setahun.<sup>53</sup>

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa penguasaan Inggeris ke atas Kelantan telah menceetus dan mempercepatkan proses pembezaan masyarakatnya. Di samping golongan bangsawan yang terus diberi keistimewaan muncul pula golongan yang menjadi pegawai dalam pentadbiran penjajah, petani kaya, pedagang yang berjaya mengambil kesempatan untuk mengumpul kekayaan. Pada pihak lain pula, dasar penjajahan disertai oleh pertambahan penduduk menyebabkan kebanyakan petani dan penduduk luar bandar kehilangan tanah. Kesannya, kehidupan mereka menjadi semakin terdesak dan ramai terpaksa bekerja sebagai buruh.

Setelah Kelantan menjadi naungan British, pelajaran Inggeris semakin popular dan diminati. Pada peringkat awal sekolah Inggeris diusahakan oleh pihak swasta. Sekolah Inggeris swasta yang pertama telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dalam tahun 1917. Sejajar dengan pentadbiran Inggeris yang banyak mendirikan Jabatan Kerajaan, maka diperlukan ramai kakitangan yang berpelajaran Inggeris. Pada akhir tahun 1930, sewaktu di bawah pentadbiran H.W. Thomson, dua buah sekolah telah dibuka di Gaal dan Banggu menjadikan tiga belas sekolah dalam daerah Kota Bharu dan daerah Pasir Putih serta tiga buah di Ulu Kelantan.<sup>54</sup>

Pada tahun-tahun 1930-an, keadaam mula berubah. Pada ketika itu golongan cerdik pandai yang mendapat pendidikan sekolah Melayu dan Inggeris berpeluang menjawat jawatan rendah dalam pentadbiran kerajaan. Sejak negeri Kelantan diambil alih pentadbirannya oleh British, banyak jabatan kerajaan telah ditubuhkan bagi melicinkan perjalanan pentadbiran. Bahasa Inggeris mula digunakan dalam urusan pentadbiran sejarah dengan sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu yang lain. Namun begitu, kerajaan menghadapi masalah kerana ketiadaan mereka yang mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris.<sup>55</sup>

Dalam hubungan ini, Sultan Ismail sendiri juga mengambil berat tentang

53 Ishak Shari, Pembangunan Dari Kemundurrah, Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 155. Dipetik berdasarkan fail SUK 110/1931

54 Kelantan Administration Report 1918, by H.W. Thomson

55 Awang Had Salleh, Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 11

56 Kelantan Administration Report, for the year 1930, hlm. 30.

keperluan pengetahuan bahasa Inggeris. Justeru itu, Kerajaan Negeri Kelantan membuat keputusan untuk mendirikan sebuah Maktab yang dinamakan Maktab Ismail. Pada masa ini, penasihat British ialah A.S. Haynes dan matlamat pendidikan pada waktu itu adalah untuk melahirkan petani yang dilengkapi secara mental yang fizikal untuk meneruskan pekerjaan nenek moyang mereka secara lebih baik dan cekap.<sup>57</sup>

Sekolah-sekolah dibina bukan kerana didominasikan oleh sebab untuk mewujudkan golongan bandar. Tetapi pengajaran pada peringkat awal adalah mengenai pertanian bersama dengan soal-soal kebersihan dan kesihatan. Oleh yang demikian, setiap sekolah di kampung-kampung harus mempunyai sawah padi, demi untuk mengeluarkan hasil yang lebih baik.<sup>58</sup>

Pada akhir tahun 1930, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk mendapatkan seorang Pegawai Eropah sebagai pegawai pinjaman dari Jabatan Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi memegang jawatan guru besar. Beliau juga akan bertindak sebagai Penguasa Pelajaran Negeri Kelantan. Berikutnya dengan itu, pada 3 Mac 1931, H.R. Carey telah dipinjamkan untuk memegang jawatan Penguasa Pelajaran Negeri Kelantan dan Guru Besar kepada Maktab Ismail.<sup>59</sup> Malangnya projek untuk mendirikan maktab tersebut terpaksa dibatalkan kerana masalah kewangan.

Pada tahun 1935, A.C. Baker iaitu Penasihat British yang menggantikan A.H. Haynes telah menjemput Dato' Nik Ahmad Kamil dan Tengku Mahmud Mahyiddin<sup>60</sup> datang ke Residensi tempat kediamannya. Jemputan ini adalah bertujuan bagi membincangkan soal penubuhan sekolah Inggeris itu. Mereka bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pelajaran Inggeris Negeri Kelantan. Pada 5 Januari, 1936 Kerajaan Negeri membuat keputusan menubuhkan sebuah sekolah Inggeris Kerajaan yang diberi nama Ismail English School.

Pada tahun 1937, sewaktu A.C. Baker berhenti, jawatannya telah dipangku oleh G.A. de C. de Moubray. Penasihat Undang-Undang ialah Capt. W.A. Gordon Hall. Pada masa itu telah diwujudkan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang persidangannya telah ditetapkan dua kali sebulan iaitu pada hari selasa. Sepanjang tahun 1937, majlis tersebut telah bersidang sebanyak 22 kali.<sup>61</sup> Majlis juga telah membenarkan 40 orang pegawai berpencen.

Menjelang Perang Dunia Kedua, ternyata Kelantan telah mencapai

57 Kelantan Administration Report, for the year 1930, hlm. 30.

58 Kelantan Administration Report, for the year 1931, hlm. 42.

59 Kelantan Administration Report, for the year 1931, hlm. 42.

60 Tengku Mahmud Mahyiddin ialah putera kepada Tengku Abdul Kadir Kamaruddin iaitu Sultan Patani yang terakhir. Baginda telah disingkirkan apabila Siám memansuhkan Kesultanan Melayu Patani pada tahun 1902. (Kelantan Annual Report, tahun 1936, hlm. 40-41).

61 Kelantan Annual Report 1938, hlm. 3

kemajuan di dalam bidang pentadbiran pelajaran dan kemasyarakatan. Selaras dengan wujudnya pentadbiran Inggeris serta peranan Sultan iaitu Sultan Ismail telah memperhebatkan lagi pembangunan negeri. Sistem biasiswa diadakan untuk menghantar anak-anak negeri Kelantan keluar negeri seperti ke Singapura, Kuala Kangsar dan Pulau Pinang. Dengan ini, ramai yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Dari sudut pentadbiran, selaras dengan kemajuan zaman pejabat-pejabat kerajaan telah ditambah demi melincinkan lagi pentadbiran antaranya seperti Pejabat Tanah, Pejabat Cukai, Pejabat Polis, Penjara, Pejabat Kerja Raya, Pejabat Telegraf, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah dan sebagainya.<sup>62</sup>

Semasa pemerintahan di Kelantan sedang disusun oleh British perubahan juga berlaku dalam ekonomi. Sejak pentadbiran Graham lagi, modal asing khususnya Inggeris telah mengalir masuk. Kegiatan syarikat asing bermula sejak awal abad ke-20. Seperti dinyatakan pada peringkat awal pada bulan Oktober 1900 satu perjanjian dipersetujui antara R.W. Duff dengan Sultan Kelantan. Duff telah diberi konsesi tanah seluas antara 2,000 hingga 3,000 batu persegi di Ulu Kelantan. Kedudukan Duff semakin kukuh dengan satu lagi perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1903. Mengikut perjanjian ini, Duff diakui sebagai mempunyai hak mutlak terhadap kegiatan perlombongan, pertanian, pembalakan, pengumpulan hasil hutan dan lain-lain.<sup>63</sup> Keistimewaan yang diperolehi oleh Duff hanya dimansuhkan pada tahun 1912. Itupun berdasarkan syarat kerajaan Kelantan membayar sebanyak 250,000 paun sterling. Di samping pembayaran ini, Duff Company juga dibenarkan memiliki “selama matahari masih terbit” beberapa bidang tanah di negeri itu.

Perjanjian dan syarat di atas jelas membayangkan bahawa keuntungan dan kelebihan diperolehi oleh syarikat tersebut. Ini membawa maksud syarikat itu akan terus menguasai beberapa bidang tanah yang sudah pasti mengeluarkan hasil. Selain dari itu dasar Inggeris menggalakkan kemasukan modal sebagai satu strategi untuk mendapatkan hasil cukai.

Di Kelantan sebahagian besar syarikat asing tertumpu kepada perusahaan getah. Pada penghujung tahun 1910 terdapat 22 buah estet getah dengan jumlah keluasan 5,372.5 ekar.<sup>64</sup> Pada awal tahun 1913, keluasan estet meningkat kepada 13,000 ekar. Perkembangan sektor ini membawa kesan kepada negeri Kelantan. Pada peringkat awal, sebahagian besar tenaga buruh terdiri dari buruh berhutang yang dibawa dari China. Antara Jun 1913 hingga Januari 1917, seramai 3,119 orang buruh Cina dan 1,510 orang

62 Mohd Hussin Khalid, *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Syarikat Dian, 1970, hlm. 137–138.

63 Leslie Ratnasingam Robert, “The Duff Syndicate in Kelantan 1900–1902,” *JMBRAS*, Vol. 45, part I–2, 1972, hlm. 80–110.

64 Ishak Shari, *Pembangunan Dan Kemuduran, Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 133.

buruh India dibawa masuk.<sup>65</sup> Biasanya mereka dibayar upah harian dalam bentuk tunai dan barang makanan.

Biasanya mereka terpaksa berhutang dahulu untuk mendapatkan barang-barang keperluan harian. Akibatnya, kebanyakan mereka sentiasa berhutang. Perkembangan sektor estet ini telah mewujudkan satu golongan baru kepada masyarakat Kelantan iaitu buruh upah. Walaupun pada peringkat awalnya ramai buruh asing diambil bekerja, namun keadaan mula berubah. Bilangan buruh Melayu juga turut meningkat. Mengikut satu anggaran, pada pertengahan 1930-an, 60% buruh estet adalah terdiri daripada orang Melayu tempatan.<sup>66</sup> Fenomena ini berlaku kerana tekanan hidup yang dihadapi oleh sebahagian besar petani akibat perlaksanaan dasar penjajah.

Dasar pemerintah Inggeris memberi tanah yang luas dan subur kepada pemodal asing untuk menjalankan kegiatan perlombongan dan membuka estet-estet getah juga memberi kesan kepada ekonomi tani di Kelantan. Pemberian tanah yang subur kepada pemodal asing menghadkan keluasan tanah yang boleh diterokai oleh petani.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, Kelantan daripada zaman awal mengalami perkembangan yang jelas hingga kepada menjadi naungan Inggeris. Sistem politik yang mudah iaitu sistem beraja telah diamalkan. Raja menjadi lambang keagungan, kekuasaan dan perpaduan rakyat. Namun penglibatan dengan Siam bermula apabila menculunya ancaman dari Terengganu. Lantaran itu Kelantan terpaksa menghantar bunga emas setiap tiga tahun sekali yang dianggap sebagai tanda persabahan. Demi untuk mendapatkan lindungan, hubungan ini boleh juga dikatakan bersifat ketuanan. Ini kerana semasa pemerintahan Sultan Muhammad I, keadaan politik negeri Kelantan belum lagi stabil. Hubungan ini akhirnya membawa kepada pengaruh Siam ke atas negeri Kelantan. Contohnya ialah panggilan Tok Kweng kepada salah satu jawatan dalam pentadbiran negeri. Siam juga mula berperanan ke atas perlantikan Sultan atau Raja ke atas takhta.

Sebagaimana lazimnya, dalam sesuatu keadaan itu pastinya timbul perasaan tidak puashati bagi sesetengah pihak. Begitu juga halnya dengan campurtangan Siam di Kelantan. Akibat daripada itu, Inggeris mula bertapak kerana kerabat diraja mencari kuasa yang lebih kuat dan utuh. Hasil daripada perjanjian Inggeris-Siam Tahun 1909 dan perjanjian Tahun 1910 telah merubah keadaan negeri Kelantan. Inggeris mula campurtangan dan telah memperkenalkan sistem pentadbiran mereka. Banyak kemajuan telah dicapai tetapi bidang pentadbiran dan jawatan-jawatan utama dikuasai oleh mereka.

<sup>65</sup> KAR 1938, hlm 22

<sup>66</sup> Chan Su Ming, "Kelantan and Trengganu, 1900-1939", *JAMBIAS*, Vol. 38, Bhg. I, 1965, hlm. 198

Walaupun Inggeris telah membawa kemajuan secara amnya, tetapi mereka tetap mengeksplorasi ekonomi negeri. Sejurus selepas Perang Dunia Kedua meletus (7 Disember 1941), Kelantan telah dikuasai oleh Jepun yang akhirnya telah menimbulkan kesedaran kepada rakyat Kelantan. Kedatangan Inggeris bagi kali keduanya pada akhir tahun 1945 telah mendapat tentangan sengit dari masyarakat Melayu Kelantan berikutan dengan rancangan pihak Inggeris hendak menubuhkan Malayan Union pada awal tahun 1946. Akibat daripada penentangan orang-orang Melayu diseluruh Tanah Melayu maka 'Malayan Union' telah dimansuhkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan pada 1 Februari 1948.

#### Rujukan:

- Abdullah Alwi Haji Hassan : Kelantan: Islamic Legal History Before 1909  
(dalam Malaysia in History, Vol. 23, 1980).
- Assad Shukri Haji Muda : Detik-Detik Sejarah Kelantan  
Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971.
- Awang Had Salleh : Pelajaran dan Perguruan Melayu di  
Malaya Zaman British  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kuala Lumpur, 1974.
- Azizah bt Samat : Sistem Pentadbiran Tanah Inggeris di  
Kelantan. Peringkat Pengukuhan 1915–  
1940  
(dalam 'Warisan Kelantan' bil. 7, 1988,  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan).
- Baker, A.C. : Annual Report on the Social and  
Economic Progress of the People of  
Kelantan 1938  
Cheong Fatt Press, Kota Bharu 1939.
- Chan Su Ming : Kelantan and Terengganu 1900–1939  
(dalam Journal, Malayan Branch, Royal  
Asiatic Society, Vol. 38, Pt. 1, 1965).
- Haynes, A.S. : Annual Report on the Social and  
Economic Progress of the People of  
Kelantan 1930  
The Al-Asiasiah Press Co., Kota Bharu,  
1931.
- Haynes, A.S. : Annual Report on the Social and Economic  
Progress of the People of Kelantan 1931.  
The Al-Asiasiah Press Co.,  
Kota Bharu, 1932.

- Haynes, A.S. : Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan 1932. The Al-Asasiah Press Co., Kota Bharu, 1933.
- Ishak Shari : Pembangunan dan Kemunduran Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988.
- Langham-Carter, W. : Kelantan Administration Report for the Year 1914  
The Federated Malay States Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1915.
- Leslie Robert Ratnasingam : The Duff Syndicate in Kelantan 1900–1902 (dalam Journal, Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, Vol. 45, Pt. 1 and 2, 1972).
- Mohd Hussin Khal-e Haji Awang : Kelantan Dari Zaman Ke Zaman Syarikat Dian, Kota Bharu, 1970.
- Mohd Kamaruzaman Abdul Rahman : Peranan Pejabat Penasihat Inggeris Di Kelantan 1910–1920 (Latihan Ilmiah BA, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi, 1971).
- Moubray, G.A. de C. de : Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan 1936. Cheong Fatt Press, Kota Bharu, 1937.
- Nik Ibrahim bin Nik Mahmud : The Tok Janggut Rebellion of 1915 [dalam 'Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State' oleh W.R. Roff (ed.), Oxford University Press, Kuala Lumpur 1974].
- Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh : Kelantan in Transition 1891–1910 [dalam 'Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State' oleh W.R. Roff (ed.), Oxford University Press, Kuala Lumpur 1974].
- Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh : Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan [dalam 'Kelantan: Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia', Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1987].
- Norazit Selat : Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu (dalam 'Malaysia Dari Segi Sejarah', bil. 10, 1981).

- Rahmat Saripan : Suatu Kajian Tentang Perkembangan Politik Melayu Tradisional Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
- Roff, W.R. (ed.) : Kelantan: Religion, Society and Polities in a Malay State Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
- Thomson, H.W. : Kelantan Administration Report for the year 1918. The Federated Malay States Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1919.
- : Berita Minggu, 23 Ogos 1972  
Berita Minggu, 27 Ogos 1972  
Berita Minggu, 10 September 1972  
Berita Minggu, 17 September 1972

## *Tok Kenali Sebagai Ulama dan Tokoh Islah\**

DR. ISMAIL BAKAR

*Sayugialah bagi tiap-tiap yang berakal itu bahawa mengedarkan tapaknya kepada medan ketinggian yang bersetuju dengan adab agama dan berkenaan pula dengan adat yang terutama. (Tok Kenali).*

### **Muqaddimah**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kelantan merupakan pusat pengajian Islam terpenting di rantau Asia Tenggara. Sejak kemerosotan kerajaan Islam Aceh pada akhir abad ke-17 Masihi, Kelantan telah berjaya memunggah dan mengambil alih gelaran Serambi Mekah daripada Aceh dengan menawarkan kemudahan pendidikan Islam kepada umat Melayu di rantau ini. Kejayaan tersebut telah menyebabkan Kelantan menjadi destinasi utama para pelajar Islam yang ingin meluaskan pengetahuan mereka dalam bidang pengajian Islam. Semua ulama Kelantan termasuk tuan guru Haji Mohd. Yusuf bin Ahmad yang lebih popular dengan panggilan Tok Kenali<sup>1</sup> cuba mempertahankan gelaran tersebut dengan

\* Rencana ini telah dibentangkan dalam majlis "Pengucapan Perdana" anjuran Muzium Negeri Kelantan bertempat di Dewan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Lundang, Kota Bharu, Kelantan pada 14 Jun 1997.

<sup>1</sup> Tok Kenali dilahirkan pada tahun 1287 Hijrah (1868 Masihi) di pinggir bandar Kota Bharu. Seperti kebanyakan orang Melayu tradisional pada masa itu, kehidupan keluarga Tok Kenali adalah menjurus kepada bidang pertanian iaitu dengan bercucuk-tanam bagi menampung keperluan hidup sehari-hari. Namun demikian, keluarga ini dianggap istimewa kerana mempunyai ilmu pengtauhan agama yang meletakkan mereka di *saf al-'ila* di kalangan masyarakat kampung pada masa itu. Lihat Aqhas, *Detik-detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, 1988, hlm 10.

berbagai cara yang difikirkan sesuai dengan keyakinan dan kemampuan masing-masing. Maka dalam usaha merealisasikan jolokan Kelantan sebagai Serambi Mekah itu,<sup>2</sup> Tok Kenali telah memilih caranya yang tersendiri dengan menjana pengisian serampang dua mata; satu menjurus kepada sistem pendidikan Islam dan satu lagi menuju minda masyarakat dalam aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik melalui karya-karyanya.

### Ulama dan Tokoh Islah

Sebenarnya tulisan mengenai ketokohan Tok Kenali serta sumbangannya terhadap perkembangan pendidikan agama Islam di Tanah Melayu terutama di Kelantan telahpun dibicarakan secara meluas oleh beberapa orang penulis seperti Abdullah al-Qari Hj. Salleh (Aqhas), Yusuf Zaki Ya'kub, Abdul Rahman al-Ahmadi dan lain-lain termasuk William R. Roff. Oleh yang demikian, kertas ini tidak lagi bertujuan membincarakan tentang sejarah Tok Kenali secara umum. Apa yang akan disentuh di sini ialah tentang falsafah pendidikan yang diutarakan oleh Tok Kenali serta sikap beliau dalam menangani isu pendidikan tersebut. Kertas ini juga akan cuba melihat faktor-faktor pendorong yang mendasari pemikiran Tok Kenali dalam menentukan sikapnya sebagai seorang ulama yang prof-aktif pada masa itu.

Meneliti sejarah hidup Tok Kenali secara umum, kita dapatilah beliau adalah seorang insan yang cerdas, rajin, cekal hati dan bercita-cita tinggi.<sup>3</sup> Personaliti ini secara tidak langsung telah meletakkan Tok Kenali di tahap teratas sebagai ulama istimewa dimana jasanya sentiasa dikenang. Antara ciri-ciri keistimewaan Tok Kenali ialah beliau mampu dan berjaya melakukan banyak kerja dalam satu masa; misalnya, di samping menjalankan tugas utama iaitu mengajar, beliau juga sempat menulis, menterjemah, menasihat, menyelia dan lain-lain kerja lagi termasuk perkara-perkara kemasyarakatan. Dan suatu yang menarik ialah Tok Kenali tidak keberatan untuk mendampingi pihak berwajib demi menjayakan programnya.

Menganalisis idea dan kegiatan Tok Kenali secara khusus, kita dapatilah bahawa beliau mempunyai suatu falsafah dan pendekatan tersendiri dalam membina tamadun bangsa. Pendekatan yang diambil oleh Tok Kenali ini

2. Kerajaan negeri Kelantan pimpinan Tuanku Guru Haji Njik Abdul Aziz juga cuba mempertahankan gelaran tersebut menubuhkan "Tabung Serambi Mekah" yang, antara lain, bertujuan mengumpul dana bagi membantu para pelajar Islam yang kurang mampu meneruskan pelajaran mereka.

3. Sejak daripada kecil lagi Tok Kenali dikatakan telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap ilmu pengtahanan dan berjaya menggarap pelajaran asas dalam usia yang begitu muda. Beliau juga sanggup berjalan kaki sejauh lima kilometer berulang-ulik ke Kota Bharu bagi mempelajari ilmu tata-bahasa Arab dan ilmu fikah daripada ulama-ulama terkenal di Kota Bharu. Lihat Aqhas, *Detik-detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, 1988, hlm 18.

memang agak sedikit berbeza dengan apa yang dilakukan oleh kebanyakan ulama Kelantan pada masa itu. Namun demikian, kita yakin Tok Kenali tentunya mempunyai asas yang kuat dalam menentukan corak pendekatan yang dipilihnya itu. Dengan lain perkataan, Tok Kenali bukan sekadar ulama biasa yang kerjanya cuma mengajar, tetapi lebih dari itu, ia boleh dikategorikan sebagai penjana pembaharuan atau reformis Melayu abad ke-20 yang berjuang bagi mengisahkan sistem pendidikan agama Islam di Kelantan disamping menujuk minda masyarakat dengan karyanya melalui majalah Pengasuh.<sup>4</sup>

## Latar Belakang Perjuangan

Untuk mengetahui falsafah perjuangan Tok Kenali secara mendalam, perlulah ditinjau latar belakang yang memberi *input* terhadap perkembangan tersebut. Dalam hubungan ini, kita mengetahui bahawa Tok Kenali menghabiskan sebahagian daripada zaman rumajanya di Timur Tengah dimana beliau menetap selama hampir dua dekad di kota Mekah dan kemudian berhijrah ke Mesir untuk beberapa tahun kerana mengikuti gurunya Syaikh Ahmad al-Fatani. Tempoh masa yang begitu panjang di luar negara sudah tentu banyak memberi pengalaman kepada Tok Kenali untuk membentuk personaliti dan hala-tuju perjuangannya.

Sebenarnya semasa Tok Kenali tiba di tanah suci Mekah (1886), keadaan politik dunia Islam sedang berada dalam suasana yang amat tidak menentu. Sultan Abdul Hamid II<sup>5</sup> (1876–1909) yang mengambil alih pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah selepas Sultan Murad V<sup>6</sup> sedang menghadapi tekanan disegenap penjuru. Di peringkat antarabangsa, beliau terhimpit di tengah-tengah persaingan politik di antara kuasa-kuasa penjajah Barat; Rusia, Perancis dan Britain. Sementara di peringkat dalaman, beliau bukan sahaja sedang dipaksa untuk melepaskan wilayah-wilayah yang didiami oleh penduduk Kristian dan Yahudi, tetapi juga sedang dilanda krisis identiti dimana penduduk Islam yang terdiri daripada berbagai bangsa

4 Tok Kenali berangkat ke tanah suci Mekah pada tahun 1886 dimana beliau belajar kepada beberapa orang tokoh ulama yang mengendalikan *halaqah* di dalam Masjid al-Haram. Di antara gurunya yang masyhur ialah Syaikh Hasbulah al-Misri, Syaikh Muhammad Yusuf al-Khayyat, Syaikh Daud dan Syaikh Ahmad al-Fatani. Lihat *Ibid.*, hlm. 24.

5 Sultan Abdul Hamid II dianggap sebagai pemimpin yang warak kerana bersedia mengisyitarkan undang-undang syariah sebagai kanun negara yang berkuat kuasa serta-merta selepas perlantikan beliau. Beliau juga merupakan pemimpin yang sentiasa bersikap tegas dengan golongan bukan Islam. Ketegasan ini menyebabkan beliau diminati oleh kebanyakan umat Islam. Lihat Rafiq Zakaria, *The Struggle Within Islam*, 1988, hlm. 126.

6 Sultan Murad V adalah putra kepada Sultan Abdul Majid I (1839–1861) yang mengambil alih pentadbiran negara selepas bapa saudaranya Sultan Abdul Aziz dipecat atas alasan menghadapi masalah mental. Sultan Murad V juga menghadapi nasib yang sama dengan Abdul Aziz kerana dikatakan tidak cerdik (imbecile). Beliau hanya sempat memerintah selama tiga bulan sahaja. Lihat Stanley Lane-Poole, *Turkey*, t.t. hlm. 253.

dan keturunan mendesak supaya hak mereka diiktiraf dalam erti kata yang sebenarnya. Selain daripada itu, terdapat juga golongan rakyat yang mempersoalkan kemampuan khalifah dalam mempertahankan ekonomi negara yang sedang menuju ke arah muflis akibat penyalahgunaan kuasa dan rishwah di kalangan pegawai kerajaan.<sup>7</sup>

Di Mekah sendiri terdapat persaingan politik antara Syarif Mekah dengan pemerintah Uthmaniyyah sendiri. Persaingan ini menjadi semakin hebat pada awal abad ke-20 antara Syarif Hussain<sup>8</sup> yang memerintah Mekah bagi pihak kerajaan Uthmaniyyah dengan keluarga al-Saud yang juga ingin menguasai Mekah. Pertarungan antara dua qabilah Arab ini menjadi lebih parah apabila British turut campur-tangan dengan memberi sokongan lebih kepada Syarif Hussain daripada keluarga al-Saud.<sup>9</sup> Walaupun dari segi politik, rata-rata penduduk Mekah termasuk para pelajar Melayu yang berada di sana tidak begitu kuat menentang tindakan al-Saud yang bersekongkol dengan British berbanding dengan Sharif Hussain, namun dari segi pembaharuan agama yang ditaja oleh gerakan Wahabiyah<sup>10</sup> yang menjadi landasan perjuangan keluarga al-Saud jelas telah memberi kesan di kalangan penduduk Mekah. Ini bermakna, dengan menggunakan isu pembersihan khurafat, al-Saud berjaya memecahkan perpaduan golongan sunni Muslim di Hijaz kepada dua kumpulan iaitu kaum-tua dan kaum-muda. Pertelagahan ini akhirnya merebak ke seluruh dunia Islam termasuk Asia Tenggara. Di Tanah Melayu, fahaman kaum-muda yang dipelupori oleh Syed Syaikh al-Hadi (1867–1934) jelas bertentangan dengan

7 Sekurang-kurang terdapat tiga golongan yang selalu menimbulkan masalah kepada pemerintah Uthmaniyyah Turki. Mereka ialah: (a) Golongan Uthmani Muda (Young Ottomans) yang kebanyakannya berpendidikan Barat. Mereka ini mengkritik khalifah kerana gagal mentadbir negara mengikut prinsip demokrasi Barat. Mereka juga tidak setuju dengan konsep *nepotism* yang diamalkan oleh golongan Uthmaniyyah. Mereka juga meminta kerajaan mengembalikan sistem demokrasi berparlembagaan yang dibekukan. (b) Golongan Turki Muda (Young Turks) pula kebanyakannya terdiri daripada anggota tentera. Agenda golongan ini di peringkat awal ialah menuntut persamaan hak di antara semua bangsa yang menjadi rakyat kepada kerajaan Uthmaniyyah. Mereka ini menuntut supaya dikembalikan sistem demokrasi berpelembagaan. Kumpulan ini dikatakan telah mendapat sokongan daripada gerakan Freemasons dan Yahudi. (c) Golongan minoriti bukan Islam yang terdapat di seluruh empayar Uthmaniyyah. Mereka ini juga menuntut persamaan hak di antara orang Islam dan bukan Islam di samping menuntut kuasa otonomi bagi daerah-daerah yang terdapat ramai bukan Islam. Lihat Peter Mansfield, *A History of The Middle East*, hlm. 72, 76, 125–30.

8 Dari segi silsilah, Syarif Hussain dipercuryai berasal daripada keluarga Rasulullah (s.a.w.) melalui keturunan sayidna Hasan bin Ali (k.w.).

9 Keluarga al-Saud ialah satu kumpulan Arab daripada Banu Tamim iaitu satu qabilah yang agak besar di antara qabilah-qabilah Arab Badawiyah.

10 Gerakan Wahabiyah diasaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahab al-Tamimi iaitu seorang tokoh reformis terkenal yang berjuang membersihkan masyarakat Arab daripada perkara-perkara bid'ah dan khurafat. Beliau di lahirkan di Ulayinah (salah satu kampung dalam negeri Najd) pada tahun 1703 Masih dan mendapat pendidikan di Madinah. Perjuangan Abdul Wahab telah mendapat sokongan daripada keluarga al-Saud yang memerintah Najd pada masa itu. Setelah kewafatannya pada tahun 1787, perjuangan beliau terus diambil alih oleh keluarga al-Saud dan menjadi agenda perjuangan mereka hingga sekarang. Lihat EP<sup>11</sup>, hlm. 618–621.

persepsi agama yang difahami oleh kebanyakan ulama di Kelantan, Patani, Kedah dan Terengganu.<sup>11</sup>

Penonjolan isu khurafat dan bid'ah oleh golongan al-Saud bukan sahaja berjaya menarik perhatian umat Islam, bahkan menjelaskan kredibiliti khalifah Uthmaniyyah di mata umum. Khalifah sepatutnya mengambil kira laungan Muhammad Abdul Wahab (1703–1787) supaya membenteras amalan khurafat di kalangan umat Islam sejak dari awal lagi. Akan tetapi, kealpaan khalifah dalam menangani isu tersebut telah memberi peluang kepada golongan politik (Ibn al-Saud) menggunakan sebagai landasan untuk mengeneplikan khalifah. Hakikat ini walaupun disedari oleh tokoh-tokoh pejuang Islam seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abdurrahman dan Rasyid Rida, namun agak sukar untuk memperbaiki keadaan tersebut kerana kepercayaan rakyat terhadap khalifah sudah mula terhakis.

Kemelut politik yang sedang melanda umat Islam, terutama penduduk Hijaz itu sudah tentu menjadi agenda utama yang dibahaskan juga oleh para pelajar Melayu yang sedang berada di kota Mekah pada masa itu. Keadaan ini telah menyebabkan pentadbir British Malaya terpaksa melantik beberapa orang perisik di kalangan orang Melayu untuk dihantar ke Mekah bagi menyiasat kegiatan para pelajar Melayu dan juga jemaah haji di sana.<sup>12</sup> Pihak perisik British tentunya mempunyai alasan yang kuat untuk mencurigai kegiatan pelajar Melayu di Mekah itu. Pada ketika ini memang terdapat rensangan anti-Penjajah di kalangan pelajar Melayu di Mekah dimana masing-masing berkeinginan untuk mendirikan pemerintahan Melayu di tanahair sendiri.<sup>13</sup> Salah seorang tokoh ulama Melayu Mekah yang terlibat secara langsung dalam usaha mempertahankan Dawlah Uthmaniyyah ialah Syaikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Beliau juga dikatakan terlibat dalam usaha mempengaruhi Sultan Abdul Hamid II supaya campur-tangan dalam persoalan politik di Alam Melayu.<sup>14</sup>

Sokongan masyarakat Melayu, terutama yang berada di Tanah Suci Mekah terhadap khalifah Uthmaniyyah adalah besar ertiannya dalam arena politik Islam. Pihak penguasa Mekah, Syarif Hussain, dengan itu telah memberi berbagai kemudahan kepada masyarakat Melayu tersebut seperti melantik Syaikh Ahmad Khatib sebagai imam rasmi mazhab al-Shafi'i di Masjid al-Haram, dan melantik Syaikh Ahmad al-Fatani sebagai pengurus

11 Untuk mengetahui fahaman Syeikh al-Hadi secara detail, lihat Ibrahim Bakar, *Islamic Modernism in Malaya As Reflected in Hadi's Thought*, Tesis Ph.D McGill Universiti, 1992. Mengenai kaum-muda di Perlis, lihat Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Gerakan Islam di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*, 1989.

12 Lihat M.R. Othman, *The Middle Eastern Influence on The Development of Religious and Political Thought in The Malay Society 1880-1940*, 1994, hlm. 22, Tesis Ph.D Edinburgh Universiti (tidak diterbitkan).

13 Abdul Rahman al-Ahmadi, *Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*, hlm. 4

14 *Ibid.*, hlm. 5

percetakan al-Misriyyah bagi mencetak kitab-kitab jawi di Mekah.<sup>15</sup>

Semua perkembangan yang tersebut di atas sudah tentu melibatkan Tok Kenali kerana beliau merupakan pelajar yang amat disayangi oleh gurunya Syaikh Ahmad al-Fatani. Bukti nyata tentang keperihatinan Tok Kenali dalam bidang politik dapat dilihat daripada tulisan-tulisannya yang dimuatkan dalam majalah Pengasuh. Bahkan kesedian Tok Kenali untuk menerajui majalah Pengasuh itu sendiri perlu dilihat sebagai kesan daripada pengalaman serta pergaulannya dengan shaykh kesan daripada pengalaman serta pergaulannya dengan Syaikh Ahmad al-Fatani yang menggunakan kuasa penanya sebagai salah satu daripada wadah perjuangan beliau. Oleh sebab itu, dalam tulisan-tulisan Tok Kenali juga kita dapat melihat dengan jelas pendiriannya tentang masalah politik, pendidikan, sosial dan ekonomi yang digarap secara serius oleh beliau.

### Pendekatan Islah Berhikmah

Suatu perkara yang paling penting dalam membicarakan sumbangan Tok Kenali ini ialah peranan beliau dalam mengislahkan sistem pendidikan agama di Kelantan. Program ini dilakukan oleh Tok Kenali dengan penuh dedikasi dimana beliau telah menggabungkan segala kekuatan yang ada padanya, mental dan fizikal, bagi menjayakan program tersebut. Hakikat ini terbukti apabila beliau sanggup menyertai berbagai-bagai kegiatan yang melibatkan sektor pendidikan seperti; menerajui kuliah agama di masjid al-Muhammadi, mengendalikan Iujnah terjemahan kitab-kitab turath-Islami,<sup>16</sup> merancang penubuhan sekolah agama Ma'had al-Muhammadi, menyusun-selia buku-buku teks untuk sekolah-sekolah agama Majlis dan mengetuai penerbitan majalah Pengasuh. Semua ini dilakukan oleh Tok Kenali dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan membangun minda masyarakat agar umat Melayu tidak terpinggir dalam arus pembangunan.

Tujuhan yang begitu kuat terhadap sektor pendidikan ini jelas menggambarkan pengalaman Tok Kenali sendiri dalam bidang berkaitan dimana beliau dapat merasakan bagaimana sistem pendidikan tradisional, seperti yang dialaminya itu, tidak dapat menampung keperluan negara secara berkesan. Kelemahan sistem pendidikan tradisional dalam memenuhi tuntutan negara mula dirasai apabila kebanyakan daripada negara Islam jatuh ke tangan penjajah. Di Mesir, laungan supaya reformasi pendidikan dilakukan mula bergema apabila penjajah Perancis menjajakkan kakinya

15. Snouck Hurgronje. *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*, hlm. 286

16. Di antara kitab yang dipilih untuk terjemahan diperangkat awaf iaitu Kitab al-Umm dan juga Tasrif al-Khazin. Lihat al-Ahmadzi, *op.cit.*, hlm. 29.

di bumi tersebut. Hal yang sama berlaku di semua negara Islam yang dijajah kuasa Barat termasuk India dan Tanah Melayu. Tokoh-tokoh islah seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abdurrahman, Rasyid Reda, Ahmad Khan dll. berpendapat bahawa umat Islam akan terpinggir dalam semua aspek pembangunan sekiranya pembaharuan dalam sektor pendidikan ini tidak dilakukan segera. Bagi mereka, pengisian sistem pendidikan bukan bermakna mengikut penjajah, tetapi membetulkan kesilapan yang berlaku di kalangan umat Islam yang menganggap bidang-bidang sains, metametik, perubatan, ekonomi, sejarah, geografi, pengurusan dan sebagainya tidak termasuk dalam kategori agama.

Dalam sejarah Islam, kejayaan besar yang dicapai oleh dawlah Umayyah dan Abbasiyah dalam berbagai bidang adalah berpunca daripada kecemerlangan ilmu yang dimiliki oleh umat Islam ketika itu. Orang-orang Barat juga mengakui bahawa kejayaan mereka dalam membina tamadun bangsa dan negara mereka hanya berlaku setelah mereka berjaya menimba ilmu pengetahuan daripada orang-orang Islam.<sup>17</sup> Sebenarnya kesilapan persepsi umat Islam dalam menangani konsep ilmu hanya berlaku setelah kejatuhan dawlah Abbasiyah pada tahun 1258 Masihi. Tentara-tentara Mongol yang menyerang Baghdad telah membakar dan memusnahkan semua kepentingan kerajaan tanpa sebarang pengecualian. Akibatnya kebanyakan ulama yang memiliki kepakaran dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan terpaksa membawa diri masing-masing kerana tiada lagi institusi yang boleh memanfaatkan kepakaran mereka secara berkesan.<sup>18</sup> Dengan itu kecemerlangan tamadun Islam mula terhakis dan akhirnya turut terkubur bersama pemiliknya tanpa sebarang warisan di kalangan umat Islam.<sup>19</sup>

Kecacatan umat Islam akibat kehilangan kepakaran mula dirasai apabila Barat mula menjajakkan kaki mereka di dunia Islam. Para pemimpin Islam, tidak kira apa gelarannya, kelihatan begitu lemah dan tidak berupaya untuk

17 P.K. Hitti, *History of The Arabs*, hlm. 363–407

18 Dalam zaman Abbasiyah terdapat beberapa institusi milik kerajaan seperti Baytul-Hikmah, Madrasah Nizamiyah dan Mustansiriyyah yang menjadi landasan kepada golongan ulama profesional mencurahkan ilmu serta pengalaman mereka dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Lihat Ismail Bakar, *Sejarah Tamadun Islam*, 1996, Bab V & VI

19 Prof. Syed Hussain Alatas, walaupun bagaimanapun, menganggap kemunduran umat Islam bukan disebabkan kejatuhan kerajaan Abbasiyah, tetapi disebabkan penutupan pintu ijihad oleh ulama. Lihat, *Kesusasteraan Melayu dan Islam*, 1980, hlm. 5. Idea seperti ini biasanya dibawa oleh golongan reformis yang tidak begitu jelas tentang isu ijihad. Sebenarnya para *mujtahid* yang terlibat dalam proses ijihad tidak ada kena-mengena dengan perkembangan ataupun kemunduran ilmu sains dalam zaman Abbasiyah kerana yang terlibat dengan masalah ijihad hanyalah golongan *fujūha*. Dengan kata lain, masalah penutupan pintu ijihad lebih merupakan rentetan konflik antara golongan *Ahl al-Ra'y* dan *Ahl al-Hadith*. Lihat Bakar, I.B.H. *The Role of The Ulama During The Abbasid Caliphate With Special Reference to The Period of Harun al-Rashid and al-Ma'mun*, tesis Ph.D Universiti Aberdeen [1987 (tidak diterbitkan)]

menghadapi tekanan Barat itu secara gentleman seperti yang pernah dilakukan oleh khalifah-khalifah Umayyah dan Abbasiyah sebelumnya.<sup>20</sup> Keadaan menjadi lebih leceh apabila kebanyakan pemimpin Islam terlibat pula dalam skandal hutang yang begitu besar kepada cheti-cheti Eropah sehingga terpaksa menggadai kedaulatan negara umat Islam.<sup>21</sup> Peristiwa seperti ini sudah tentu tidak akan berlaku sekiranya kekuatan negara Islam masih utuh. Tetapi malangnya, keutuhan sesebuah negara itu, secara relatifnya, berhajat kepada kemampunan ekonomi serta ketinggian teknologinya. Oleh sebab itu, apabila orang-orang Barat menerpa masuk ke dalam negara Islam dengan segala kecanggihan teknologi mereka, maka rata-rata umat Islam hanya mampu menjadi penonton dan pengguna sahaja. Walaupun ada segelintir umat Islam yang menyedari bahawa apa yang dimiliki oleh Barat itu adalah asalnya khazanah milik orang Islam yang perlu direbut kembali melalui proses pendidikan, tetapi tidak kurang pula yang beranggapan bahawa kecemerlangan teknologi yang dicapai oleh Barat itu tidak ada kaitan dengan agama. Oleh itu, ia tidak perlu dipelajari kerana tiada nilai pahalanya.

Sesungguhnya salah faham terhadap konsep ilmu telah menjadi semacam virus yang menular ke seluruh wilayah Islam dan merupakan sebab utama kepada kemunduran masyarakat Islam itu sendiri. Hakikat ini telah menarik minat sebahagian ulama untuk tampil menyedarkan masyarakat tentang pentingnya menggarap semua jenis pengetahuan yang digambarkan oleh Allah (S.W.T.) dalam kitab suci al-Quran.<sup>22</sup> Di antara ulama yang menceburkan diri sepenuh masa bagi mengisahkan pendidikan umat Islam ialah Syaikh Muhammad Abduh (1849–1905) yang memulakan program reformasinya di Mesir. Perjuangan beliau yang memakan masa selama hampir dua dekad itu telah berhasil menarik perhatian beberapa orang ulama yang kemudiannya turut berjuang memperbaiki sistem pendidikan di negara masing-masing.

Di Tanah Melayu terdapat beberapa orang tokoh islah yang bergerak menyedarkan masyarakat tentang kepentingan ilmu pengetahuan, antaranya ialah; Syaikh Tahir Jalaluddin (1869–1959) yang menjelajah ke seluruh nusantara bagi menyedarkan masyarakat Melayu tentang kepentingan

20. Sebagai contoh, Khalifah Harun al-Rasyid telah mengambil tindakan ketenteraan secara spontan apabila Raja Nicephorus I (802–811) menggertak beliau berkaitan pembayaran upeti kepada kerajaan Islam. Lihat Hitti, *History of The Arabs*, hlm. 300.

21. Mansfield, *op.cit.*, hlm. 72. Lihat juga huriahan Halil Inalcik mengenai beberapa masalah besar yang menyebabkan kemerosotan Empayar Uthmaniyah, dalam *The Cambridge History of Islam*, Jil. 1A, hlm. 342–5.

22. Terdapat sejumlah besar ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tentang perkembangan sains seperti kejadian manusia, haiwan, angkasa lepas, cekarwala, atom, tumbuh-tumbuhan, teknologi senjata, kejuruteraan dan berbagai-bagai unsur sains yang belum dapat diterokai oleh manusia.

mempelajari berbagai ilmu pengetahuan. Beliau yang mendapat pendidikan di Mekah dan al-Azhar dilaporkan banyak terpengaruh dengan idea Muhammad Abduh, dan turut terlibat dengan penerbitan majalah *al-Manar* yang diasaskan oleh Rasyid Reda pada tahun 1898. Idea beliau kemudiannya dikembangkan pula oleh muridnya Syed Syaikh al-Hadi (1862–1934) yang berjaya menubuhkan sekolah agama/Arab di Melaka yang diberi nama *Madrasah al-Hadi* (1917) dan juga *Madrasah al-Masyhur* di Pulau Pinang pada tahun 1919.<sup>23</sup> Tindakan al-Hadi menubuhkan sekolah tersebut adalah sebagai lanjutan kepada ideanya yang telah dikembangkannya sejak tahun 1906 melalui majalah *al-Imam*. Dengan kata lain, al-Hadi cuba menterjemahkan ideanya dalam *al-Imam* ke dalam bentuk praktikal. Namun percubaan tersebut cuma berjaya di Pulau Pinang sahaja, sedangkan di Melaka, tempat tumpah darahnya sendiri, al-Hadi gagal kerana ditentang oleh golongan konservatif.<sup>24</sup>

Di Kelantan, suasannya agak berbeza dengan tempat-tempat lain kerana ia merupakan *seat of learning* dalam bidang pendidikan Islam. Semasa kepulangan Tok Kenali dari Mekah (1910) sudah terdapat beberapa pusat pengajian agama (pondok) yang diasaskan oleh ulama-ulama terkenal seperti; Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (Tuan Tabal), Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdullah (Tok Padang Jelapang) dan juga Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman (Tok Selehor di Palekbang).<sup>25</sup> Di masjid besar al-Muhammadi juga telah terdapat pengajian pondok yang dikendalikan oleh beberapa orang ulama terkenal di Kota Bharu. Namun semua institusi pondok tersebut menumpukan perhatian dalam bidang agama sahaja seperti; Tafsir, Hadith, Feqah, Tasauf dan ilmu bahasa (Nahu/Saraf/Balaghah).

Walaupun Tok Kenali banyak terpengaruh dengan konsep islah yang diperjuangkan oleh Muhammad Abduh, namun di peringkat awal beliau sendiri turut mempraktikkan sistem lama iaitu dengan membuka pondok dan mengajar mata-mata pelajaran nahu, tawhid, tasauf dan tafsir<sup>26</sup> seperti pondok-pondok lain juga. Akan tetapi, selepas beliau berpindah ke Kota Bharu (1915) pandangannya telah berubah, terutama setelah beliau diberi kepercayaan oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Haji Nik Mahmud, untuk merancang penubuhan Sekolah Ma'had al-Muhammadi<sup>27</sup> dan merangka kurikulum yang sesuai dengan institusi yang

23 Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, 1967, hlm. 82.

24 Ibrahim Bakar, *op.cit.*, hlm. 82, 105.

25 Mohd Yusuf Ab. Rahman, "Pelajaran Ugama dan Kemunculan Ulamak Kelantan", dalam *Jebat*, Bil. 57, 1975–6, hlm. 97, 99. Lihat juga al-Ahmadi, *Tekoh*, hlm. 3.

26 Aqhas, *Detik-detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, 1988, hlm. 49.

27 Semasa perubahannya sekolah ini memakai nama *al-Madrasah al-Muhammadiyyah al-Kelantaniyyah*, tetapi lebih popular dengan nama Sekolah Ugama Majlis. *Ibid.*, hlm. 76.

agak moden itu. Di sinilah Tok Kenali mula mengislahkan sistem pendidikan agama dengan memasukkan beberapa subjek baru seperti; Sejarah, Geografi, Bahasa Inggeris, Mantiq (Logik), Adab (Sastera), Jalan Perdagangan dan ilmu Pidatu.<sup>28</sup> Sementara subjek-subjek yang biasa diajar di institusi pondok seperti feqah, usuluddin (tawhid), faraidh dan ilmu-ilmu Bahasa Arab tetap menjadi subjek utama sekolah tersebut.

Sebenarnya apa yang menarik dalam membicarakan pendekatan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Tok Kenali ini ialah; beliau tidak mengambil sikap yang radikal dan terburu-buru dalam mengislahkan pemikiran umat Islam di Kelantan seperti yang dilakukan oleh tokoh-tokoh islah yang lain. Sebaliknya beliau cuba menyampaikan ideanya dengan cara yang sederhana dan penuh hikmah. Dari segi tindakan, jelas apa yang dilakukan oleh Tok Kenali itu jauh lebih lembut daripada cara yang diambil oleh Muhammad Abduh.<sup>29</sup> Oleh sebab itu, Tok Kenali tidak mempunyai musuh walaupun mempunyai perbezaan idea dengan ulama-ulama yang lain di Kelantan.

Dari sudut pandangan, memang tidak syak lagi bahawa Tok Kenali begitu terpengaruh dengan idea serta pendekatan islah Muhammad Abduh yang memilih cara bekerjasama dengan pihak pemerintah.<sup>30</sup> Tok Kenali juga tidak keberatan menyumbangkan khidmatnya kepada kerajaan dengan menerima berbagai-bagi jawatan yang ditawarkan kepada beliau. Tetapi beliau tidak luntur dengan jawatan tersebut, bahkan menggunakan kesempatan itu untuk menyampaikan ideanya kepada umum di samping bertindak sekaligus melakukan reformasi. Inilah langkah bijak yang perlu dinilai secara objektif daripada falsafah perjuangan Tok Kenali.

## **Wawasan Perjuangan Berencana**

Sebagai seorang reformis, Tok Kenali mempunyai wawasan perjuangan yang amat unik dan futuristik sifatnya. Beliau dapat melihat secara jelas permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam khususnya anak-anak Melayu yang terlibat dalam sistem pendidikan tradisional pada masa itu. Permasalahan ini mula wujud bilamana penjajah British memperkenalkan

28 al-Ahmadi, *op.cit.*, hlm. 9f.

29 Syaikh Muhammad Abduh mengambil pendekatan yang agak keras dalam menangani isu pendidikan di Mesir. Beliau secara terang-terang menyerang sistem pendidikan al-Azhar yang dianggapnya ketinggalan zaman kerana gagal memenuhi keperluan masyarakat dan negara.

30 Di peringkat awal, Muhammad Abduh mengambil sikap yang agak keras kerana banyak terpengaruh dengan sikap gurunya Syaikh Jamaluddin al-Afghani. Tetapi di peringkat akhir, sikap dan pandangannya agak berbeza dimana beliau tidak lagi memilih jalan konfrantasi dengan pihak pemerintah bahkan mengambil sikap berbaik-baik dan bersedia duduk dalam pentadbiran kerajaan dengan memegang berbagai-bagi jawatan. Lihat Sidek Fadzil, *Ash-Shaykh Muhammad Abduh: Suatu Tinjawan Kritis Terhadap Pemikirannya*, 1978, hlm. 268-71, tesis M.A. (UKM) – tidak diterbitkan.

sistem pendidikan sekular yang berorientasikan pasaran kerja. Ini bermakna, mana-mana golongan yang menolak sistem pendidikan tersebut akan tertutup peluang pekerjaannya dalam sektor awam. Hakikat ini telahpun menjadi realiti dimana masyarakat Melayu telah berpecah kepada dua golongan iaitu; golongan pentadbiran yang berpendidikan sekular dan golongan agama yang berpendidikan tradisional. Résiko orientasi pendidikan yang tidak sehaluan ini amat merbahaya kerana ia melibatkan faktor politik, ekonomi, sosial-budaya dan kemantapan perpaduan dalam sebuah negara.

Menyedari hakikat inilah maka Tok Kenali sanggup turun padang bagi mengislahkan sistem pendidikan agama dengan mengemukakan alternatif penubuhan institusi pembelajaran moden yang menggunakan kurikulum bersepadan iaitu cantuman di antara pelajaran agama dan akademik. Ini bermakna, dari segi sistem persekolahannya ia bermodelkan Barat, tetapi dari segi pengisiannya ia berorientasikan Islam. Eksperimen pertama yang dilakukan oleh Tok Kenali dengan penubuhan Ma'had al-Muhammadi itu telah memberi kesan yang positif dan berjaya mengurangkan jurang perbezaan di antara golongan yang berpendidikan Barat dan berpendidikan agama. Ini terbukti setelah ramai pelajar lepasan Ma'had al-Muhammadi berjaya menyambung pelajaran mereka ke peringkat tinggi dalam berbagai jurusan sama ada di dalam maupun di luar negara. Para graduan yang mendapat didikan asas di sekolah ini dilaporkan telah menceburkan diri dalam berbagai sektor perkhidmatan, awam dan swasta, demi memajukan bangsa dan negara.<sup>31</sup> Dengan kejayaan Ma'had al-Muhammadi ini bermulalah era baru dalam sejarah perkembangan pendidikan Islam di Kelantan. Dan suatu yang menarik di sini ialah kehadiran sekolah agama moden dalam arena pendidikan di Kelantan lebih merupakan alternatif kepada masyarakat, bukannya penghakisan terhadap sistem pendidikan tradisional.

Sesungguhnya keperihatinan Tok Kenali dalam mengislahkan sistem pendidikan Islam ini adalah berasaskan pengalaman serta pengamatannya yang teliti terhadap masalah *brain-drain* yang dihadapi oleh para pelajar Islam terutama di Jami' al-Azhar yang banyak memeningkan kepada tokoh-tokoh ialah seperti al-Afghani dan juga Abduh. Golongan al-Azhari yang merupakan *elite-group* dalam abad-abad ke-13 hingga ke-18 telah kehilangan *ground* setelah kemasukan penjajah Barat, terutama apabila sekolah-sekolah sekular diwujudkan oleh penjajah bagi memenuhi keperluan mereka.<sup>32</sup> Keadaan ini walaupun tidak diingini oleh kebanyakan umat Islam yang bermaruah, tetapi ia sudah menjadi kenyataan yang tidak

<sup>31</sup> Tokoh, him 13

mungkin diubah melalui kelohan sentimen.

Suasana yang sarupa juga berlaku di Alam Melayu dimana golongan ulama yang begitu berperanan dalam semua sektor semasa keagungan Kesultanan Melayu telah menjadi layu hingga ada keinginan untuk menukar nama tersebut.<sup>32</sup> Sikap emosional ini ditentang oleh Tok Kenali yang berpendapat pokok persoalan bukan terletak pada nama Melayu, tetapi terletak pada sikap umat Melayu yang kurang perihatin terhadap masalah pendidikan. Bagi beliau, kemajuan yang dicapai oleh bangsa asing seperti Jepun adalah kerana keperihatinan mereka dalam menggarap ilmu pengetahuan. Bahkan lebih jauh dari itu, Tok Kenali secara sinis mempersoalkan apakah kecemerlangan yang dicapai oleh orang-orang yang berjaya menguasai dunia (laut dan darat) mempunyai fizikal (tulang dan urat) yang lebih baik daripada apa yang dimiliki oleh orang Melayu, sedangkan Tuhan menjelaskan bahawa manusia itu dicipta dengan sebaik-baik adunan. Maka untuk menyaingi bangsa yang maju, Tok Kenali menyarankan orang Melayu mengubah sikap malas dan lalai kepada rasa tanggungjawab untuk memertabatkan bangsa sendiri. Ini mesti dilakukan dengan penumpuan kepada penggelidahan ilmu pengetahuan secara menyeluruh disamping mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri dan mempunyai objektif yang jelas dalam semua hal.<sup>33</sup>

Dalam usahanya mengubah minda masyarakat, Tok Kenali cuba menampilkkan beberapa contoh tentang kejayaan yang dicapai oleh bangsa asing terutama bangsa Eropah dengan tujuan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan umat Islam supaya tampil kehadapan bagi membela maruah bangsa dengan cara mengubah sikap dan persepsi yang tidak sesuai lagi dengan perkembangan semasa. Namun demikian segala perubahan itu mestilah berlaku secara seimbang di antara kepentingan dunia dan akhirat.<sup>34</sup> Sementara kepada golongan yang mengenepikan kepentingan dunia dengan hanya munumpukan kepada kerja-kerja keakhiratan sahaja ataupun hanya mempelajari ilmu agama sahaja. Tok Kenali menjelaskan bahawa tindakan sedemikian adalah tidak tepat kerana harta kekayaan juga adalah penting untuk memenuhi keperluan manusia. Demikian juga dengan golongan yang hanya munumpukan kerja-kerja keduniaan sahaja, mereka dianggap sebagai golongan yang rugi kerana ilmu, harta dan amal perlu seimbang.<sup>35</sup>

Sungguhpun dari segi pandangannya Tok Kenali kelihatan begitu progresif, tetapi dalam menjalani kehidupan harian beliau tetap

32 Lihat A.S. Bin Salamun, *Azhar and Politics*, 1988, hlm. 13–32

33 Mohd Yusuf Kenali, "Kalimah Melayu", *al-Hidayah*, Bil. 3, 5 th. 1, 1923

34 Mohd Yusuf Kenali, "Kemanusian", *Pengasuh*, Bil. 1, th. 1, 1918

35 Mohd Yusuf Kenali, "Menjemih Kekeruhan", *Pengasuh*, Bil. 3, th. 1, 1918

36 *Ibid.*, "Seruan", *Pengasuh*, Bil. 5, th. 1, 1918

mengamalkan tradisi orang-orang sufi yang hidup secara sederhana tanpa menunjukkan sebarang sifat riya' dan takabur. Di sinilah terletaknya kekuatan jiwa Tok Kenali kerana beliau berjaya membuktikan kezuhudannya sebagai seorang ulama tanpa terpengaruh dengan pangkat serta kedudukannya yang tinggi dalam masyarakat. Faktor ini selalunya menjadi delima kepada sesetengah ulama kerana kesukaran menyelaraskan bikinan dengan cakapan. Dan akibat daripada perwatakan sufi yang dihayati oleh Tok Kenali ini menyebabkan sebahagian daripada peminat-peminat islah atau pembaharuan menjadi bingung kerana wujud percanggahan antara idea dan perwatakan Tok Kenali. Bagi kebanyakkannya orang, pembaharuan bermakna penghijrahan dari alam *konservatism* kepada alam *modernism* dengan ertikata penolakan terhadap cara hidup sufi yang rata-rata dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan.<sup>37</sup> Oleh sebab itu, terdapat kritikan-kritikan sinis yang dilemparkan oleh para peminat pembaharuan kepada Tok Kenali seperti yang dimuatkan dalam majalah Lembaga Melayu mempersoalkan apakah pakaian serban, kupiah putih dan jubah itu satu-satunya lambang keislaman.<sup>38</sup> Walau bagaimanapun, kritikan yang berbentuk emosional begitu tidak mendapat sebarang reaksi daripada Tok Kenali. Soalan itu jelas menunjukkan kecetekan faham sesetengah golongan yang menganggap faktor luaran atau pakaian sebagai tanda kemajuan atau kemunduran.

## Penutup

Dalam mengamati perjuangan Tok Kenali khususnya tentang falsafah serta pendekatan operasi yang dilakukannya di Kelantan jelas membuktikan kematangan beliau dalam memahami suasana serta permasalahan yang ingin diperbaiki. Beliau sedar bahawa Kelantan mempunyai tradisi yang tersendiri dimana agama merupakan faktor penting yang dominan dalam berbagai perkara. Ini bermakna, secara tidak langsung golongan ulama mempunyai banyak pengaruh dalam masyarakat tersebut. Bahkan peranan mereka sentiasa diperlukan dan dihargai, bukan sahaja oleh golongan rakyat biasa tetapi juga oleh golongan pemerintah. Akan tetapi, setelah kemasukan penjajah, kedudukan ulama dalam sektor awam agak terjejas kerana pertukaran sistem berokrasi yang diamalkan oleh British memerlukan orientasi baru dalam pendidikan.

Sebagai seorang ulama, Tok Kenali tentunya tidak setuju dengan apa yang berlaku, tetapi persoalannya tidak lagi menyentoh soal setuju atau

37 Lihat C.C. Adams, *Islam and Modernism in Egypt*, 1968, hlm. 1, lihat juga R.H. Dekmejian, *Islam in Revolution*, 1985, hlm. 21.

38 Lihat al-Ahmadi, *Tokoh*, hlm. 115.

tidak. Apa yang perlu difikirkan ialah bagaimana menghadapi suasana tersebut. Untuk mengambil sikap konfrantasi seperti yang dilakukan oleh Jamaluddin al-Afghani ternyata tidak dapat mengubah keadaan. Hal ini dialami sendiri oleh Muhammad Abduh yang menukar haluan dengan menumpukan perhatian dalam bidang pendidikan. Di Kelantan sendiri sudah terbukti bagaimana pendekatan yang dipilih oleh Tok Janggut tidak mampu merubah keadaan. Bahkan Khalifah Uthmaniyah yang mempunyai peralatan ketenteraan yang cukup tidak mampu menghalang kemaraan kuasa penjajah. Dengan mengambil kira semua pengalaman ini maka Tok Kenali memilih jalan yang digariskan oleh Muhammad Abduh iaitu menumpukan pengislahan dalam bidang pendidikan di samping berusaha menyedarkan masyarakat dengan menggunakan landasan penulisan kerana cara ini sudah ada menampakkan hasilnya yang positif, walaupun ianya tidak seratus-peratus menepati hasrat dan cita-rasa ulama. Oleh itu, Tok Kenali memulakan langkah awal pengislahannya dengan mendampingi kerajaan kerana beliau yakin sesuatu perubahan lebih mudah dilakukan sekiranya mendapat sokongan pihak berwajib. Nasib Tok Kenali memang baik kerana golongan *umara'* pada masa itu jelas berminat dalam soal agama, dan kebetulan pula Menteri Besar sendiri seorang ulama. Semua ini menjadikan kerja Tok Kenali menjadi mudah walaupun kerja mengubah minda masyarakat itu sebenarnya suatu hal yang payah. Apa yang jelas, selama lebih kurang dua dekad Tok Kenali menjalankan program pembaharunya (1910–1933), ia telah menampakkan hasil yang baik. Pembukaan sekolah Ma'had al-Muhammadi, misalnya, bukan sahaja mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat Kota Bharu, bahkan menjadi model yang dicontohi ramai kemudiannya. Mungkin pada ketika itu ada golongan yang kurang senang dengan apa yang dilakukan oleh Tok Kenali, tetapi sekarang semua orang memuji beliau sebagai tokoh pengislah yang amat berjasa terutama kepada penduduk Kelantan Darulnaim. Bertuahlah bumi ini kerana memiliki pengislah berwawasan yang benar-benar memahami cita-rasa penduduknya serta mampu menari mengikut rentak irama kegemaran Cik Siti Wan Kembang.

Dalam hubungan ini, mungkin tidak salah kalau saya katakan bahawa seandainya Tok Kenali memilih pendekatan yang digunakan oleh Syed Syaikh al-Hadi atau rakan-rakannya yang condong kepada konsep *Wahabiyyah* dalam proses pengislahan masyarakat di Kelantan ini, maka saya tidak yakin ianya akan menempah kejayaan. Sebagai mengakhiri rencana ini, izinkan saya memetik kenyataan Dato' Seri Dr. Mahathir Muhammad yang mengakui penglibatan orang Kelantan dalam semua sektor kerajaan sebagai suatu yang luar biasa – hingga katanya: “*pejabat sayapun depa seludup penuh dengan orang Kelantan*”. Kenyataan ini secara

tidak langsung sudah menggambarkan bagaimana ramainya orang Kelantan yang terlibat dalam perkhidmatan kerajaan berbanding dengan rakyat negeri lain. Hakikat ini berlaku adalah disebabkan Kelantan membekalkan dua saluran tenaga kerja kepada sektor awam. Wallahua'lam.

### Rujukan:

- A.S. bin Salamun : Azhar and Politics  
al-Rahamaniah, 1988.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi : Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.
- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh (Aqhas) : Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali, Pustaka Asa, Kenali, Kelantan, 1988.
- Abu Bakar Hamzah : Al-Imam: Its Role in Malay Society 1906-1908 Media Cendikiawan Sdn Bhd, t.t. (Asalnyatesis M Phil, Kent University, UK, 1981).
- Adams, C.C. : Islam and Modernism in Egypt Russel and Russel, New York 1968.
- Dekmejian, H.R. : Islam in Revolution Syracuse, USA, 1985.
- Donohue, J.J. and Esposito, J.L. : Islam in Transition: Muslim Perspective, Oxford University Press, 1982.
- Gibb, H.A.R. and Kramers, J.H. : Shorter Encyclopaedia of Islam E.J. Brill, Leeden, Netherlands, 1974.
- Hitti, P.K. : History of the Arabs MacMillan, London, New Edition, 1972.
- Holt, P.M. *et.al.* : The Cambridge History of Islam Cambridge University Press, New Edition, 1980.
- Hurgronje, S. : Mekka in the Latter Part of the 19th Century, E.J. Brill, Leiden, Netherlands, 1931.
- Ismail Bakar : Sejarah Tamadun Islam Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM, Bangi, 1996.
- Ismail Mat (Sunt.) : Ulama Silam Dalam Kenangan UKM, Bangi, 1993. Jurnal 'JEBAT' bil. 5/6, 1975/76  
Jabatan Sejarah, UKM, Bangi.

- Lane-Poole, Stanley : Turkey  
Publishers United Ltd., Lahore, Pakistan.
- 
- Mansfield, P. : Majalah 'Pengasuh'.  
bil. 1-12, 1918  
Majlis Ugama Islam, Kelantan.
- Mohamad Redzuan Othman : A History of the Middle East  
Penguin Books, 1992.
- Rafiq Zakaria : The Middle Eastern Influence on the  
Development of Religious and Political  
Thought in Malay Society 1880-1940  
University of Edinburgh, Scotland,  
December 1994 (Ph.D thesis).
- Roff, W.R. : 'The Struggle Within Islam'  
Penguin Book, London, 1988.
- Sidik bin Haji Fadzil : 'The Origins of Malay Nationalism'  
University of Malaya Press,  
Kuala Lumpur, 1967.
- Syed Hussain a-Attas *et.al.* : 'As-Syaikh Muhammad Abduh: Suatu  
Tinjauan Kritis Terhadap Pemikirannya  
dan Rumusan Mengenai Pengaruhnya  
Dalam Masyarakat Melayu'  
UKM, Bangi, 1977/78 (Tesis MA).
- : Kesusteraan Melayu dan Islam  
Sarjana Enterprise, 1980.

## *Latarbelakang Masyarakat Siam Di Kelantan\**

*EH MOOI A/L EH CHIT*

Masyarakat Siam dianggap sebagai golongan minoriti jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain yang terdapat di Malaysia, khasnya kaum Cina dan India. Perangkaan yang terdapat untuk kurun ke-19 memang tidak ada. Banci tahun 1911, 1921 dan 1931 dengan ketara memperlihatkan bahawa penduduk bukan Melayu adalah satu minoriti yang kecil.<sup>1</sup>

Tahun	1911	1921	1931
Jumlah	286,751	309,300	362,517
Cina	9,844	12,755	17,612
India	731	3,575	6,752
Lain-lain	7,143	6,445	7,223

Walau dalam banci tidak diberi penjelasan tentang golongan lain-lain, secara umum dapat dikatakan bahawa orang-orang Siam adalah termasuk dalam golongan ini.

\* Rencana ini asalnya sebahagian daripada Bab I kepada Latihan Ilmiah berjudul "Sejarah Seni Siam Di Kelantan" oleh Eh Mooi a/l Eh Chit yang telah dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, sesi tahun 1987/88. Telah disesuaikan untuk staran ini oleh Penyelenggara 'Warisan Kelantan'.

<sup>1</sup> J.E. Nathan, *The Census of British Malaya, 1921*, London, 1922, him. 149; C.A. Vlieland, *A Report on the Census*, London, 1932, him. 125.

Mengikut laporan banci tahun 1957, bilangan orang Siam adalah seramai 21,180 orang.<sup>2</sup> Pada tahun 1980 bilangannya meningkat ke angka 31,095 orang (Laporan Banci Penduduk Malaysia 1980), (rujuk Jadual 1).

Mengikut banci 1970, jumlah penduduk Siam di Kelantan ialah 6,937 orang. Kelantan mempunyai penduduk Siam yang kedua ramainya di Malaysia selepas Kedah (rujuk Jadual 2). Orang-orang Siam yang tinggal di Kelantan adalah yang ketiga ramainya selepas kaum Melayu dan Cina, (rujuk Jadual 3). Dari sejumlah 6,937 orang Siam di Kelantan itu, lebih daripada 75 peratus daripadanya tinggal di jajahan Tumpat dan Pasir Mas (rujuk Jadual 4). Kepadatan di kedua-dua tempat ini dapat dikesan melalui jumlah *wat* yang ada di kawasan tersebut, iaitu sebanyak 16 buah dari 20 buah *wat* di Kelantan berada di kedua-dua jajahan ini.<sup>3</sup>

Kaum-kaum Cina dan India dibawa ke sini secara sistematik oleh pemerintah Inggeris pada akhir abad ke-19 lagi.<sup>4</sup> Tetapi bagi masyarakat Siam, kedatangan mereka bukanlah merupakan satu kedatangan yang dirancang untuk memenuhi keperluan kuasa kolonial ketika itu.<sup>5</sup> Menurut Mohamed Yusoff Ismail, golongan minoriti Siam ini lebih lama bertapak di negeri ini, berbanding dengan kaum-kaum pendatang lain seperti India dan Cina. Hal ini dijelaskan seperti dibawah:

*Unlike the urban Chinese or the Indians, the Siamese are not part of the recent immigrant groups; their presence in Kelantan has been established well before the turn of the century. The movement of the Siamese into Kelantan was the part of the normal pattern of people in search of new agricultural land.*<sup>6</sup>

Kehadiran orang-orang Siam di Kelantan ini ada hubungannya dengan sejarah penaklukan (kekuasaan) kerajaan Siam ke atas negeri-negeri Utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Coedes menyatakan bahawa kerajaan Sukhothai telah menakluk Semenanjung Tanah Melayu sejak akhir abad ketiga belas,

2 Fell, H., *Population Census Report No. 41 State of Kedah*, London, 1957, hlm. 56.

3 Mohamed Yusoff Ismail, 'The Siamese Village of Aril: A Study of an Ethnic Minority Settlement', MA Thesis, Department of Anthropology & Sociology, Australia: Monash University, 1977, hlm. 4.


4 Campbell, P.C., *Chinese Coolie Emigration To Countries Within The British Empire*, New York: Negro University Press, 1969, hlm. 27.

5 Pada abad ke-19 berlaku perkembangan pesat di dalam ekonomi Tanah Melayu seperti adanya sektor perusahaan/perkilangan, perlombongan bijih secara besar-besaran dan pembukaan ladang-ladang getah. Ini menyebabkan permintaan terhadap tenaga buruh untuk bekerja di sektor-sektor tersebut telah meningkat. Oleh itu, Inggeris telah membawa masuk buruh-buruh Cina dan India untuk memenuhi permintaan tersebut (Lihat Campbell, *Chinese Coolie Emigration To Countries Within The British Empire*, hlm. 1).

6 Mohamed Yusoff Ismail, 'The Siamese of Aril. A Study of an Ethnic Minority Village', hlm. 3



Peta 1: Kedudukan Negeri Kelantan



- |                    |                   |                   |
|--------------------|-------------------|-------------------|
| 1 Baan Tuwaa       | 11 Baan Jamuu     | 19 Baan Tanoong   |
| ② 4 Baan Jung Kaw  | 12-13 Baan Maalaj | 20 Baan Ku Lim    |
| 5 Baan Jang        | 14 Baan Khoog Kor | 21 Baan To' Chit  |
| ⑥-7 Baan Bor Samed | 15 Baan Baang Sae | 22 Baan Khaw Joon |
| 8 Baan Khoog Sijaa | 16 Baan Sadang    | 23 Baan Likii     |
| ⑨ Baan Khaw Din    | 17 Baan Thaa Song | 24 Baan Balai     |
| ⑩ Baan Naj         | 18 Baan Semerak   | 25 Baan Pa' Kiang |
| ○ Kawasan Kajian   |                   |                   |

Sumber: Southeast Asian Journal of Social Science, 1982

Peta 2: Kampung-Kampung (Baan) Siam di Kelantan

**JADUAL 1**  
**Taburan Penduduk Keturunan Siam Mengikut Negeri**  
**di Semenanjung Malaysia 1980.**

Kawasan	Bandar Besar	Bandar Kecil	Luar Bandar	Jumlah
Kedah	463	578	15,021	16,062
Kelantan	737	141	6,682	7,560
Perlis	47	117	3,731	3,896
Perak	199	912	405	1,516
Pulau Pinang	416	21	366	803
Terengganu	67	57	298	422
Selangor	82	20	108	210
Lain-lain Negeri		627		627
<b>Jumlah</b>	<b>2,011</b>	<b>1,846</b>	<b>26,611</b>	<b>31,095</b>

*Sumber: Laporan Am Banci Penduduk 1980 (mengikut negeri-negeri) Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.*

**JADUAL 2**  
**Jumlah Penduduk Siam Dalam Negeri-negeri di**  
**Semenanjung Malaysia 1970**

Negeri	Jumlah
Johor	23 orang
Melaka	15 orang
Negeri Sembilan	30 orang
Pahang	42 orang
Terengganu	165 orang
Selangor	385 orang
Perak	1,338 orang
Pulau Pinang	1,471 orang
Perlis	2,903 orang
Kelantan	6,937 orang
Kedah	13,805 orang

*Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972.*

### JADUAL 3

#### Jumlah Penduduk Kelantan Mengikut Kaum (1970)

Negeri	Jumlah	Peratus (%)
Melayu	637,012	92.82%
Cina	36,668	5.34%
Siam	6,937	1.01%
India	5,332	0.78%
Lain-lain	317	0.05%

Sumber: *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970*,  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972.

### JADUAL 4

#### Jumlah Penduduk Siam Mengikut Jajahan (1970)

Jajahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Tumpat	2,192	2,201	4,393
Pasir Mas	461	312	773
Pasir Puteh	342	304	646
Kota Bahru	194	255	449
Tanah Merah	168	186	354
Bachok	134	139	273
Ulu Kelantan	12	22	34
Jumlah	3,505	3,432	6,937

Sumber: *Laporan Am Banci Penduduk 1980* (mengikut negeri-negeri)  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

menjelang abad ke-14.<sup>7</sup> Tetapi Wheatley berpendapat bahawa kekuasaan kerajaan Sukhothai sampai setakat Nakhon Si Thammarat (Ligor) sahaja.<sup>8</sup> Walaupun demikian, pengaruhnya sampai ke Kelantan memandangkan hampirnya Kelantan dengan Ligor.<sup>9</sup> Menurut Mohamed Yusoff Ismail;

*... settlement established by Siamese peasant became a testimony to the kind of power relation between Kelantan and the Siamese kingdoms, in such a way that every Siamese ethnic output had recognised or at least tolerated by the surrounding Malay population, with an understanding that the failure to do so would have some grave consequences on the delicate ties between the Siamese super power and the Kelantan ruling hierarchy.<sup>10</sup>*

Tarikh sebenar penempatan orang Siam di Kelantan adalah sulit untuk ditentukan. Keadaan ini berlaku disebabkan masyarakat Siam di Kelantan tidak mempunyai tradisi istana yang membawa kepada catatan-catatan sejarah mereka. Juga kerana tidak ada tulisan atau tinggalan untuk dijadikan bukti sejarah kehadiran mereka. Tambahan pula, asas penempatan mereka tidak diketahui disebabkan kehadiran mereka di Kelantan khasnya dan Malaysia amnya adalah secara kecil-kecilan.<sup>11</sup>

Menurut kajian Roger Kershaw pada tahun 1969 mengenai masyarakat Siam di Kelantan, penempatan di Semerak (Baan Sammoraj) dan Kampung Balai (Baan Maalaj) merupakan penempatan tertua di Kelantan. Tambah Kershaw, melalui cerita orang-orang Siam di Semerak itu dikatakan berasal dari Sukhothai dan datang ke sini untuk mencari gajah putih yang hilang (terlepas lari). Ini kerana perintah dikeluarkan supaya gajah itu dicari sehingga dapat dan tidak boleh balik tanpa gajah tersebut. Disebabkan mereka tidak menjumpai gajah itu, maka kampung-kampung tersebutlah yang menjadi tapak kediaman mereka. Manakala penempatan di Kampung Dalam (Baan Nai) adalah penempatan awal di Utara Kelantan (Tumpat), di mana sami *wat* di sana diiktirafkan sebagai ketua Sami bagi *wat-wat* di Kelantan hingga tahun 1920. Ini bermakna penempatan masyarakat Siam

7 Coedes G., *The Indianized States Of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 205.

8 Wheatly, Paul, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1966, hlm. 301.

9 Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melulu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 3.

10 Mohamed Yusoff Ismail, "The Siamese Village of Aril: A Study of an Ethnic Minority Settlement", hlm. 2.

11 Lihat kertas kerja oleh Shariffuddin Abd. Rahman (Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kelantan), "Penempatan orang Thai Kaitannya dengan Sejarah Pertumbuhan Negeri Kelantan", hlm. 4 (Kertas kerja yang tidak diterbitkan serta tidak dapat dikesan tarikh penyediaannya)

telah lama wujud di kawasan tersebut berdasarkan kepada adanya *wat-wat* iaitu rumah ibadat bagi masyarakat Siam beragama Buddha.<sup>12</sup>

Dari segi kajian dialek ke atas masyarakat Siam di Baan Maalaj, Baan Samooraj dan Baan Nai didapati agak lain dari dialek asal dari Thailand. Keadaan ini membawa kecenderungan para pengkaji sejarah untuk menyatakan penempatan masyarakat Siam di kawasan-kawasan tersebut terlalu lama, yakni sebelum Dinasti Chakri diasaskan pada akhir abad ke-18.<sup>13</sup> Louis Golomb menulis:

*"... By late nineteenth century they were speaking a dialect of southern quite unlike any spoken in the north".<sup>14</sup>*

Golomb berpendapat bahawa perubahan dialek percakapan ini adalah berkaitan dengan corak migrasi orang Siam itu sendiri sejak mereka bergerak ke Selatan Thailand (Utara Tanah Melayu). Manakala wilayah Selatan Thailand sendiri adalah wilayah taklukan Thailand, sedangkan Patani pula adalah sebuah negara berkerajaan sendiri sehingga awal abad 19.<sup>15</sup> Keadaan ini menyebabkan terjadinya semacam tradisi yang terputus dengan corak sosio-budaya di Thailand. Corak penempatan mereka secara kecilan dan hidup di kawasan kediaman orang Melayu dengan sendirinya terjadi asimilasi bahasa membawa kelainan dialek Thai itu sendiri. Perkara ini digambarkan oleh Golomb dengan menyatakan bahawa:

*"... Siamese Village was purposely affiliated with neighbouring Malay Village instead of seeking a site totally apart from Malay Community".<sup>16</sup>*

Jadi, dari penjelasan di atas terdapat dua kemungkinan yang boleh dirumuskan tentang kelainan dialek itu. Pertamanya ialah kemungkinan bahawa mereka telah telalu lama berpisah dengan negara asal mereka (Thailand). Dan keduanya atas kemungkinan pengaruh persekitaran yang menyebabkan dialek mereka berubah corak.

12 Lihat Shariffuddin Abd Rahman, hlm. 5

13 *Ibid.*, hlm. 5

14 Louis Golomb, *Broker of Monarchy: Thai Ethnic Adaptation In Malaysian Society*, hlm. 18

15 Patani sebelum 1813 adalah sebuah negeri yang bebas yang mempunyai otonomi sendiri. Tetapi setelah Siam menyerangnya pada tahun 1813, ia telah dijadikan sebuah wilayah di bawah naungan Siam. Patani pada keseluruhannya didiami oleh orang Melayu dengan Islam sebagai pegangan mereka dan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan. Apabila perlumbaan Thailand digubal pada tahun 1932, kerajaan Thai tidak lagi mengiktiraf kewujudan bangsa Melayu, sebaliknya mengiktiraf orang-orang Melayu ini sebagai orang Thai Islam yang mempunyai hak-hak yang sama dengan orang-orang Thai Buddha (lihat *Utusan Melayu*, 2.6.1948, hlm. 4-5)

16 Louis Golomb, hlm. 19

Di samping itu, dari maklumat yang diperolehi melalui temubual dengan beberapa orang tua di tempat-tempat kajian, dikatakan tidak kurang juga yang datang ke Tanah Melayu ini pada awalnya ekoran dari aktiviti-aktiviti jenayah yang dilakukan di negara asal mereka (Thailand). Mereka melarikan diri kerana takutkan tindakan undang-undang pemerintah dan juga ‘membalas dendam’ dari sanak saudara mangsa yang terlibat. Ini ada kebenarannya jika kita meneliti kepada kenyataan Louis Golomb yang menyatakan:

... little is known of the origins of these Thai enclaves. They may have been settled by the remnants of invading armies from the north, by fugitive serfs or criminals, or perhaps by pioneering farmers in boats surveying the coastline of the peninsula for potential village sites.<sup>17</sup>

Archaimbault berpendapat bahawa orang-orang Siam telah datang secara beramai-ramai ke Kedah satu atau dua abad yang lepas iaitu pada abad ke-18 dan 19.<sup>18</sup> Tarikh ini dapat diterima sebagai panduan jika disorot kembali sebab-sebab yang membawa kepada penghijrahan beramai-ramai ke Kedah. Menurut Prachum Pongsawadan dalam *Petalung Annals*, pada tahun 1831 orang-orang Siam dari daerah Songkhla (Singora) dan Nakhorn Si Thammarat telah masuk secara beramai-ramai ke Kedah dan penghijrahan ini adalah akibat dari satu krisis ekonomi yang serius di kedua-dua daerah tersebut ketika itu. Lagipun, negeri Kedah mempunyai banyak tanah yang berpotensi untuk dijadikan kawasan bercucuk tanam, dan melalui penghijrahan itu dijangkakan akan dapat mengubah keadaan hidup masyarakat.<sup>19</sup> Selain itu, ada juga penulisan yang menyatakan bahawa faktor perperangan yang sering berlaku di Selatan Thailand memaksa ramai penduduk Siam di kawasan tersebut melarikan diri ke Kedah.

Lagipun, pada ketika itu undang-undang keluar masuk orang-orang asing ke Kedah khususnya dan Tanah Melayu amnya masih belum dikuatkuasakan lagi. Kemasukan orang-orang asing itu dipandang ringan sahaja oleh pihak pemerintah tempatan (Tanah Melayu) sehingga undang-undang keluar masuk orang-orang asing diperkenalkan pada tahun 1932.<sup>20</sup> Namun begitu, sehingga ke tahun-tahun 1940-an masih lagi terdapat

17 *Ibid.*, hlm. 18

18 Archaimbault, C., “A Preliminary Investigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis”, dalam *JMBRAS*, Vol. XXXI, Pt. I, 1975, hlm. 75

19 Archaimbault, C., hlm. 75.

20 Pada tahun 1932, Kerajaan Kedah telah mengeluarkan satu undang-undang yang menghadkan keluar-masuk orang-orang asing dan undang-undang itu dikenali sebagai “An Enactment To Make Provision For The Registration of Aliens and For Other Purposes” – lihat fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, No. Fail 42/50.

kemasukan secara ‘haram’ orang-orang Siam ke Kedah.<sup>21</sup>

Salah satu cara kemasukan orang-orang Siam ke sini ialah melalui jalan darat iaitu merentasi sempadan Tanah Melayu dan Selatan Thailand. Dari bukti-bukti yang pernah dibukukan, ternyata jalan yang digunakan oleh orang-orang Siam untuk sampai ke sempadan Kelantan, Perlis dan Kedah adalah melalui jalan-jalan hutan dan tidak melalui jalan-jalan biasa yang berhampiran dengan pekan-pekan di sempadan seperti Padang Besar (di sempadan Perlis-Selatan Thailand), Changlun (di sempadan Kedah-Selatan Thailand) dan Rantau Panjang serta Golok (di sempadan Kelantan-Selatan Thailand).<sup>22</sup> Untuk sampai ke Utara Semenanjung dengan berjalan kaki hanya mengambil masa tidak lebih dari dua minggu.<sup>23</sup> Selain daripada jalan darat, jalan laut juga digunakan iaitu di kawasan-kawasan persisiran pantai dengan menggunakan perahu-perahu kecil.<sup>24</sup> Walau bagaimanapun, cara kemasukan ini tidaklah terkenal sebagaimana melalui jalan darat. Didapati ciri-ciri penempatan orang-orang Siam adalah lebih ramai terdapat di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sempadan Thailand seperti di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Perlis, Terengganu dan Utara Perak.<sup>25</sup>

### Latarbelakang Ekonomi

Sebahagian besar penduduk Siam di Kelantan adalah terdiri dari masyarakat tani. Seperti juga masyarakat Melayu, pertanian merupakan pekerjaan tradisi mereka. Mereka menjalankan aktiviti-aktiviti seperti tanaman padi, sayur-sayuran dan tembakau. Ekonomi mereka adalah bercorak sara diri ataupun ‘self-sufficient’, cuma pertanian tembakau sahaja yang bersifat perdagangan.

Sejak turun temurun lagi, padi menjadi tanaman utama masyarakat Siam, sama ada di tanam di tanah sendiri ataupun secara pawah (*share-cropping*). Walaupun padi itu ditanam di atas tanah sendiri, namun ia tidak mendatangkan hasil yang banyak. Ini kerana perluasan tanahnya adalah sedikit dan tidak ekonomik. Jadi jumlah pendapatan yang diperolehi juga tidak seberapa dan cukup keperluan saharian (sara diri) sahaja.

Robert L. Winzeler dalam kajiannya bertajuk “Ethnic Complexity and Ethnic Relations In An East-Coast Malay Town”, menyatakan bahawa komuniti Siam melakukan pekerjaan seperti orang-orang Melayu iaitu

21 Pada bulan Jun 1947, Kerajaan British (Malaya) telah menyediakan dua buah motesikal yang berharga \$2,600.00 untuk kegunaan bagi mengawal dan meronda kawasan sempadan antara Kedah dan Thailand, tujuannya adalah untuk mengindar dari kemasukan secara haram oleh orang-orang Thai ke negeri ini (ihat *New Straits Times*, 6.10.1947, hlm. 1).

22 *Straits Times*, 23 Jun 1948

23 M. Nordin Sopiee, *The South Siam Succession Movement and The Battle For Unification With Malaya*, (Singapore: Singapore Free Press, 1984), hlm. 58

24 Thomas, M.L., “Political Violence In The Muslim Provinces of Southern Thailand”, Occasional Paper No. 28 April, 1975, Institute of Southeast Asia Studies: Singapore, hlm. 2

25 Del Tufo, M.V., *Malaya: A Report On The 1947 Census Of Population*, London, 1949, hlm. 81

menanam padi, menoreh getah dan pada setengah-setengah tempat mereka (Siam) memelihara babi. Komuniti Siam juga bercakap dalam bahasa Melayu dialek Kelantan.<sup>26</sup>

Pada awal tahun-tahun 1970-an tanaman tembakau diperluaskan,<sup>27</sup> masyarakat Siam di beberapa buah kampung di Kelantan telah mengalihkan perhatian mereka kepada tanaman tembakau yang lebih menguntungkan itu. Jangkamasa penanamannya adalah kira-kira tiga bulan bermula dari benih disemai sehingga ia dapat dikutip hasilnya. Ada di antara mereka yang meninggalkan tanaman yang kurang menguntungkan seperti padi, sayur-sayuran dan sebagainya. Contohnya di kampung Baalai, daerah Bachok penduduk Siam di situ cuma menumpukan perhatian kepada penanaman tembakau dan tidak lagi menanam padi sebagaimana tradisi mereka sejak dulu lagi. Hasil pendapatan dari penanaman tembakau mereka gunakan untuk beli beras dan keperluan harian lain.

Selaras dengan pembangunan negara, taraf hidup masyarakat ini juga turut bertambah baik. Kegiatan-kegiatan pertanian mereka dijalankan secara moden, tidak lagi menggunakan binatang untuk membajak tanah, tetapi menggunakan jentera. Tambahan pula dengan adanya bantuan serta tunjukajar dari agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian dan juga Lembaga Tembakau Negara (LTN) dapat menambahkan lagi hasil pengeluaran dan pendapatan mereka.

Di samping menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian, ada di antara mereka (terutama golongan muda) yang keluar mencari kerja di bandar-bandar. Golongan ini biasanya terdiri dari anak-anak muda yang tidak sanggup bergelumang dengan lumpur, bekerja di ladang-ladang. Mereka lebih suka mencari kerja yang dianggap senang dan tidak mengotorkan. Kebanyakan dari mereka ini adalah lepasan S.R.P. ataupun S.P.M. dan kerja yang biasa dipilih oleh mereka ialah sebagai 'mekanik' dan juga buruh kasar. Hingga setakat ini tidak sampai 50 orang dari kalangan masyarakat Siam di Kelantan yang bekerja dengan Kerajaan. Ini mungkin disebabkan oleh taraf pelajaran rendah. Di kalangan anak-anak gadis pula, kebanyakan bekerja sebagai tukang jahit dan juga potong rambut. Tidak kurang juga yang bekerja sebagai kerani dan juga pembantu kedai.

Pendek kata, masyarakat Siam seperti juga kaum-kaum atau masyarakat desa yang lain turut mengalami perubahan serta kemajuan yang pesat seiring dengan proses pembangunan negara. Taraf hidup mereka juga bertambah baik berbanding dengan tahun-tahun 1950-an atau 1960-an dulu. Jika dahulu mereka menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi secara sara diri, tetapi kini

26 Robert L. Winzeler, "Ethnic Complexity and Ethnic Relations in An East-Coast Malay Town", *The Southeast Asian Journal Of Social Sciences*, 2, No. 2, 1974

27 Tanaman tembakau diperkenalkan di Kelantan pada tahun 1959, sila lihat Tan Wan Hin, "The Development of the Tobacco Growing Industry In Peninsular Malaysia", *Journal Geographica*, University of Malaya, Vol. 13, 1979, hlm. 2

telah beralih kepada ekonomi yang bercorak secara perdagangan seperti tembakau dengan penggunaan teknik moden yang dapat mempercepatkan lagi hasil pengeluaran mereka. Dengan demikian dapat meningkatkan lagi pendapatan bulanan.

### Latarbelakang Keagamaan

Kesemua orang-orang Siam di Kelantan adalah beragama Buddha, dan kebanyakan dari mereka tergolong ke dalam mazhab Hinayana ataupun dikenali dengan nama mazhab Theravada.

Bagi penganut-penganut agama Buddha, seseorang yang mencapai umur 21 tahun ke atas digalakkan untuk menjadi sami, sekurang-kurangnya untuk satu tempoh masa yang singkat.<sup>28</sup> Seseorang sami atau *bhikku* itu akan disanjung tinggi oleh masyarakat kerana mereka dianggap sudah menunaikan satu tanggungjawab mereka sebagai penganut agama Budhha. Dengan menjadi sami juga, seseorang itu diterima sebagai dewasa dan matang.

Kajian berkaitan dengan agama dan kepercayaan dan juga upacara-upacara ritual yang ada hubungannya dengan *rites de passage*, telah dilakukan oleh Abdul Razak Abdul Latif di Kampung Jambu, Tumpat, Kelantan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Siam di sini masih berpegang teguh kepada kepercayaan-kepercayaan tradisi tersebut.<sup>29</sup>

Institusi keagamaan mereka adalah di *wat*<sup>30</sup> yang dianggap suci dan mulia. Setiap buah kampung Siam di Kelantan ada sebuah atau beberapa buah *wat*, di mana daripada 23 buah kampung Siam di Kelantan cuma dua buah kampung sahaja yang tidak ada *wat* iaitu Kampung Seligi dan Kampung Bukit To' Chit di jajahan Pasir Puteh.

Kebanyakan *wat* ini dilingkungi atau dipagari oleh tembok-tembok batu yang dipanggil 'khampheng'. Di dalamnya terdapat bangunan '*wihan*' iaitu dewan sembahyang bagi orang-orang kebanyakan; bangunan '*bot*' iaitu tempat yang dikhaskan untuk menjalankan upacara-upacara tertentu seperti upacara masuk sami (*bhuad phrak*) dan juga tempat sembahyang bagi para sami (*phrak*). Di samping itu, terdapat juga '*kuud*' (tempat tinggal para sami) dan '*sala*' atau balai (wakaf, dalam bahasa Melayu longhat Kelantan) untuk kegunaan orang ramai sebagai tempat berihat dan berkumpul. Di bangunan-bangunan inilah unsur-unsur kesenian Siam seperti seni bina dan seni ukir begitu menonjol sekali.

28 Biasanya dalam tempoh 3 hari ataupun 7 hari, ini dianggap oleh ahli-ahli antropologi sebagai salah satu dari upacara *rite de passage*.

29 Abdul Razak Abdul Latif, "Agama dan Kebudayaan Komuniti Siam di Kelantan Utara: Satu Kajian Kes di Kampung Jambu, Tumpat, Kelantan", Latrihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosial, UKM, 1982.

30 *Wat* satu kelompok bangunan yang dipagari, lihat W. Blanchard, *Thailand: Its People, Its Society, Its Culture*, (New Haven, Connecticut: HRAF Press, 1970), hlm. III

*Wat* memainkan peranan yang besar bagi masyarakat Siam di Kelantan. Di samping berfungsi sebagai tempat beribadat, ia juga berfungsi sebagai tempat perjumpaan (*meeting place*) dan perhimpunan masyarakat kampung yang sering berkumpul bila ada masa lapang. Di sini juga berlakunya aktiviti-aktiviti sosial seperti perayaan, masyarakat dan sebagainya.

Dengan demikian jelas kepada kita bahawa *wat* tidak dapat dipisahkan dari kehidupan harian masyarakat Siam. Ia merupakan pusat bagi aktiviti-aktiviti keagamaan dan juga keduniaan seperti kata Mohamed Yusoff Ismail;

*Apart from being the centre for religious and social activities of the village, like others in the area, performs an important function which is crucial in the maintenance of ethnic relationship between Siamese in various parts of Kelantan and others who practise Buddhism. It is through the temple that this kind of relationship is expressed, particularly during the temple festivities or the religious occasions.<sup>31</sup>*

## Organisasi Kepimpinan dan Pentadbiran

Kebanyakan kampung Siam di kawasan kajian, selain dari Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan RELA yang mengurus hal ehwal keselamatan dan kemajuan kampung terdapat juga satu jawatankuasa *wat* (*kammakaan wat*) yang menguruskan hal ehwal keagamaan dalam setiap kampung. *Kammakaan wat* ini kebiasaannya bertanggungjawab dalam mengendalikan sebarang perayaan yang dilakukan di dalam *wat* itu, misalnya perayaan perasmian bangunan dalam *wat* (*kuthi*), perayaan kathin, hari wesak dan sebagainya. Jawatankuasa *kammakaan wat* ini dipengerusi oleh ketua *wat* (*phothaan*)<sup>32</sup> dan ahli-ahli adalah mereka yang terpilih dari ahli-ahli *phuak wat*.<sup>33</sup>

*Kammakaan wat* ini juga bertanggungjawab dalam memastikan bahawa setiap hari ada beberapa buah rumah dalam kampung menguruskan makanan sami-sami dan ketua sami. Biasanya urusan masak memasak makanan ke *wat* dilakukan secara bekerjasama dan bergilir-gilir iaitu melibatkan di antara 4 hingga 7 keluarga setiap hari.

Selain dari orang Siam, keahlian orang Cina dalam *phuak wat* dan *kammakaan wat* juga penting, kerana masyarakat Cina selalu menjadi

31. Mohamed Yusoff Ismail, "The Siamese of Aril: A Study of An Ethnic Minority Village," Monograph No. 3, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM, 1980, hlm. 7.

32. Ketua Sami – merupakan seorang sami yang dilantik untuk menduduki sesbuah *wat*, perlantikan beliau bukanlah secara sewenang-wenangnya tetapi berdasarkan kekanan dan ilmu pengetahuan berkaitan dengan agama Buddha.

33. *Phuak wat* merujuk kepada mereka yang menjadi ahli kepada *wat* dan bersedia memberi bantuan yang diperlukan oleh *wat*. Sila lihat Bunnag, J., *Buddhist Monk, Buddhist Layman*, Cambridge Studies in Social Anthropology No. 6, Cambridge University Press, 1973, hlm. 65, 81, 82, 100, 106.

penderma (terutamanya dari segi material) yang penting dalam sebarang aktiviti *wat* tersebut, jika dibandingkan dengan masyarakat Siam sendiri.<sup>34</sup>

Lazimnya, tiap-tiap kampung mempunyai seorang ketua kampung (*puyaibaan*) tradisi,<sup>35</sup> kecuali Kampung Terbak sahaja yang mempunyai penghulu Siam yang dilantik oleh pihak kerajaan. Ketua-ketua kampung ini sebagai tempat rujukan sama ada ketika ada krisis atau konflik atau sebarang masalah yang tidak dapat diselesaikan tanpa campurtangan pihak ketiga.

Kuasa ketua kampung tradisi tidaklah mutlak jika dibandingkan dengan kuasa ketua sami. Dalam hal ini ketua sami sering menjadi tempat rujukan penduduk kampung walaupun kampung itu mempunyai JKKK atau RELA. Malahan, ada ketikanya masalah yang diajukan kepada JKKK atau RELA oleh penduduk kampung dirujuk pula kepada ketua sami dan biasanya ketua *wat* itu akan memberi keputusan. Keputusan itu selalunya muktamad dan tiada bantahan melainkan secara tidak langsung atau tidak terang-terangan. Dengan lain perkataan, Ketua Sami merupakan pusat rujukan bagi penduduk-penduduk kampung dalam sebarang hal yang berkaitan dengan kehidupan dunia dan keagamaan.

## Rujukan

- Abdul Razak Abdul Latif : Agama dan Kebudayaan Komuniti Siam di Kelantan Utara: Satu Kajian Kes di Kampung Jambu, Tumpat, Kelantan.  
Latihan Ilmiah, Jabatan Anthropologi dan Sosial, UKM, Bangi, 1982.
- Archaimbault, C : A Preliminary Investigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis  
(dalam Journal, Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, Vol. 41, Pt. 1, 1975).
- Bunnag, J : Buddhist Monk, Buddhist Layman  
Cambridge Studies in Social Anthropology, No. 6, Cambridge University Press, Cambridge, 1973.
- Campbell, P C : Chinese Coolie Emigration to Countries within the British Empire  
Negro University Press, New York, 1969.

34 Mohamed Yusoff Ismail, *The Siamese of Aril: A Study of An Ethnic Minority Village*, Monograf 3, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kehangsaan Malaysia, 1980, hlm. 13

35 Ketua Kampung (*puyaibaan*) tradisi ini ialah pemimpin semulajadi dalam sebuah kampung itu tanpa dilantik oleh pihak berkuasa (kerajaan), ia diterima oleh penduduk kampung itu sebagai tempat mengadu sebarang masalah terutamanya sebagai penghubung dan penyuarai masalah antara penduduk kampung dengan pihak kerajaan. Biasanya ketua kampung tradisi atau semulajadi ini adalah terdiri dari mereka yang ada bakat kepimpinan, bertanggungjawab dan luas pengaulannya dengan masyarakat luar.

- Coedes, G : The Indianised States of Southeast Asia  
University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.
- Collingwood, R.G. : The Principle of Art  
Oxford University Press, London, 1974.
- Del Tufo, M V : Population Census Report No 41 State of Kedah  
London, 1957.
- Golomb, L : Broker of Morality: Thai Ethnic Adaptation In  
A Rural Malaysian Setting  
University of Hawaii, Hawaii, 1978.
- 
- M Nordin Sopiee : Laporan Banci Penduduk 1980  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1981.
- 
- Menteri Abdullah : Banci Pendudukan Perumahan Malaysia 1970  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972.
- Mohd Yusoff Ismail : The South Siam Cessation Movement and the  
Battle for Unification with Malaya  
Singapore Free Press, Singapore, 1984.
- Mohd Yusoff Ismail : 'Penyertaan dan Pimpinan Politik Komuniti  
Siam di Perlis: Satu Kajian Kes Kampung Guar  
Musang dan Kampung Jejawi, Perlis'  
Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan  
Anthropologi dan Sosiologi, UKM, Bangi, 1978.
- 
- Mohd Yusuf Ibrahim : The Siamese of Aril: A Study of An Ethnic  
Minority Village  
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,  
UKM, Bangi, 1980.
- Nathan, J E : The Siamese Village of Aril: A Study of An  
Ethnic Minority Settlement  
(MA Thesis, Department of Anthropology and  
Sociology, Monash University, Australia, 1977).
- Rahmat Soripan : Pengertian Sejarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur,  
1971.
- Rahmat Soripan : The Census of British Malaya, 1921  
London, 1922.
- Rahmat Soripan : Perkembangan Politik Melayu Tradisional  
Kelantan 1776–1842  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur,  
1979.

- Read, H : The Meaning of Art  
Penguin Book, 1959.
- Saripin, S : Sejarah Kesenian Indonesia  
Negara Paradnya Paramita, Djakarta, 1960.
- Sidi Gazalba : Pandangan Islam Tentang Kesenian  
(Latihan Islamiah, UKM, Bangi, 1983).
- 
- Tan Wan Hin : Masjid: Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam  
Pustaka Antara, 1962.
- 
- Thomas, M L : Ensiklopedia Umum  
Terbitan Yayasan Kanisius, Jakarta, 1973.
- Tan Wan Hin : The development of the Tobacco Growing  
Industry in Peninsular Malaysia  
Journal Geographic, Vol. 13, 1979, University  
of Malaya, Kuala Lumpur, 1979.
- Thomas, M L : Political Violence in the Muslim Provinces of  
Southern Thailand,  
Occasional Paper No. 28  
April 1975  
Institute of Southeast Asia Studies, Singapore,  
1975.
- Vlieland, C A : A Report on the Census  
London, 1932.
- Wheatley, P : The Golden Khersonese,  
University of Malaya Press, Kuala Lumpur,  
1966.
- Winzeler, R L : Ethnic Complexity and Ethnic Relations in an  
East Coast Malay Town  
The Southeast Asian Journal of Social  
Sciences, Vol. 2, No. 2, 1974.

# *Kelantan: Pilihanraya 1955 Sehingga Kemerdekaan 1957\**

ZULKIFLI MOHD NOOR

## **Kearah Pilihanraya 1955**

Pada tanggal 27 Julai 1955, Tanah Melayu telah mengadakan Pilihanraya Umum yang pertama, walaupun pilihanraya itu bukannya untuk memilih ahli di semua Majlis Perundangan. Rancangan ini telah ditimbulkan oleh Perhimpunan Agung UMNO pada bulan April, 1953.<sup>1</sup> Perhimpunan Agung UMNO itu juga telah mengambil keputusan untuk mengadakan pilihanraya itu lebih awal iaitu pada tahun 1954. Perhimpunan Agung UMNO ini juga telah membayangkan untuk memubuhkan satu majlis yang mengandungi tujuh puluh lima orang anggota, tiga puluh satu darinya dilantik dan empat puluh empat anggota lagi adalah dipilih.<sup>2</sup>

UMNO telah mengugut jika sekiranya pihak British menolak cadangan itu, ahli-ahli UMNO dan MCA (Malayan Chinese Association)<sup>3</sup> yang telah dilantik dalam Majlis Perundangan Persekutuan akan meletakkan jawatan.

Bagi menghadapi Pilihanraya Umum yang julung-julung kali

\* Rencana ini asalnya ialah Bab 4 kepada Latihan Ilmuah berjudul "Sejarah Pergerakan Politik Orang-Melayu Kelantan Antara Tahun-tahun 1945 hingga 1957 (selain dari PAS)" oleh Zulkifli bin Mohd Noor yang telah dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Sesi Tahun 1980/81. Telah disesuaikan untuk Surat ini oleh Penyelenggara Warisan Kelantan.

<sup>1</sup> Zainal Abidin bin Abdul Wahid, "Menculnya Parti-parti Politik-II", dalam Zainal Abidin bin Abdul Wahid (ed) "Sejarah Malaysia Sepintas Lalu", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 165

<sup>2</sup> *Ibid*.

diadakan ini, UMNO telah mencari jalan untuk bersatu dengan pertubuhan-pertubuhan politik daripada kaum-kaum asing, iaitu MCA (mulai daripada pilihanraya Municipal Kuala Lumpur pada Disember, 1951) dan dengan MIC (Malayan Indian Congress)<sup>4</sup> yang bermula pada tahun 1955.<sup>5</sup>

Pada awal tahun 1955, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan bahawa Pilihanraya Umum akan diadakan pada 27 Julai 1955. Untuk tujuan ini satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menyiasat dan seterusnya membuat pengesyoran dan cadangan-cadangan bagi pilihanraya itu. Jawatankuasa ini mengandungi empat puluh enam orang anggota yang kemudiannya telah membentuk satu jemaah kerja yang terdiri daripada dua puluh orang.<sup>6</sup>

Laporan Jawatankuasa Pilihanraya Umum itu telah dikeluarkan dalam bulan Februari 1954 dengan pendapat-pendapat daripada golongan terbanyak dan terkecil.<sup>7</sup> Laporan terbanyak nampaknya dipersetujui oleh anggota-anggota Persidangan Negara Tanah Melayu. Mereka telah pun mencadangkan satu Majlis yang mengandungi sembilan puluh dua orang anggota, empat puluh daripadanya dipilih. Mereka mencadangkan bahawa Majlis itu mestilah mengandungi:

1. Seorang Speaker;
2. Tiga orang yang dilantik kerana jawatan;
3. Sebelas orang wakil-wakil Negeri Tanah Melayu dan Negeri Selat;
4. Dua puluh orang yang dilantik bagi mewakili kepentingan-kepentingan tertentu;
5. Tiga orang yang dilantik bagi mewakili golongan minoriti;
6. Dua orang ahli rasmi yang dilantik iaitu Setiausaha Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan;
7. Lapan orang tambahan yang dilantik oleh Persuruhjaya Tinggi;
8. Empat puluh empat orang yang dipilih oleh orang ramai dalam pilihanraya.<sup>8</sup>

Manakala penyata daripada golongan terkecil pula merupakan tuntutan-tuntutan daripada Perikatan dan Parti Buruh dengan disokong oleh

3 Selanjutnya penulis akan menggunakan nama MCA sahaja.

4 Selanjutnya penulis akan menggunakan nama MIC sahaja.

5 UMNO Malaysia, *UMNO 10 Tahun: 1945–1956*, hlm. 89–124.

6 Zainal Abidin bin Abdul Wahid, *op.cit.*, hlm. 167.

7 Golongan terbanyak yang dimaksudkan anggota-anggota parti Negara dan pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu. Manakala golongan terkecil pula adalah terdiri daripada anggota-anggota parti Perikatan dan parti Buruh. *Ibid.*, hlm. 167.

8 *UMNO 10 Tahun*, hlm. 101.

dua orang Menteri Besar iaitu Menteri Besar Terengganu dan Menteri Besar Pahang. Mereka menghendaki satu Majlis Perundangan yang mengandungi seratus orang anggota dengan enam puluh anggota dipilih. Mereka mencadangkan Majlis itu mestilah mengandungi:

1. Seorang Speaker;
2. Tiga orang ahli yang dilantik kerana jawatan;
3. Sebelas orang wakil daripada Negeri-negeri Melayu dan Negeri Selat;
4. Dua puluh orang yang dilantik bagi mewakili kepentingan-kepentingan yang tertentu;
5. Tiga orang yang dilantik bagi mewakili golongan minoriti;
6. Dua orang ahli rasmi yang dilantik iaitu Setiausaha Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan;
7. Empat puluh orang yang dipilih oleh ramai dalam pilihanraya.<sup>9</sup>

Mereka juga mencadangkan supaya pengundi-pengundi hendaklah terdiri daripada rakyat Persekutuan serta mengundi tidaklah akan diwajibkan.<sup>10</sup>

Justru kerana terdapat beberapa cadangan yang bertentangan dengan kehendak-kehendak rakyat Tanah Melayu (yang diwakili oleh UMNO dan MCA) dan British pula enggan menerima tuntutan-tuntutan dari Perikatan itu, maka telah tercetus rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli UMNO Malaya. Lantaran itu UMNO Malaya telah mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan melalui bahagian masing-masing.

Orang Melayu Kelantan yang menganggotai UMNO nampaknya tidak ketinggalan dalam menyertai tunjuk-tunjuk perasaan tersebut. Pada 10 Julai, 1954 bertempat di Kota Bharu, rakyat Kelantan dengan dipelupuri oleh UMNO telah mengadakan perhimpunan dan perarakaran raksasa menuntut supaya penjajah British mengadakan pilihanraya seratus peratus di Tanah Melayu. Meskipun tunjuk perasaan itu kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya (kerana penekanan oleh pihak penjajah dan tidak begitu mendapat sokongan dari kakitangan kerajaan), tetapi apa yang lebih ketara peristiwa itu telah menaikkan semangat orang-orang Melayu Kelantan untuk mencapai kemerdekaan.<sup>11</sup>

Bantahan-bantahan dari pihak Perikatan (UMNO dan MCA) itu tidak sahaja setakat mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan, tetapi tuntutan-tuntutan rakyat Tanah Melayu itu telah dibawa ke London oleh perwakilan

9. *Ibid.*

10. Zainal Abidin bin Abdul Wahid, *op.cit.*, hlm. 167

11. Temutanya penulis dengan Haji Mohamad bin Haji Ali pada 18 Oktober 1980. Juga lihat *Pelupur*, jilid 2, bil. 7, Julai 1968.

Perikatan,<sup>12</sup> untuk menemui Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan. Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan, Oliver Lyttleton enggan menemui mereka. Walau bagaimanapun melalui jasa baik seorang bekas pegawai British di Tanah Melayu, mereka telah dapat menemui Setiausaha tersebut. Namun demikian hasilnya masih tidak memuaskan dan dasar kelebihan suara sebanyak tiga perlima telah ditolak.<sup>13</sup>

Disebabkan terdapatnya beberapa permintaan<sup>14</sup> yang dimajukan oleh Perikatan tidak mendapat pertimbangan yang sewajarnya, maka Perikatan telah mengambil beberapa ketetapan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung yang telah diadakan pada 13 Jun 1954. Antara ketetapan itu ialah:

Ahli-ahli Perikatan yang telah dilantik sebagai ahli-ahli tidak rasmi oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Straits Settlement, kepada Majlis Kerja Persekutuan, Majlis Mesyuarat Negeri, Majlis Municipal, Bandaran, Town Board akan meletak jawatannya daripada majlis-majlis tersebut dan ahli-ahli yang dipilih ke dalam majlis-majlis tersebut akan memulaukan persidangan majlis-majlis itu.<sup>15</sup>

Selepas pemulauan itu, Perikatan telah menghantar utusan untuk merayu kerjasama dari raja-raja Melayu. Tekanan-tekanan ke atas British bertambah meningkat. Akhirnya pihak British telah menawarkan sebagai tambahan, iaitu selain daripada lima puluh dua kerusi yang dipilih dalam Dewan yang ada mengandungi sembilan puluh lapan anggota itu, British bersedia memberi kemudahan kepada parti yang mendapat kemenangan dengan jumlah undi majoriti di dalam Majlis Mesyuarat Undangan untuk melantik lima daripada tujuh anggota yang dilantik yang dikhaskan bagi Pesuruhjaya Tinggi British.<sup>16</sup> Perikatan setelah diadakan perundingan dan perbincangan dalam parti telah bersetuju menerima tawaran itu dengan syarat semua wakil rakyat Perikatan itu diletakkan semula dalam majlis-majlis mesyuarat masing-masing dan satu Suruhanjaya Perlembagaan bebas hendaklah

12 *UMNO 10 Tahun*, hlm. 107.

13 Zainal Abidin bin Abd Wahid: *op.cit.*, hlm. 167–168.

14 Permintaan-permintaan Perikatan itu antara lain, ialah

- i. Pegawai-pegawai kerajaan mestilah jangan dilarang menjadi calon dalam pilihanraya federal.
- ii. Cara mengundi berdasarkan suara yang terbanyak dijalankan dalam semua kawasan sama ada yang menghantar seorang wakil atau lebih dari seorang wakil kepada Majlis Mesyuarat Undangan.
- iii. Selain daripada rakyat Persekutuan dan rakyat raja-raja Melayu beberapa orang lagi mestilah diberikan hak mengundi.
- iv. Membolehkan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan yang dilantik memegang jawatan Menteri.
- v. Pilihanraya Federal hendaklah dijadakan tidak lewat dari bulan November, 1954.
- vi. Tiga perlima daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan hendaklah terdiri dari ahli-ahli yang dipilih.

Lihat *UMNO 10 Tahun*, hlm. 111.

15 *Ibid.*, hlm. 113.

16 Zainal Abidin bin Abd Wahid, *op.cit.*, hlm. 168.

dibentuk.<sup>17</sup> Mereka juga nampaknya bersetuju untuk mengadakan pilihanraya Persekutuan pada 27 Julai 1955.

## Parti-parti Yang Bertanding

### Pembahagian Calon Mengikut Parti

Di Kelantan terdapat tiga buah parti politik yang turut bertanding dalam pilihanraya ‘federal’ dan negeri. Parti-parti politik itu ialah UMNO (Perikatan), Parti Negara dan Pas. Parti-parti politik yang lain seperti Parti Rakyat dan Parti Buruh tidak mendapat tempat di Kelantan pada masa itu. Parti Buruh sehingga tahun 1964 masih belum mempunyai cabang-cabangnya di Kelantan.<sup>18</sup> Sama juga halnya dengan Negeri Kedah, Perlis dan Terengganu. Di Kelantan yang mempunyai penduduk terdiri dari majoriti berbangsa Melayu sudah tentu sukar bagi mereka untuk menerima dan seterusnya menyertai parti itu. Begitu juga halnya dengan Parti Rakyat, sehingga bulan November 1963, di Kelantan hanya terdapat ahli seramai 626 hingga 875 ahli.<sup>19</sup> Parti-parti politik seperti Parti Rakyat dan Parti Buruh sukar untuk mendapat pengaruh di negeri-negeri yang penduduknya rata-rata terdiri dari bangsa Melayu. Ini disebabkan oleh orang-orang Melayu di Pantai Timur tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan orang-orang bukan Melayu di Pantai Barat,<sup>20</sup> disertai pula dengan ideologi parti-parti tersebut dipandang bertentangan dengan Agama Islam.

Dalam pilihanraya tersebut persaingan hebat nampaknya berlaku di antara UMNO (Perikatan) dan Parti Negara. Walaupun Parti Pas turut bertanding di beberapa kawasan di Kelantan persaingannya tidaklah begitu hebat. Ini disebabkan PAS baharu sahaja wujud di Kelantan dan masih belum kuat pertapak di kalangan rakyat Kelantan.

Dalam pembahagian calon-calon oleh parti-parti yang bertanding, UMNO (Perikatan) telah meletakkan kesemua calonnya untuk bertanding merebut kerusi sama ada di peringkat Persekutuan atau pun di peringkat negeri. UMNO telah menempatkan kesemua calonnya untuk bertanding di peringkat Persekutuan dan di peringkat negeri, MCA diberi peluang untuk meletakkan calonnya hanya di kawasan Kota Bharu Selatan.<sup>21</sup> Manakala MIC (Perikatan) tidak mendapat seorangpun calonnya bertanding di dalam

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> R.K. Vasil, *Politics In A Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 163

<sup>19</sup> *Ibid.*, hml. 181.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hml. 182.

<sup>21</sup> Malaya Merdeka, 25 Ogos 1955, hml. 5

pilihanraya tersebut. Faktor kenapa calon-calon MCA dan MIC tidak diberi perhatian oleh Perikatan untuk sama-sama bertanding dalam pilihanraya di Negeri Kelantan adalah lantaran negeri tersebut amat kurang didiami oleh bangsa asing seperti Cina dan India. Negeri Kelantan adalah negeri yang betul-betul Melayu dengan sembilan puluh tiga peratus penduduknya adalah orang-orang Melayu. Jadi, berdasarkan kepada faktor tersebut, adalah wajar bagi Perikatan meletakkan ramai calon-calon UMNO yang bertanding.

Parti Negara telah meletakkan empat orang calon untuk bertanding merebut kawasan pilihanraya ‘federal’ dan seorang calon bagi kawasan pilihanraya negeri. PAS pula bertanding di tiga kawasan federal dan tiga di kawasan negeri. Manakala calon-calon bebas yang turut bertanding telah meletakkan tiga orang calon di kawasan federal dan enam calon di kawasan negeri. Jumlah keseluruhan calon-calon yang bertanding untuk kawasan ‘federal’ ialah enam belas orang bagi menduduki lima kerusi di Majlis Perundangan dan dua puluh enam calon bertanding bagi menduduki enam belas kerusi di Majlis Mesyuarat Negeri. Jadual berikut dapat menunjukkan kedudukan calon-calon yang bertanding mengikut parti:

**Jadual I**

**Pilihanraya Majlis Perundangan ‘Federal’ dan Negeri 1955:  
Pembahagian Calon Mengikut Parti Bagi Negeri Kelantan.<sup>22</sup>**

Parti	Calon		
	Federal	Negeri	Jumlah
UMNO	5	15	20
MCA Perikatan	—	1	1
MIC	—	—	—
PAS	3	3	6
Parti Negara	4	1	5
Calon Bebas	3	6	9
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>	<b>26</b>	<b>41</b>

22 Dipetik dari T E. Smith, *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Government Press, Kuala Lumpur, 1955, hlm. 75/6. Juga lihat *Malaya Merdeka* 25 Ogos 1955, hlm. 5 dan *Malaya Merdeka* 29 September 1955.

## Pecahan Parti Mengikut Kawasan

Parti-parti politik yang telah meletakkan calon-calonnya di kawasan-kawasan pilihanraya ‘federal’ ataupun negeri mengambil pertimbangan tentang di kawasan manakah pengaruh partinya kuat. UMNO sebuah parti politik yang lebih awal ditubuhkan itu telah mempunyai bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan di seluruh pelusuk Negeri Kelantan. Lantaran itu UMNO telah meletakkan semua calon-calonnya untuk bertanding di semua kawasan kecuali di kawasan pilihanraya negeri iaitu Kota Bharu Selatan yang diberikan kepada MCA.

PAS telah membuka cawangannya yang pertama di Kelantan iaitu di Pasir Mas dalam tahun 1953,<sup>23</sup> yang kemudiannya merupakan kubu kuat PAS bagi seluruh Negeri Kelantan. Sehingga tahun 1959, cawangan PAS di Kelantan berjumlah enam buah dengan dua puluh buah ranting.<sup>24</sup> Justru kerana Pasir Mas merupakan kubu PAS, calon-calonnya telah ditumpukan ke kawasan itu. Namun begitu PAS juga tidak ketinggalan untuk meletakkan calonnya di kawasan Kelantan Selatan dan Kelantan Timur yang memang terkenal dengan pengaruh agama Islam. Di kawasan ini banyak terdiri sekolah-sekolah pondok yang dipimpin oleh Tok Guru-Tok Guru dan Lebai-lebai. PAS pada peringkat permulaannya agak sukar untuk menubuhkan cawangan-cawangan kerana sukar untuk mendapatkan ahli. Ini disebabkan PAS baharu sahaja muncul dan belum begitu popular di kalangan rakyat Kelantan. Tambahan pula UMNO lebih dikenali oleh rakyat secara mendalam dan sudah dapat memenangi hati rakyat Kelantan pada waktu itu.<sup>25</sup>

Parti Negara yang ditubuhkan pada bulan Mac, 1954 telah berjaya menubuhkan tiga puluh lima buah cabang di Negeri Kelantan dan berpengaruh di kawasan Kota Bharu, Badang, Tumpat dan Machang.<sup>26</sup> Kekuatan Parti Negara ini adalah disebabkan adanya sokongan yang kuat dari pegawai-pegawai kerajaan pada waktu itu. Beberapa tekanan dan ugutan dikenakan keatas pegawai dan kakitangan kerajaan yang enggan menyokong Parti Negara. Ini disebabkan Parti Negara bersikap pro-penjajah.

## Kempen-kempen di dalam Pilihanraya

Bagi menghadapi pilihanraya ‘federal’ dan negeri, tiap-tiap buah parti politik yang turut bertanding telah mengeluarkan manifesto parti masing-masing. Manifesto inilah yang akan menjadi dasar perjuangan partinya dan digunakan dalam setiap kempen pilihanraya.

<sup>23</sup> Paridah bte Ali, *Sejarah Awal Perkembangan Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS) di Kelantan 1953–1959* (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, K.L. 1974), hlm. 41

<sup>24</sup> *Ibid*.

<sup>25</sup> *Ibid*, hlm. 52

<sup>26</sup> R.K. Vasil, *op.cit.*, hlm. 84. Juga lihat *Malaya Merdeka* 21 Julai 1955.

Parti Perikatan yang telah meletakkan calonnya untuk bertanding di semua kawasan pilihanraya baik ‘federal’ maupun negeri, telah mengeluarkan satu manifesto parti yang agak panjang. Manifesto Perikatan ini juga menjadi dasar perjuangan parti-parti politik yang bergabung di dalamnya iaitu UMNO, MCA dan MIC.

Isu yang paling hangat pada masa itu ialah soal kemerdekaan. Perikatan telah berjanji dan berikrar kepada rakyat bahawa dalam masa empat tahun sahaja kemerdekaan akan dapat dicapai dan perlombagaan akan dibentuk. Kemerdekaan yang dimaksudkan itu akan tercapai dengan syarat pengundi-pengundi memilih calon-calon Perikatan untuk menduduki kesemua lima puluh dua kerusi dalam Majlis Mesyuarat Undangan ‘Federal’ yang akan dibentuk selepas pilihanraya federal dijalankan.<sup>27</sup>

Menyentuh soal perlombagaan pula, Perikatan berjanji akan berusaha untuk mengekalkan dan memelihara kedudukan raja-raja Melayu sebagai ketua-ketua berperlombagaan dalam negeri masing-masing.<sup>28</sup> Perikatan juga akan menjamin kedudukan dan hak istimewa orang-orang Melayu dengan jalan tidak mengeneplikan cita-cita dan kepentingan orang-orang bukan Melayu. Perikatan juga hendak mengkaji soal ‘imigresen’ dengan tujuan untuk melindungi kedudukan orang-orang Melayu dan rakyat negeri ini.

Menyentuh soal pelajaran pula, Perikatan merancang untuk menubuhkan satu jenis sekolah kebangsaan yang akan diterima oleh rakyat Tanah Melayu dan dapat menggalakkan perkembangan ekonomi, sosial dan politik rakyat di negeri ini. Seterusnya akan berusaha untuk menciptakan suatu bangsa yang memakai bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.<sup>29</sup> Perikatan juga berjanji akan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan negeri ini dalam tempuh sepuluh tahun.

Dalam manifestonya, Perikatan juga akan berusaha untuk menghapuskan penganas komunis seberapa segera dan akan menawarkan kepada komunis pengampunan beramai-ramai sekiranya mereka ingin kembali ke dalam masyarakat. Jika sekiranya tindakan itu tidak berjaya, Perikatan akan mengumpulkan segala kekuatan dan akan meminta bantuan dari luar (khasnya British dan Amerika Syarikat) bagi memperhebatkan perang melawan penganas-penganas itu.<sup>30</sup>

Disamping itu juga, Perikatan merancang bersungguh-sungguh untuk menjadikan Perkhidmatan Awam bercorak ‘Malayan’ dalam tempoh pertama pemerintahannya. Bagi mencapai tujuan itu Perikatan bercadang untuk mengeneplikan pegawai-pegawai dagang dan digantikan dengan

27 Lihat *Manifesto Pilihanraya Federal Perikatan UMNO, MCA, MIC 1955*, dalam Samaden bin Basri, ‘Pergerakan UMNO Bahagian Muar 1946–1969’, (*Latahan Ilmiah Sarjana Muda Sasiera, U.K.M.*, Kuala Lumpur, 1974), hlm. 145.

28 *Ibid.*

29 *Ibid.*, hlm. 152.

30 *Ibid.*, hlm. 153.

pegawai-pegawai Tanah Melayu. Pengambilan pegawai-pegawai dagang tidak dibenarkan melainkan setelah mendapat persetujuan daripada Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>31</sup> Berdasarkan kepada manifesto yang dikeluarkan, Perikatan akan menitikberatkan soal-soal buruh, pertanian, perikanan, perumahan, tanah, perubatan, kebajikan masyarakat dan sebagainya.

Parti Negara yang turut bertanding dalam pilihanraya pertama itu tidak ketinggalan dalam mengemukakan dasar perjuangan partinya di setiap kempen-kempen pilihanraya. Parti Negara bercita-cita untuk membentuk sebuah negara demokrasi dan mengikut lunas-lunas keadilan. Agama Islam akan dijadikan agama rasmi negara dan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang tunggal di Tanah Melayu. Parti Negara juga bercadang untuk membentuk perpaduan nasional dan menjadikan satu rupa bangsa iaitu "Melayu" dengan kerakyatan yang satu bagi seluruh Tanah Melayu. Dasar perjuangannya juga tidak terlepas dari memajukan rakyat dari segi siasah, sosial dan ekonomi.<sup>32</sup>

Dalam manifesto pilihanraya yang seterusnya, Parti Negara menyatakan hasratnya untuk memelihara kedudukan raja-raja Melayu dan mengekalkan kedaulatan mereka di negeri masing-masing.<sup>33</sup> Dalam soal kemerdekaan pula, parti tersebut ingin mencapai kemerdekaan dalam tempoh sepuluh tahun, iaitu lima tahun lewat dari kehendak dan cita-cita parti Perikatan.<sup>34</sup>

Bagi menghadapi pilihanraya 'federal' di Negeri Kelantan pada 27 Julai 1955, parti-parti Perikatan (khasnya UMNO) dan Parti Negara amat kuat menjalankan kempen-kempen pilihanraya. Meskipun PAS juga turut sama bertanding dalam pilihanraya itu, parti itu bukanlah wujud sebagai tenaga oposisi yang kuat. Ini disebabkan PAS belum lagi dikenali oleh masyarakat Kelantan. Pada masa itu PAS hanya bertapak di kawasan Pasir Mas di bawah pimpinan Encik Amaluddin Darus.<sup>35</sup> Oleh yang demikian, persaingan yang hebat hanya berlaku antara UMNO dan Parti Negara.

UMNO dalam stratejinya untuk memancing undi telah membentuk sebuah jabatan yang diberi nama "Perkhidmatan Wayang Gambar dan Penerangan UMNO Kelantan" yang mula menjalankan tugasnya sejak Disember 1954.<sup>36</sup> Jabatan ini ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa Tadbir yang dilantik oleh Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Kelantan dan keanggotaannya seperti berikut:

31 *Ibid.*, hlm. 146–147

32 Untuk keterangan lanjut sila lihat dasar perjuangan Parti Negara yang telah dibincangkan dalam Bab III, dalam "Sejarah Pergerakan Politik Orang-Orang Melayu Kelantan Antara Tahun-Tahun 1945 Hingga 1957 (Selain dari PAS)", oleh Zulkifli bin Mohd Noor, Latihan Ilmiah untuk ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian dalam bidang sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Sesi 1980/81

33 R.K. Vasil, *op.cit.*, hlm. 83

34 K.J. Ratnam, *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, terjemahan Kassim Ahmad, Penerbitan Univ. Malaya, K. Lumpur, 1969, hlm. 226.

35 Temutanya penulis dengan Encik Khairil Khatib, *op.cit.*

36 *Fais UMNO KN AM 1/54*, Arkib Negara Malaysia

1. Penguasa Umum
2. Penguasa Bahagian Penerangan
3. Penguasa Bahagian Teknikal
4. Setiausaha
5. Bendahari dan
6. Seorang wakil dari tiap-tiap bahagian.<sup>37</sup>

Jabatan ini telah dipengerusikan oleh Encik Abdul Majid bin Haji Tahir dan Setiausaha ialah Encik Hamzah bin Ghani. Jabatan ini bertujuan untuk menyibarkan penerangan dan daayah UMNO dengan seluas-luasnya ke seluruh Negeri Kelantan dengan cara mengadakan pertunjukan wayang gambar bergerak disamping memberi penerangan.<sup>38</sup>

Isu yang sangat dititikberatkan oleh UMNO Negeri Kelantan dalam menghadapi pilihanraya ialah berpusat kepada seruan untuk mencapai kemerdekaan. Pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Kelantan telah menjelajah ke seluruh negeri untuk memberi penerangan dan menjalankan kempen-kempen. Bagi menghadapi persaingan dengan Parti Negara, UMNO telah menuduh parti itu sebagai ‘boneka’ Inggeris yang mahu memperlambatkan kemerdekaan, iaitu dalam tempoh sepuluh tahun, sedangkan Perikatan ingin merdeka dalam tempoh empat tahun sahaja.<sup>39</sup>

UMNO nampaknya lebih tertumpu di kawasan luar bandar dalam menjalankan kempen-kempen dan penerangan. Tambahan pula UMNO berpendapat lebih senang memancing undi di kalangan penduduk-penduduk itu lantaran kebanyakannya mereka itu buta huruf dan senang dipengaruhi. Lebih-lebih lagi Parti Negara mempunyai kedudukan yang agak kuat di kawasan bandar iaitu tempat kediaman pegawai-pegawai kerajaan.<sup>40</sup>

UMNO nampaknya tidak begitu sukar dalam mendapatkan pengaruh kerana dasar perjuangannya yang menentang penjajah. Rakyat Kelantan pada waktu itu kebanyakannya bersikap menentang penjajah kecuali sebilangan kecil pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Disepanjang kempen-kempen pilihanraya dijalankan, rapat-rapat umum juga tidak ketinggalan diadakan oleh UMNO Negeri Kelantan. Padang Merdeka telah menjadi pusat kepada rapat-rapat umum itu. Pemimpin-pemimpin UMNO tempatan dan pusat seringkali memberi ucapan dan penerangan dalam setiap rapat-rapat umum yang diadakan itu.<sup>41</sup>

Sungguhpun demikian, UMNO Negeri Kelantan telah mendapat

37 *Ibid.*

38 *Ibid.*

39 K.J Ratnam, *op.cit.*, hlm: 226-227.

40 Hasil temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 30 Oktober 1980 di Pejabat Pelajaran Kefantau, Kota Bharu.

41 Umpamanya Encik Sardon Zubir (Tan Sri), Ketua Perikatan Pemuda UMNO Malaya pernah membuat ucapan di rumah Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kefantau (hadapan Pidang Merdeka) pada awal tahun 1954 yang dianjurkan oleh Perikatan Pemuda UMNO Kelantan.

tekanan-tekanan tertentu dari pihak pemerintah semasa menjalankan kempen-kempen pilihanraya. Sebagai contoh, bagi kakitangan kerajaan yang ingin berkempen atas tiket UMNO dilarang keras melainkan mendapat kebenaran bertulis dari pihak kerajaan. Sehingga pilihanraya dijalankan, hanya dua surat kebenaran untuk berkempen dikeluarkan kepada pemimpin UMNO yang bertugas sebagai kakitangan kerajaan. Salah satu daripadanya telah dikeluarkan kepada Encik Hamzah bin Ghani yang bertugas sebagai seorang kerani pada waktu itu juga memegang jawatan sebagai Setiausaha UMNO Negeri Kelantan.<sup>42</sup>

Masalah kewangan juga telah dihadapi oleh UMNO Negeri Kelantan. Pada waktu itu UMNO Negeri Kelantan tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Bantuan berupa kewangan dari UMNO Malaya tidak ada. Sumber kewangannya hanyalah bergantung kepada yuran-yuran ahli, derma-derma dan juga hasil daripada pertunjukan-pertunjukan pentas.<sup>43</sup> Pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Kelantan yang bertugas menghadapi pilihanraya itu tidak mendapat sebarang elauan, malah duit sendiri yang terpaksa dikeluarkan. Namun begitu, mereka tetap meneruskan perjuangan mereka dengan penuh semangat. Perjuangan yang mereka maksudkan itu ialah untuk menghalau penjajah dan mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu secepat mungkin.<sup>44</sup>

Parti negara ditinjau dari segi dasarnya tidaklah bercorak perkauman, tetapi cara ia memberi penerangan dan berkempen jelas menunjukkan bahawa parti itu tidak mengeneplikan kepentingan bangsa Melayu. Pemimpin Parti Negara, Dato' Onn Jaafar melalui radio Malaya pada 5 Julai 1955 ada menegaskan:

Partinya tidak akan menerima "penggunaan pelbagai bahasa"; Bahasa Melayu haruslah menjadi satu-satunya Bahasa Kebangsaan dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi yang kedua.<sup>45</sup>

Beliau seterusnya mencadangkan bahawa, untuk menghadapi kadar kelahiran bangsa Cina dan India yang bertambah itu, maka perlulah diadakan satu sistem imigrasi yang mendorong kemasukan bangsa-bangsa Indonesia ke Tanah Melayu. Melalui cara ini sahaja dapat menambahkan jumlah orang-orang Melayu yang seterusnya akan melebihi bilangan orang-orang Cina.<sup>46</sup>

Parti Negara disepanjang kempen pilihanraya tidak menghadapi apa-apa bentuk tekanan daripada pihak pemerintah kerana dasar perjuangan parti ini tidak begitu menentang penjajah.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Pertunjukan seperti Wayang Kulit, Berdjir Barat, Mak Yong dan sebagainya

<sup>44</sup> Hasil temutannya perluas dengan Encik Hamzah Ghani pada 30 Oktober 1980.

<sup>45</sup> *Straits Times*, 6 Julai 1955.

<sup>46</sup> K.J. Ratnam, *op.cit.*, hlm 225

Melalui kempen-kempen pilihanraya, para pemimpin Parti Negara telah menjanjikan keistimewaan yang akan diberikan kepada orang-orang kampung. Iaitu jika sekiranya mereka berjaya dalam pilihanraya nanti, orang-orang kampung akan diberikan tanah dan mendapat wang bantuan dari kerajaan. Juga, segala urusan mereka dengan kerajaan akan disegerakan, tetapi jika mereka memihak kepada UMNO segala urusan itu akan diperlambatkan.<sup>47</sup>

Di dalam masa kempen pilihanraya, Parti Negara telah mencerca serta merendah-rendahkan kebolehan UMNO. Kenyataan-kenyataan seperti "UMNO hendak merampas hak raja", "UMNO tidak tahu hendak memerintah dan kalau UMNO memerintah akan berlaku huru hara". UMNO juga dituduh tidak layak jadi pemerintah kerana kurang kemahiran, umpamanya untuk membina sebatang jalan pun UMNO tidak pandai.<sup>48</sup> Parti Negara telah menggunakan alat-alat kemudahan kerajaan seperti land-rover dan motor sangkut semasa berkempen dan masa pilihanraya.<sup>49</sup>

Pada bulan Oktober 1954, Parti Negara telah mengadakan satu rapat umum bertempat di Tumpat. Dalam rapat umum itu, salah seorang dari pegawai penerangan Parti Negara yang datang dari Pulau Pinang telah mengatakan bahawa orang-orang Cina Tanah Melayu terutamanya MCA adalah Cina Komunis.<sup>50</sup> Ditambah pula dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Dato' Onn dalam satu rapat umum partinya di Kuala Lumpur, yang antara lain berbunyi:

MCA dan Dewan Perniagaan Cina sedang melaksanakan satu rancangan untuk menjadikan negeri ini jajahan Cina yang kedua puluh – bertaat setia kepada Farmosa yang menjadi jajahan yang ke sembilan belas.... MCA telah memainkan peranan yang dahulunya diambil oleh wakil-wakil Konsul Cina dan Dewan Perniagaan dengan merupakan Parti Koumintang bawah tanah dan mengeluarkan arahan politik kepada MCA.<sup>51</sup>

Sehubungan dengan itu gambar-gambar Chiang Kai Sheik pernah dibawa oleh pengikut-pengikut Parti Negara semasa rombongan penerangan parti itu melawat ke Pengkalan Kubur, Taba (jajahan Tumpat), Batu Tiga dan Tendung (jajahan Pasir Mas). Manakala gambar Dato' Tan Cheng Lock pula pernah dibawa ke Dabong, Manik Urai di jajahan Ulu Kelantan.<sup>52</sup>

PAS sebagai sebuah parti politik yang berideologikan agama Islam menolak sama sekali tuduhan UMNO yang menganggap agama dan politik

47. *Malaya Merdeka*, 21 Julai 1955.

48. Temutanya penulis dengan Encik Hamzah Ghani pada 30 Oktober 1980.

49. *Malaya Merdeka*, 21 Julai 1955, hlm. 4.

50. *Ibid.*

51. Anwar Abdullah, "Dato" Onn Nusantara, Kuala Lumpur, 1971.

52. *Malaya Merdeka*, op. cit., hlm. 4.

tidak boleh dicampuradukkan. Dalam manifestonya, parti ini pernah berjanji akan:

1. Menyemak dan menyusun semula Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bagi disesuaikan dengan hasrat rakyat;
2. Berusaha supaya sekalian ahli-ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan, Negeri, Jajahan Negeri Selat dan Bandaran hendaklah semua sekali dipilih oleh rakyat;
3. Mengakui kedaulatan Duli-Duli Yang Maha Mulia sebagai raja-raja berperlembagaan;
4. Berusaha menghapuskan dasar pintu terbuka yakni menahan kemasukan orang-orang dagang ke Tanah Melayu yang membahayakan kedudukan anak negeri;
5. Menjamin kebebasan beragama dan hak asasi manusia;
6. Berusaha bersungguh-sungguh supaya Bahasa Melayu diamalkan benar-benar sebagai bahasa rasmi kerajaan dan kebangsaan;
7. Berusaha supaya tiap-tiap seorang hanya mempunyai satu taraf kerakyatan sahaja;
8. Berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai kemerdekaan Malaya secepat mungkin;
9. Berikhtiar bersungguh-sungguh supaya peraturan-peraturan Islam dapat dijalankan dalam masyarakat dan urusan pemerintahan dari satu masa ke satu masa sehingga terlaksananya cita-cita Islam.<sup>53</sup>

PAS telah membuktikan dirinya sebagai parti politik yang ingin melanjutkan perjuangan bagi “mencapai cita-cita Islam” dan menegakkan Tanah Melayu sebagai negeri Melayu.<sup>54</sup> PAS telah mendapat sokongan dari ulama-ulama pondok terutama di kawasan Pasir Mas. Namun begitu PAS belum lagi lahir sebagai sebuah parti politik yang berpengaruh di Kelantan dalam saat-saat menjelang pilihanraya pertama itu, kerana usianya masih terlalu muda di kalangan masyarakat Melayu Kelantan.

### **Keputusan Pilihanraya**

Perikatan telah memenangi pilihanraya ‘federal’ Tanah Melayu yang pertama dengan undi yang terbanyak. Daripada lima puluh dua kerusi yang dipertandingkan, Perikatan telah memenangi sebanyak lima puluh satu kerusi. Perikatan telah mendapat sebanyak 818,013 undi daripada 84.86% pengundi yang keluar membuang undi, iaitu empat kali ganda daripada jumlah undi yang diperolehi oleh parti lawan. Hanyalah PAS yang berjaya mendapat satu kerusi.<sup>55</sup>

<sup>53</sup> Manifesto PAS 1955, dikutip dari Paridah bt Ali, *op.cit.*, hlm. 157

<sup>54</sup> K.J. Ratnam, *op.cit.*, hlm. 193

<sup>55</sup> *Ibid.*, hlm. 228 Juga lihat Zainal Abidin Abdul Wahid, *op.cit.*, hlm. 173.

Manakala dalam pilihanraya ‘federal’ bagi Negeri Kelantan pula, calon-calon UMNO telah membolot kesemua lima kerusi yang dipertandingkan. UMNO telah mencapai kejayaan seratus peratus. Calon-calon UMNO yang memenangi kesemua kerusi pilihanraya federal itu ialah Abdul Khalid bin Awang Osman (Kelantan Selatan), Nik Hassan bin Haji Nik Yahya (Kelantan Timur), Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghafar (Pasir Mas), Tengku Indera Petra bin Sultan Ibrahim (Kelantan Utara) dan Abdul Hamid bin Mahmud (Kelantan Tengah).<sup>56</sup>

Calon-calon dari Parti Negara, PAS dan calon-calon Bebas telah mengalami kekalahan dan ada yang hilang wang pertaruhan mereka. Misalnya tokoh kuat Parti Negara iaitu Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud telah hilang wang pertaruhannya di kawasan pilihanraya ‘federal’ Kelantan Timur. Beliau telah dikalahkan dengan kelebihan undi sebanyak 23,760 undi oleh calon UMNO iaitu Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.<sup>57</sup> Daripada empat lagi kawasan yang dipertandingi oleh Parti Negara, dua daripadanya telah hilang wang pertaruhan iaitu di kawasan Kelantan Timur dan Kelantan Tengah.<sup>58</sup> Meskipun di dua kawasan lagi, calon-calon parti itu tidak hilang wang pertaruhannya, tetapi parti itu secara keseluruhannya tidak mendapat sokongan yang penuh daripada rakyat Kelantan.

PAS juga telah mengalami nasib yang sama di tiga kawasan yang dipertandingkan. Dua daripada tokoh PAS yang bertanding telah hilang wang pertaruhannya, termasuklah Mohamad Asri bin Haji Muda yang mendapat sebanyak 2,292 undi sahaja bagi kawasan Kelantan Timur. Beliau telah tumpas di tangan calon UMNO, Nik Hassan bin Haji Nik Yahya yang mendapat undi sebanyak 30,954 undi.<sup>59</sup>

UMNO telah mendapat 76.6% undi, Parti Negara mendapat 10.8% undi, PAS mendapat 7.9% undi dan Bebas memperolehi sebanyak 1.6% undi yang didasarkan kepada jumlah pengundi berdaftar 205,743 orang dan 83.95% yang keluar mengundi.

Pilihanraya peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 19 September 1955 dan sebanyak enam belas buah kerusi telah dipertandingkan. Perikatan telah mengemukakan seramai enam belas orang calon, PAS pula meletakkan tiga orang calon, Parti Negara hanyalah satu orang calon dan Bebas mengemukakan enam orang calon untuk sama-sama bertanding merebut kerusi-kerusi itu (lihat jadual I). Pilihanraya peringkat Negeri Kelantan yang diadakan dua bulan selepas pilihanraya ‘federal’, keputusannya Perikatan (UMNO majoriti yang bertanding) telah memenangi pilihanraya itu. Sebanyak lapan kerusi daripada jumlah enam belas kerusi yang dipertandingkan itu, calon UMNO telah menang tanpa

56 Lihat T.E Smith, *op.cit.*, hlm 75–76

57 *Ibid.*, hlm 75.

58 *Ibid.*

59 *Ibid.*

**Jadual II**  
**Pilihanraya Federal 1955: Jumlah Undi  
Mengikut Parti Di Negeri Kelantan.<sup>60</sup>**

Parti	Jumlah Pengundi	Peratus
Perikatna	120,513	76.6
Parti Negara	18,459	10.8
PAS	13,399	7.9
Calon Bebas	2,758	1.6
Undi Rosak	5,356	3.1
<b>JUMLAH</b>	<b>170,485</b>	<b>100.0</b>

bertanding.<sup>61</sup>

Calon-calon UMNO yang menang tanpa bertanding itu ialah:

- |                                   |   |
|-----------------------------------|---|
| 1. Encik Hasan bin Haji Yaakob    | = di kawasan Kota Bharu Utara                 |
| 2. Encik Basir bin Rashid         | = di kawasan Tumpat Utara                     |
| 3. Haji Ab. Rahman bin Haji Yusuf | = di kawasan Pasir Puteh Selatan              |
| 4. Encik Mohamad bin Idris        | = di kawasan Pasir Puteh Utara                |
| 5. Encik Abdul Ghani bin Mohamad  | = di kawasan Tanah Merah Tengah               |
| 6. Nik Mohamad Amin bin Nik Ali   | = di kawasan Kota Bharu Tengah                |
| 7. Encik Osman bin Udin           | = di kawasan Tumpat Selatan                   |
| 8. Encik Yaakob bin Awang         | = di kawasan Pasir Mas Selatan. <sup>62</sup> |

Lapan kerusi lagi telah dipertandingkan dalam pilihanraya itu dan keputusan yang diperolehi ialah, Perikatan sekali lagi berjaya membolot kesemua kerusi dengan tujuh calon UMNO dan satu calon MCA. Calon tunggal MCA yang bertanding atas tiket Perikatan ialah Encik Wong Yeow Wye di kawasan Kota Bharu Selatan.

Dasar UMNO yang memperjuangkan kemerdekaan secepat mungkin telah membawa kejayaan yang begitu cemerlang dengan mendapat sokongan penuh daripada masyarakat Kelantan. Masyarakat Kelantan pada masa itu rata-rata mahukan kemerdekaan yang segera dan tidak mahu terus

<sup>60</sup> *Ibid.*, hlm. 75-86

<sup>61</sup> *Malaya Merdeka*, 25 Ogos 1955, hlm. 5

<sup>62</sup> *Ibid.*

berada di bawah kekuasaan penjajah. Ini bersesuaian dengan dasar perjuangan UMNO yang mahu merdeka dalam tempoh empat tahun sahaja.<sup>63</sup> Meskipun persaingan yang hebat wujud antara UMNO dan Parti Negara dalam pilihanraya itu, kini ternyata Parti Negara gagal untuk membuktikan kekuatannya. Rakyat Kelantan tidak begitu menyokong Parti Negara lantaran parti itu telah dianggap talibarut penjajah yang ingin memperlambat-lambatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.<sup>64</sup>

Kememangan calon-calon UMNO dalam pilihanraya pertama itu telah menamatkan perjuangan Parti Negara di Kelantan, khususnya. Meskipun parti itu turut bertanding dalam pilihanraya 1959, amat jelas sekali parti itu sudah tidak diterima oleh rakyat Kelantan. Pilihanraya 1955 juga disifatkan oleh Kessler sebagai satu ujian kepada kemampuan golongan elite lama untuk mendapatkan suatu mandat untuk terus memainkan peranan mereka di Kelantan.<sup>65</sup>

Kegagalan PAS sememangnya sudah diduga lantaran parti itu tidak berupaya untuk menembusi kubu UMNO yang sudah begitu kuat. Lebih-lebih lagi rakyat ketika itu sedang mabuk dengan angin kemerdekaan yang secara kebetulan bersesuaian dengan isu yang diketengahkan oleh UMNO. PAS sememangnya menghadapi masalah-masalah tertentu, terutama masalah kewangan dan tidak mempunyai organisasi yang teratur untuk menjalankan kegiatan partinya di kawasan-kawasan pendalam.<sup>66</sup>

### Negeri Kelantan Sehingga Merdeka – 1957

Pilihanraya umum pertama Tanah Melayu telah berakhir dengan kemenangan yang cemerlang bagi Perikatan. Pandangan rakyat Kelantan telah tertumpu dengan sepenuhnya kepada UMNO Negeri Kelantan yang memenangi pilihanraya 1955.

Di Negeri Kelantan terdapat dua buah Majlis Mesyuarat. Salah satu darinya ialah Majlis Mesyuarat Negeri yang dianggotai oleh tiga puluh orang anggota. Seramai enam belas daripadanya dipilih melalui pilihanraya negeri. Dalam majlis ini, wakil-wakil UMNO yang dipilih seramai enam belas orang itu duduk bersama-sama dengan anggota yang dilantik oleh

63. Sebagai contoh kita lihat kepada kemenangan yang dicapai oleh calon Perikatan yang bertanding atas tiket Perikatan iaitu Encik Wong Yeow Wye di kawasan Kota Bharu Selatan. Kawasan ini mempunyai 98% orang-orang Melayu (kawasan Nilam Puti, Salor, Kadok, Pendik). Jadi, kemenangan yang diperolehi oleh Encik Wong adalah disebabkan sokongan kuat orang-orang Melayu yang mempunyai semangat untuk merdeka. Oleh kerana mereka mahukan kemerdekaan yang segera dan bersetuju dengan dasar Perikatan sudah tentu calon Pertikatan yang menjadi pilihan utama. Temubual penulis dengan Encik Mohamad Haji Ali pada 18 Oktober 1980. Juga temubual penulis dengan Encik Mohamad Noor Haji Saat, pada 16 Oktober 1980.

64. Hasil temutanya penulis dengan Dato' Haji Ishak Lotfi Omar pada 21 Oktober 1980.

65. Clive S. Kessler, *Muslim Identity and Political Behavior in Kelantan*, dalam W.R. Roff "Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State", Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm 284.

66. Hasil temutanya penulis dengan En. Khajidir Khanib pada 13 November 1980.

kerajaan bagi membuat undang-undang yang akan dilaksanakan di Negeri Kelantan.<sup>67</sup>

Satu lagi Majlis Mesyuarat ialah Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan. Majlis ini diketuai oleh seorang Menteri Besar dengan disertai oleh "menteri-menteri" lain. Empat daripada tokoh UMNO (yang menang dalam pilihanraya negeri 1955) telah dilantik oleh Sultan Kelantan untuk menduduki Majlis tersebut. Mereka itu ialah: Encik Osman bin Udin sebagai "Menteri" Hal Ehwal Agama Kelantan; Encik Yaakob bin Awang, "Menteri" Kerajaan Tempatan Kelantan; Encik Hasan bin Haji Yaakob, "Menteri" Pertanian, Kelantan dan Encik Mohamad bin Haji Idris sebagai "Menteri" Kerjaraya, Parit dan Taliair Kelantan.<sup>68</sup> Menteri Besar Kelantan yang pertama ialah Tengku Hamzah bin Tengku Zainal Abidin.<sup>69</sup>

Selaras berlangsungnya pilihanraya pertama itu, UMNO yang mendapat mandat daripada rakyat seluruhnya telah bekerja keras untuk mendapatkan kemerdekaan yang secepat mungkin. Lantaran itu, UMNO Negeri Kelantan boleh dikatakan tidak membuat apa-apa rancangan pembangunan untuk faedah rakyat seluruhnya. Tambahan pula, Kelantan pada waktu itu bukannya seratus peratus di bawah kekuasaan UMNO. Wakil-wakil kerajaan dalam Majlis Mesyuarat Negeri seringkali berusaha untuk menggagalkan rancangan pembangunan yang hendak dijalankan oleh UMNO.<sup>70</sup> Sungguhpun begitu UMNO Kelantan telah berjaya membuka atau melancarkan satu projek percubaan iaitu membuka tanah rancangan di Air Lanas, Tanah Merah pada tahun 1957. Projek ini kemudiannya dikenali dengan Rancangan Tanah Air Lanas, yang mengakibatkan pembukaan tanah seluas lebih kurang 4,200 ekar. Meskipun projek ini tidak dijalankan sepenuhnya oleh UMNO Negeri Kelantan, tetapi inisiatif untuk membuka rancangan itu dilakukan oleh UMNO.<sup>71</sup> UMNO Negeri Kelantan telah mendesak kerajaan supaya membuka rancangan itu demi untuk memenuhi janji-janji mereka dalam kempen-kempen pilihanraya dahulu. Terdapat wakil-wakil UMNO dalam jawatankuasa projek tersebut seperti Nik Mohamad Amin bin Nik Ali yang mendesak supaya disegerakan

67 UMNO Negeri Kelantan tidak pernah "memerintah" atau menguasai pemerintahan Negeri Kelantan secara mutlak kerana ahli-ahli yang menduduki Majlis Mesyuarat Negeri hanyalah terdiri dari lima puluh peratus anggota yang dipilih, bakinya adalah ahli-ahli yang dilantik oleh kerajaan. meskipun UMNO telah memenangi pilihanraya 1955

68 Hasil temutanya penulis dengan Encik Hamzah Ghani dan Encik Mohamad bin Haji Ali, pada 30 Oktober 1980 dan 18 Oktober 1980.

69 Jawatan Menteri Besar pada masa itu dilantik oleh Kerajaan Kelantan dan tanya bukan dari tokoh UMNO. Tengku Hamzah yang lebih dikenali dengan panggilan Tengku Srimah (Tengku Sri Maharaja) adalah ayahanda kepada Tengku Razaleigh bekas, Menteri Kewangan Malaysia

70 UMNO Negeri Kelantan mempunya suara minoriti dalam kedua-dua Majlis Mesyuarat dan tidak mempunyai kuasa dalam kedua-dua badan itu. Kebanyakkan pegawai-pegawai pentadbir adalah penyokong parti lawan iaitu Parti Negara. Hubungan baik parti dengan pegawai tidak ada. Lihat Faiz UMNO/SUA 62/1956.

71 Hasil Temutanya penulis dengan En. Hamzah Ghani pada 30 Oktober 1980.

perlaksanaan rancangan itu. Di kalangan rakyat juga tidak ketinggalan mendesak supaya mereka diberi peluang untuk menjadi peneroka-peneroka bagi menjayakan rancangan itu.<sup>72</sup>

Meskipun rancangan pembangunan yang diidam-idamkan oleh UMNO Kelantan tidak dapat dijalankan dengan berkesan, tetapi mereka tidak terus berdiam diri. Perkara-perkara yang boleh memberi faedah kepada rakyat seterusnya diperjuangkan dan dibangkitkan dalam setiap mesyuarat-mesyuarat UMNO Negeri Kelantan dan diperingkat bahagian. Misalnya dalam Mesyuarat Perwakilan UMNO Kelantan pada 24 Mei 1956 telah mengambil keputusan, iaitu:

1. Mengambil ketetapan mendesak UMNO Malaya supaya menciptakan sebuah lagu UMNO sebelum 31 Ogos 1957;
2. Mendesak kerajaan Persekutuan supaya mengadakan Darjah Post School Certificate di Negeri Kelantan untuk negeri-negeri di Pantai Timur.<sup>73</sup>

Pada masa itu ‘Darjah Post School Certificate’ tidak ada lagi di Pantai Timur. Justru kerana itu, murid-murid yang lulus ‘Cambridge School Certificate’ dari Pantai Timur terpaksa memasuki ‘Darjah Post School Certificate’ di Pantai Barat. Keadaan ini boleh memungkinkan murid-murid yang lulus ‘Cambridge’ di Pantai Timur tidak berupaya menyambung pelajarannya di Pantai Barat lantaran menghadapi masalah kewangan.<sup>74</sup>

Dalam satu lagi Majlis Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Bharu, pada 20 Jun 1956, satu ketetapan telah dibuat. Antara lain:

1. Menggesa UMNO Malaya supaya mendesak Kerajaan Persekutuan membawa masuk ke Malaya filem-filem yang bersemangat dan berpelajaran dari luar negeri terutamanya dari Indonesia;
2. Mendesak Kerajaan Persekutuan supaya pajak gadai di seluruh Tanah Melayu dijadikan hak milik negara;
3. Menggesa UMNO Malaya supaya mendesak Kerajaan Persekutuan mengisyiharkan kerahan tenaga rakyat seluruhnya untuk menghapuskan penganas-penganas komunis di Tanah Melayu.<sup>75</sup>

Bagi rakyat Kelantan pula, mereka telah menyaksikan kejayaan yang cemerlang diperolehi oleh UMNO dan mereka menyangka UMNO Kelantan telah berkuasa dan mempunyai tanggungjawab melaksanakan janji-janjinya

<sup>72</sup> Ibid.

<sup>73</sup> Fail UMNO/KN 14/1956.

<sup>74</sup> Ibid.

<sup>75</sup> Ibid.

dalam manifesto dahulu. Hakikat yang berlaku adalah sebaliknya dan UMNO di Negeri Kelantan masih belum memegang tanggungjawab dalam pentadbiran dan dasar-dasarnya tidak dapat dijalankan dengan teratur.

Kerisauan pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan tentang ketiadaan pembangunan yang dijalankan di Kelantan ketara dalam satu surat yang dihantar kepada Sultan Kelantan oleh pihak UMNO Negeri Kelantan.<sup>76</sup> Surat itu bertarikh 24 Ogos 1957 dan telah ditandatangani oleh Abdul Hamid bin Mahmud (Ketua Wakil), Ismail bin Ibrahim, Osman bin Udin, Nik Hasan bin Nik Yahya, Hasan bin Haji Yaakob dan Yaakob bin Awang serta dua orang wakil dari MCA iaitu Foo See Moi dan Wong Yeow Wye. Dalam surat itu mereka menyatakan:

Dalam masa dua tahun yang lalu hingga hari ini, Perikatan (UMNO) mendapati perjalanan pentadbiran dalam negeri masih belum ada perubahan-perubahan yang merupakan perubahan-perubahan membawa nasib rakyat terbanyak kepada jalan-jalan yang akan melegakan dan melapangkan. Perikatan (UMNO) menaruh keyakinan, bahawa sekiranya tidak ada apa-apa perubahan politik yang lebih maju dalam negeri ini dari sekarang, sudah tentu janji-janji Perikatan (UMNO) sebagaimana manifestonya dan kewajipan-kewajipan yang ditanggungkan oleh rakyat yang telah memilih tidak dapat dilaksanakan dalam dua tahun lagi.<sup>77</sup>

Jika sekiranya keadaan yang begini berterusan sudah tentu kepercayaan rakyat terhadap UMNO Negeri Kelantan akan hilang. Ini akan menimbulkan kesan yang tidak baik bagi UMNO Kelantan terutamanya disaat-saat pilihanraya 1959 nanti.<sup>78</sup>

Sebelum keadaan terdesak (khasnya untuk menghadapi pilihanraya tahun 1959), UMNO Negeri Kelantan telah memohon kepada Sultan Kelantan supaya ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang tidak rasmi terdiri dari lima orang yang akan habis tempoh perkhidmatannya dalam bulan September 1957 itu tidak akan dilantik semula. UMNO seterusnya memohon supaya Sultan Kelantan terlebih dahulu berunding dengan UMNO Kelantan untuk melantik lima orang ahli itu.<sup>79</sup> UMNO Kelantan juga memohon supaya ahli-ahli yang tidak rasmi dalam Majlis Kerja Kerajaan yang berjumlah enam orang itu ditambah menjadi lapan orang semuanya. UMNO selanjutnya telah merayu agar Sultan Kelantan membuat perundingan terlebih dahulu dengan pihak UMNO sebelum menamakan calon-calon tidak rasmi yang akan dilantik kelak.<sup>80</sup>

76 Fail UMNO/SUA. 62/1956

77 *Ibid.*

78 *Ibid.*

79 *Ibid.*

80 *Ibid.* Juga *Utusan Melayu*, 25 Ogos 1957, hlm. 2

Sekiranya permintaan-permintaan itu berjaya dan dilaksanakan, UMNO Negeri Kelantan berpendapat partinya akan dapat memenuhi tanggungjawabnya (meskipun tidak seratus peratus) sebagai sebuah parti yang berkuasa di Negeri Kelantan dan akan menunaikan janji-janji UMNO kepada rakyat.

Pada saat-saat Tanah Melayu hendak mencapai kemerdekaan, UMNO Negeri Kelantan sedang menghadapi keretakan dalam pucuk pimpinan. Seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan (ex-co), iaitu Encik Osman bin Udin dan Encik Osman bin Yahya (Penolong Setiausaha Bahagian Kota Bharu) telah meletakkan jawatan. Mereka meletakkan jawatan kerana rasa tidak puashati terhadap perjalanan UMNO Negeri Kelantan dan tidak bersetuju dengan dasar pemecatan Kadi Besar Kelantan.<sup>81</sup>

Perjalanan UMNO Negeri Kelantan yang rata-rata didokong oleh rakyat Kelantan hanyalah mengikut arus pergerakan UMNO pada peringkat pusat.

Kemenangan Perikatan dengan mendapat lima puluh satu kerusi daripada lima puluh dua kerusi yang dipertandingkan membolehkan Perikatan membentuk sebuah kerajaan sendiri. Perjuangan Perikatan yang paling penting ialah mencapai kemerdekaan secepat mungkin. Justru kerana itu, Perikatan di bawah pimpinan Tengku Abdul Rahman Putra terus mendesak pihak British supaya perundingan mengenai kemerdekaan dijalankan.<sup>82</sup> Perundingan ini telah bermula dari 18 Jun 1956 hingga bulan Februari, 1957. Setelah banyak perkara yang penting<sup>83</sup> dibincangkan, pihak British telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu iaitu pada 31 Ogos 1957.<sup>84</sup>

Pada 31 Ogos 1957, bertempat di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, Tengku Abdul Rahman Putra selaku Perdana Menteri Tanah Melayu yang

81 Tuan Haji Nik Muhd Adib, Kadi Besar telah diberitahu oleh Ketua Pejabatnya, Tuan Mufti bahawa beliau tidak menurut peraturan kerja yang ditetapkan bagi jawatannya. Pada pokoknya beliau memang bersalah di sisi Peraturan Am. Cara pembuangannya telah menjadi sungutan dan tidak mengikut lunas-lunas yang betul. Beliau hanyalah diberikan sebulan gaji dan tidaklah diberikan apa-apa hadiah atau 'pension', sedangkan beliau telah berkhidmat lebih kurang 19 tahun dan mengikut peraturan, beliau sememangnya berhak mendapat 'pension'. Khabarnya beliau gagal untuk mendapatkan pension kerana Ketua Pejabatnya tidak memberi sokongan (recommendation). Lihat Fail UMNO/KN. 14/1956. UMNO Kelantan pada masa itu tidak mempunyai kuasa sepenuhnya baik dalam Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan atau Majlis Mesyuarat Negeri "Ahli-ahli Majlis Mesyuarat yang dilantik oleh kerajaan lebih berkuasa dan mempunyai jumlah suara yang terbanyak. Lantaran itu anggota-anggota UMNO Merasa sungguh kechiwa dan UMNO Negeri Kelantan tidak dapat menyelesaikan masalah ini sehingga kemerdekaan. Tambahan pula pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik itu terdiri daripada penyokong-penyokong Parti Negara. Umpamanya Dato' Kaya Setia iaitu Ketua Parti Negara telah dilantik oleh kerajaan menjadi majistret.

82 Zainal Abidin Abd Wahid (ed.), *op.cit.*, hlm. 173–174.

83 Perkara-perkara penting yang dimaksudkan itu ialah hal-hal Menteri Kewangan Tanah Melayu, hal-hal pertahanan dan keselamatan dalam negeri, iaitu menubuhkan jawatan Menteri Pertahanan dan terus mengadakan Perjanjian Pertahanan dan bantuan bersama antara Tanah Melayu dengan Great Britain. Satu Suruhanjaya Perlumbagaan ditetapkan bersama.

84 Zainal Abidin Abd Wahid (ed.), *op.cit.*, hlm. 173–174.

pertama telah mengisytiharkan Kemerdekaan Tanah Melayu dalam upacara yang penuh gilang gemilang dan bersejarah. Upacara ini telah dihadiri sama oleh Raja-raja Melayu, wakil-wakil Kerajaan British dan juga ratusan ribu rakyat Tanah Melayu dari segenap pelusuk tanahair.

Setelah berlangsungnya upacara pengisytiharan itu, di tiap-tiap buah Negeri Tanah Melayu turut mengadakan perayaan-perayaan yang sama. Raja-raja Melayu, pembesar-pembesar negeri dan rakyat jelata dari segenap lapisan masyarakat menyertai perayaan ini dengan penuh semangat.

Negeri Kelantan juga tidak ketinggalan dalam menyambut dan merayakan hari kemerdekaan itu dengan upacara-upacara tertentu yang sudah siap diatur. Baginda Sultan Kelantan telah melantik lapan orang wakil khas untuk membaca pengisytiharan hari kemerdekaan yang akan diadakan pada tiap-tiap jajahan dalam Negeri Kelantan. Mereka yang dilantik itu ialah Encik Hasan bin Haji Yaakob bagi Jajahan Kota Bharu, Encik Yaakob bin Awang bagi Jajahan Pasir Mas, Encik Mohamad bin Idris bagi Jajahan Pasir Puteh, Encik Abdul Ghani bin Muhamad bagi Jajahan Tanah Merah, Encik Basir bin Rashid bagi Jajahan Tumpat, Haji Tengku Yaakob di Jajahan Machang, manakala Encik Azahari bin Abdul Rahman bagi Jajahan Bachok dan Encik Mohamad Ali bin Abdullah bagi Jajahan Ulu Kelantan.<sup>85</sup>

Namun begitu, upacara menyambut Hari Kemerdekaan yang berlangsung di Kota Bharu merupakan upacara yang paling kemuncak bagi Negeri Kelantan. Upacara yang penuh bererti dan bersejarah ini telah diadakan pada 3 September 1957 iaitu tiga hari selepas pengisytiharan di Kuala Lumpur. Sultan Kelantan, pembesar-pembesar negeri dan rakyat jelata dari segenap lapisan masyarakat sama-sama hadir dan berhimpun di Padang Merdeka<sup>86</sup> untuk menyaksikan upacara yang penuh bersejarah itu.<sup>87</sup>

Dalam upacara yang penuh pengertian ini Encik Hasan bin Haji Yaakob telah membaca surat pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu. Setelah selesai upacara pengisytiharan itu bergemalah teriakan ‘Merdeka’ sebanyak tiga kali yang dilaungkan oleh sakalian rakyat dan serentak dengan itu

85. *Utusan Melayu*, 29 Ogos 1957, hlm. 2.

Mereka yang dilantik itu kesemuanya adalah Wakil Rakyat yang telah memenangi pilihanraya peringkat Negeri Kefantan. Perayaan yang diadakan pada peringkat jajahan ini tidaklah dijalankan serentak, tetapi secara bergilir-gilir.

86. Sebelum 31 Ogos 1957 Padang Merdeka dikenali dengan panggilan ‘Padang Bank’. Panggilan ini mula digunakan sejak dari tahun 1915 apabila bangunan bank yang terletak disebelah hilir padang itu siap dibina dan digunakan. Sejak dari 31 Ogos 1957 barulah padang itu digelar pula Padang Merdeka mengambil sempena hari kemerdekaan negara Persekutuan Tanah Melayu.

87. Di hari perayaan itu jumlah rakyat yang datang tidak banyaknya. Sejak subuh lagi mereka telah mulai berhimpun dan memenuhi kawasan itu untuk menyaksikan upacara yang penuh sejarah itu. Kenderaan pengangkutan ada disediakan oleh kerajaan untuk mengangkut rakyat dari kawasan pendafaman. Perhimpunan ini lebih besar jika dibandingkan dengan rapat rakksa menentang Malayan Union dulunya. Bandar Kota Bharu telah dihiasi indah dengan pintu gerbang dan Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dikibarkan di segenap rumah dan kedai pertiagaan. Hasil temutanya penulis dengan Dato’ Ishak Lotfi pada 21 Oktober 1980.

bendera ‘Union Jack’ telah diperturunkan dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai memeriahkan lagi upacara menyambut hari kemerdekaan itu, di sebelah malamnya telah diadakan beranika jenis pertunjukan dan permainan kebudayaan Kelantan.<sup>88</sup>

Perayaan menyambut hari kemerdekaan di peringkat jajahan juga tidak kurang meriahnya. Di tiap-tiap jajahan perayaan ini telah dianjurkan oleh UMNO. Selain daripada upacara pengisytiharan kemerdekaan, pertandingan-pertandingan sukan dan permainan tradisi juga telah diadakan.

Pada 10 September 1957, UMNO Bahagian Ulu Kelantan telah mengadakan upacara perayaan serentak pada setiap cawangan-cawangannya. Cawangan yang terlibat itu ialah Guchil, Kuala Krai, Tualang dan Pahi. Perayaan yang sungguh meriah ini disertai sama oleh Pergerakan Kaum Ibu UMNO pada tiap-tiap cawangan. Upacara pembukaan telah dilakukan oleh Ketua Bahagian UMNO Ulu Kelantan. Disepanjang perayaan itu, berjenis-jenis pertandingan sukan air dan darat telah diadakan. Pada sebelah malamnya pertunjukkan tradisi yang mencerminkan kebudayaan Kelantan tidak ketinggalan diadakan.<sup>89</sup>

Secara keseluruhan dapatlah dibuat kesimpulan, bahawa kegiatan politik orang-orang Melayu Kelantan lebih tertumpu kepada parti Perikatan (UMNO), terutama diawal tahun-tahun 1950-an. Keadaan penglibatan mereka dalam pergerakan politik perikatan (UMNO) adalah ketara apabila parti itu berjaya membolot kesemua kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya 1955. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, orang-orang Melayu Kelantan menyambutnya dengan rasa kebanggaan dan penuh erti. Parti Perikatan yang mereka sokong itu nampaknya berjaya dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu yang sangat-sangat dikehendaki oleh setiap rakyat, termasuklah orang-orang Melayu Kelantan. Namun begitu, kesetiaan dan kepercayaan mereka terhadap UMNO tidak berkekalan. Dalam pilihanraya yang kedua iaitu pada tahun 1959, UMNO telah mengalami kekalahan teruk di tangan parti PAS yang membolehkan PAS membentuk kerajaan sendiri di Negeri Kelantan.

Kajayaan PAS yang cemerlang itu adalah disebabkan oleh isu agama yang diketengahkan dalam pilihanraya 1959. Ini sesuai sekali dengan ideologi PAS yang berlandaskan agama Islam yang dianuti oleh keseluruhan masyarakat Melayu Kelantan. PAS menganggap Parti Perikatan ‘haram’ disokong oleh orang-orang Melayu yang beragama Islam. Ini adalah disebabkan Parti Perikatan disertai oleh UMNO, MCA dan MIC. Perjuangan

<sup>88</sup> Pertunjukan kebudayaan yang telah diadakan itu termasuklah permainan Mak Yong, Menora, Puteri Berdikir Barat, Wayang Kulit dan sebelah siangnya pula dijadikan permainan Wau Gasing, Kertuk, Rehana dan sebagainya. Perayaan ini berlangsung tiga hari tiga malam. *Ibid*.

<sup>89</sup> *Malaya Merdeka*, 13 September 1957.

UMNO bersama-sama dengan bangsa China dan India yang dianggap ‘kafir’ oleh masyarakat Melayu Kelantan dengan sendirinya telah menyebabkan UMNO Kelantan gagal untuk mendapat sokongan daripada rakyat Kelantan.

### Kesimpulan

UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik Melayu yang memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu telah disambut baik oleh orang-orang Melayu Kelantan. Isu kemerdekaan yang dibawa oleh UMNO di tahun-tahun 1950-an memainkan peranan yang penting baginya untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat Melayu. Rakyat sudah tidak tertahan lagi menderita di bawah kekuasaan penjajah yang dianggap sebagai batu penghalang bagi mereka untuk mencapai kemajuan. Sokongan rakyat terhadap Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) telah terbukti apabila parti itu mendapat kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya Persekutuan pertama tahun 1955 dan membentuk sebuah kerajaan.

Kejayaan ini dirayakan dengan penuh semangat perjuangan oleh orang-orang Melayu Kelantan. Kemerdekaan adalah matlamat akhir kepada mereka sebagaimana yang dijanjikan oleh Perikatan. Sehubungan dengan itu Perikatan telah membuat perundingan-perundingan mengenai kemerdekaan dengan pihak British.

Hasil dari perundingan itu, pihak British telah berjanji akan memberi kemerdekaan penuh kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Pada hari yang penuh sejarah ini, rakyat Tanah Melayu dari semua lapisan masyarakat telah menyambut dan merayakan Hari Kemerdekaan dengan penuh kebanggaan.

Di Kelantan, kemerdekaan telah disambut dengan cara yang meriah sekali. Rakyat Kelantan dari semua peringkat mengambil bahagian dalam perayaan-perayaan kemerdekaan yang diadakan pada peringkat negeri, jajahan dan daerah. Kemerdekaan yang mereka rayakan itu adalah suatu kejayaan yang tercatat dalam sejarah perjuangan orang-orang Melayu khususnya untuk membebaskan diri dari belenggu penjajahan.

Bagi masyarakat Melayu Kelantan khususnya, perjuangan ditahap pertama sudah selesai dan perjuangan yang seterusnya adalah untuk membentuk masyarakat itu sendiri. Adalah diharapkan masyarakat Melayu Kelantan yang akan dibentuk ini berupaya untuk menghadapi situasi politik, ekonomi dan sosial tanah air.

### Rujukan

- |                |   |  |
|----------------|---|--|
| Anwar Abdullah | : | ‘Dato’ Onn<br>Nusantara, Kuala Lumpur 1971   |
| Kessler, C S   | : | Muslim Minority and Political Behaviour in<br>Kelantan [dalam W R Roff (ed.), ‘Kelantan: |

- Paridah bte Ali
- Religion, Society and Politics in a Malay State', Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974].
- Ratnam, K J
- : Sejarah Awal Perkembangan Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS di Kelantan 1953–1959) Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1974.
- : "Manifesto PAS, 1955" disebut dalam "Sejarah Awal Perkembangan Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS) di Kelantan 1953–1959" (Latihan Ilmiah, UKM, 1974).
- Samaden bin Basri
- : Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaya (diterjemahkan oleh Kassim Ahmad, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969).
- : Pergerakan UMNO Bahagian Muar 1946–1969 Latihan Ilmiah untuk Sarjana Muda Sastera Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1974.
- : "Manifesto Pilihanraya Federal Perikatan: UMNO, MCA dan MIC 1955" dalam "Pergerakan UMNO Bahagian Muar 1946–1969" oleh Samadin bin Basri (Latihan Ilmiah, UKM, 1974).
- Smith, T E
- : Report on the First General Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya. Government Press, Kuala Lumpur, 1955.
- Vasil, R K
- : Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia. Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid
- : 'Munculnya Parti-Parti Politik – 11' [dalam 'Sejarah Malaysia Sepintas Lalu' oleh Zainal Abidin bin Abdul Wahid (ed.), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971].
- : Manifesto PAS, 1955.
- : Fail UMNO/KN, AM 1/54 (Arkib Negara Malaysia) Kuala Lumpur.
- : Fail UMNO/KN, 14/1956. (Arkib Negara Malaysia).
- : Fail UMNO/SUA, 62/1956. (Arkib Negara Malaysia).
- Akhbar-Akhbar
- : Malaya Merdeka  
21 Julai 1995

25 Ogos 1955  
13 September 1955  
29 September 1955.  
Utusan Melayu  
25 Ogos 1957  
29 Ogos 1957.  
The Straits Times  
6 Julai 1955.

Temuramah:

1. Haji Mohamad bin Haji Ali pada 18 Oktober 1980
2. Encik Khairil Khatib pada 13 November 1980
3. Encik Hamzah Ghani, Pejabat Pelajaran Kelantan, Kota Bharu pada 30 Oktober 1980
4. Encik Mohamad Noor Haji Saat pada 16 Oktober 1980
5. Dato' Haji Ishak Lotfi Omar pada 21 Oktober 1980.

# *Hubungan Semenanjung Melayu dan Kaitan dengan Peranan Ullama Malaysia di Kalimantan Barat sebelum Perang Dunia Kedua*

DRS. ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

Sesungguhnya hubungan Semenanjung Melayu dengan Kalimantan Barat khususnya, dan Kalimantan umumnya, sudah lama berlangsung setidak-tidaknya dihubungkan dengan politik Pamalayu raja Kartanegara dari Kerajaan Singasari (1268–1298) yang mengirim pasukannya ke Tanjung Pura (Tan-jung-wo-lo) ke Sumatera Tengah dan ke Pahang (P'ong-Fong) di Semenanjung Melayu demi untuk mempertahankan intervensi Kublai Khan dari China Monggolia<sup>1</sup> terhadap Jawa.

Pada waktu yang sama untuk mempertahankan Alam Melayu dari pencerobohan asing Kartanegara mengadakan pula persekutuan dengan Campa dibawah Raja Simhawarman III (1287–1307) bagi membantu Campa melawan Yuwana (Annam) menakluk Campa. Persekutuan ini terkenal dalam sejarah Nusantara hingga saudara perempuan raja Kartanegara bernama Tapasi dikahwin dengan raja Campa itu, namun demikian Raja Simhawarman III tidak dapat mempertahankan negaranya dan terpaksa lari ke Jawa.<sup>2</sup>

1 Lihat R. Soekmono (Dr) – “*Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia*” Jilid ke 2 – Penerbit Yayasan Kanisius, Djakarta 1973 hlm. 64, 65 dan 66. Lihat juga S. Wojowasito – “*Sejarah Kebudayaan Indonesia I*” – Badan Penerbitan Pendidikan Djakarta 1950, hlm. 48, 49 dan 50

2 Lihat R. Soekmono – *op.cit.*, hlm. 64, 65 dan 66. Dan lihat juga R C Majumdar – “*Ancient Indian Colonies In The Far East*” Vol. I Champa – The Punjab Sanskrit Book Depot, Lahore 192, hlm. 121, 122 dan 123. Lihat juga M. Georges Maspero – “*Le Royaume De Champa*” – Paris et Bruxelles, hlm. 189 dan 199

Pahang dan Tanjungpura (Kalimantan) diikat sekali lagi dalam Sumpah Palapa Gajah Mada dalam tahun 1331 yang berbunyi:

Lamun harus kalah Nusantara  
Lamun huwus, kalah ring Gurun  
Ring Seran, ring Tanjungpura  
Ring Haru, ring Pahang, Dompo  
Bali, Sunda, Palembang, Tumasik,  
Samana Isun Amukti Palapa,

Terjemahan bebas saya ialah:  
Jika habis kalah Nusantara,  
Saya berhenti berpuasa makan palapa,  
Jika habis kalah Gurun,  
Seran, Tanjungpura,  
Haru, Pahang, Dompo,  
Bali, Sunda, Palembang, Tumasik,  
Pada waktu itulah saya berhenti berpuasa makan palapa.<sup>3</sup>

Sementara itu hubungan Semenanjung Melayu dengan Kalimantan Timur ialah dengan nama Kutai di mana di sini dalam tahun 400 Masihi diketemukan 7 buah Yupa.<sup>4</sup>

Nama Kutai ini dapat dihubungkan dengan nama Rumah Kutai di Perak, yang terdapat dipersekutaran tebing sungai Perak iaitu bermula dari kampung-kampung yang terletak di hulu sedikit dari bandar (kota) Teluk Intan hingga ke arah hulu Daerah Kuala Kangsar.<sup>5</sup>


Sebagaimana diketahui rumah Kutai ini muncul di Perak pada abad ke-18 di bawa oleh orang-orang Banjar dan Bugis Wajo, dan dari segi dialek memang ada persamaan antara beberapa daerah tertentu di Perak dengan dialek di Kutai Kalimantan Timur itu.

3 Lihat Muhamad Yamin "Gajah Mada" Balai Pustaka Jakarta 1972, hlm. 97 dan 98. Dan lihat juga Sujono Rustam "Sumpah Palapa" Penerbitan Patman Semarang, hlm. VIII. Palapa ialah sejenis makanan sarapan pagi yang biasanya dimakan oleh penduduk di Kerala dan Madras, India Selatan. Lihat juga Joseph Minattur "Sumpah Gajah Mada Palapa" dalam JAMBATS Vol. 39 hlm. 185-187. Dan lihat juga Dr. Theodore G. Th Pigeaud, *Java in the 14th Century. Vol. IV* The Hague Martinus Nijhoff 1962, hlm. 12.

4 Yupa ialah semacam tugu peringatan upacara korban besar-besaran dan hadiah untuk kemakmuran negara dan rakyat yang diberikan oleh seorang raja bernama Mulawarman, anak kepada Aswawarman dan cucu kepada Kudungga. Yupa itu bertulis dalam Aksara Pallawa berbahasa Sanskrit tersusun dalam bentuk syair.

Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi – *Aksara dan Batu Bersurat Melayu Kuno dalam Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu* – Jurnal Filologi Melayu – Perpustakaan Negara Kuala Lumpur 1997, hlm. 111

5 Lihat Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh – *Rumah Melayu Tradisi* – Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., Kuala Lumpur 1994, hlm. 53 hingga 58



Hubungan Semenanjung Melayu Dengan Kalimantan Barat

Hubungan khusus Semenanjung Melayu dengan Kalimantan Barat dapat dijejaki dari sejarah baru bahawa pada tahun 1139 Hijrah = 1727 Masihi<sup>6</sup> telah datang Raja Opu Daeng Menambon yang berasal dari Sulawesi ke Terengganu yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Melayu, bagi upacara perlantikan Tuan Zainal Abidin menjadi raja Terengganu dengan gelaran Sultan Zainal Abidin. Perlantikan ini dihadiri oleh Raja Nang Cayang Patani iaitu seorang raja perempuan Patani kerana Tuan Zainal Abidin adalah anak angkat kepada Raja Nang Cayang dan juga sebagai saudara iparnya.<sup>7</sup>

Dengan kehadiran Opu Daeng Menambon itu yang kemudian menjadi raja di Mempawah dalam tahun 1740 Masihi<sup>8</sup> ini bererti adanya kontak antara Kalimantan Barat dengan Terengganu dan Patani yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Melayu. Ketika terjadi peperangan tak putus-putus antara Patani dengan Siam sejak abad ke-15 lagi maka dalam tahun 1740 Masihi ada sebanyak 40 buah perahu Patani yang dipimpin oleh seorang ulama Patani bernama Syeikh Ali bin Fakih Al-Patani datang ke Mempawah disambut oleh Raja Opu Daeng Menambon dan tidak lama kemudian Tuan Syeikh Ali bin Fakih Al-Patani ini diangkat menjadi Mufti Besar di Kerajaan Mempawah menggantikan Syed Hussein Al-Qadri yang meninggal dunia.<sup>9</sup>

Lama sebelum kedatangan Syeikh Ali bin Fakih Al-Patani ke Kalimantan Barat iaitu kira-kira dalam tahun 1700 Masihi telah datang terlebih dahulu seorang ulama dari Patani bernama Syeikh Abdul Jalil Al-Patani. Beliau menyebar Islam di Kalimantan Barat dan meninggal dunia di Sambas dan di kalangan rakyat setempat, beliau dikenali dengan keramat Lumbang, kerana makamnya terletak di Lumbang, Sambas. Sesudah itu datang pula berturut-turut ulama dari Kelantan, Terengganu yang berketurunan Patani, salah seorang daripadanya jauh memasuki perhuluhan Sungai Kapuas dan beliau meninggal dunia di daerah Jongkang.

Sesudah Syeikh Abdul Jalil Al-Patani, maka tak putus-putus sehingga menjelang perang dunia ke-2, ulama dari Kelantan dan Patani datang ke Kalimantan Barat antaranya ialah Haji Ahmad bin Mamat atau lebih terkenal Haji Pak Muda seorang qari Al-Quran di Kelantan dalam tahun 1930-an. Beliau dilahirkan di Pasir Mas, pernah belajar Al-Quran di Mekah dengan Haji Omar Pakleh yang berasal dari Kota Bharu. Haji Omar ini adalah murid kepada Abdullah Senggora seorang guru Al-Quran dan ahli Tajwid terkenal di Mekah. Haji Ahmad bin Mamat naik Haji ke Mekah dalam

6 Lihat Hj Mohamad Salleh bin Hj Awang – “Mengkaji Sejarah Terengganu” Jilid II – Alhamdiah Press Singapura 1955, hlm 5

7 Lihat Hj Mohamad Salleh bin Awang – *op.cit.*, hlm 6

8 Lihat J.U. Lontaan – *Sejarah-Hukum Adat dan Istiadat Kalimantan Barat* – hlm. 121 – Terbitan Pemda Tingkat I Kalbar – edisi 1 – 1975.

9 Lihat Wan Mohamad Saghir – *op.cit*

sekitar tahun 1912. Sepulangnya dari Mekah beliau mengajar Al-Quran di sana sini di Kelantan lebih lagi di kampungnya di Pasir Mas. Ramai murid yang datang belajar dengannya selain dari negeri Kelantan juga dari negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, dari Medan, Inderagiri, Jambi, dan Palembang (di Sumatera); Pontianak dan Kemboja.<sup>10</sup>

Dalam tahun 1930-an Haji Ahmad ini pergi ke Pontianak Kalimantan Barat bersama-sama dengan Haji Yusuf, paman kepada Mufti Besar Kelantan Dato' Haji Mohamad Nur bin Haji Ibrahim. Di Pontianak, Haji Ahmad bin Mamat mengajar Al-Quran kepada sekitar 40 orang murid selama beberapa bulan. Waktu itu Haji Ismail bin Haji Abdul Majid seorang ulama dari Kelantan sedang bertugas menjadi Mufti kepada Kerajaan Pontianak, manakala Tuan Haji Yusuf pula terus pergi ke Sambas mengajar Quran di sana.<sup>11</sup>

Mufti Haji Ismail bin Haji Abdul Majid dilahirkan di Labok, Machang Kelantan pada tahun 1876 mula-mula belajar di Kelantan dan kemudian di Mekah. Setamat pengajiannya di Mekah pulang ke Kelantan dan pergi ke Kemboja berdakwah<sup>12</sup> dan kemudiannya ke Pontianak dalam tahun 1909 mengikuti jejak gurunya iaitu Sayyid Abdullah Al-Zawawi yang mula-mulanya lari ke Riau kemudian ke Pontianak kerana diburu oleh kaum Wahabi sekitar tahun 1914 di Mekah di mana ramai ulama Nusantara mati dibunuh di Taif.<sup>13</sup>

Di Pontianak, Haji Ismail bin Haji Abdul Majid mendapat perlindungan daripada Syeikh Haji Muhamad Yasin, seorang ulama besar yang berasal dari Kedah tetapi sayang beliau tidak lama dirumah induk semangnya itu kerana Syeikh Haji Muhamad Yasin ini meninggal dunia lalu Haji Ismail Abdul Majid tinggal menumpang di rumah Haji Nik Wan iaitu seorang ulama Tasawuf yang berasal dari Patani.<sup>14</sup>

Kerana pengetahuan agamanya yang mendalam, Haji Ismail bin Haji Abdul Majid disambut di mana-mana sahaja beliau pergi mengajar baik di Pontianak maupun di Sambas kerana tenarnya beliau dalam bidang agama, lalu beliau diambil menjadi menantu oleh seorang hartawan Bugis di kampung Sungai Itik Darat. Hasil perkahwinan ini beliau mendapat tiga orang anak perempuan. Sambil mengajar beliau mengubah khutbah Jumaat kedalam bahasa Melayu yang selama ini dilakukan dalam bahasa Arab, hal ini mendapat reaksi daripada masyarakat setempat lalu diadukan kepada

10 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi – *Ensiklopedia Kelantanika*, Manuscrip peribadi

11 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi – *op.cit.*

12 Lihat Ismail Che Daud – *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu I* – Majlis Ugama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan – Kota Bharu – 1988, hlm. 293 dan 294

13 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi – *Ensiklopedia Kelantanika* – Manuscrip peribadi

14 Lihat Ismail Che Daud – *op.cit.*, hlm. 295

Sultan Pontianak, Syarif Muhamad bin Syarif Yusuf Al-Qadri. Beliau dapat mempertahankan alasan-alasannya akan keharusan berkhutbah dalam bahasa Melayu itu kemudian beliau dilantik menjadi Mufti Pontianak dalam tahun 1328 – 1356 Hijrah = 1910 – 1937 Masihi. Sambil itu beliau mengajar pula tafsir<sup>15</sup> dalam bahasa yang mudah difahami oleh orang awam. Salah seorang muridnya ialah Abdul Ghani bin Mahmud (1978). Disamping mengajar dan bertugas menjadi Mufti, beliau sempat pula mengarang sebuah kitab Pedoman Kemulian Manusia, kitab ini dicetak di Kota Bharu Kelantan pada tahun 1938 Masihi. Beliau juga mempunyai sebuah Hotel di Pontianak yang terletak di Sungai Kapuas. Dalam tahun 1937 Masihi, beliau kahwin kali kedua di Pontianak dengan Jamaliah seorang yang berasal dari Tasik Malaya, Jawa Barat. Mereka kemudian pulang ke Kelantan untuk naik haji ke Mekah dalam tahun 1938.<sup>16</sup>

Kerana kelewatan pulang ke Pontianak, Haji Ismail bin Haji Abdul Majid diberhentikan daripada jawatan muftinya dan lebih kurang 3 tahun kemudian pecahnya perang dunia ke-2 (pada 8 Disember 1941).

Selain Haji Ismail bin Haji Abdul Majid terdapat seorang lagi dari Malaysia bernama Haji Abdul Rahman atau Haji Wan Abdul Rahman bin Husain Al-Kelantani. Kampung asalnya di Kelantan tidak dapat diketahui. Dikatakan beliau termasuk salah seorang murid Tok Kenali dan seangkatan dengan Haji Yaakub bin Haji Ahmad, Lorong Gajah Mati, Kota Bharu; Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad, Bunut Payong, Kota Bharu; dan Haji Yaakub bin Ismail atau Haji Yaakub Legor. Haji Abdul Rahman masyhur alim dalam lughah (bahasa), tasawuf dan fiqh. Mengikut riwayat pada mulanya beliau pergi ke negeri Sambas, kemudian pindah ke negeri Mempawah di sebelah selatan. Dengan perakuan dan sokongan Syeikh Muhammad Basuni Iran (Maharaja Imam Kerajaan Sambas) dan akhirnya dapat mengajar dipusat pengajian pondok sendiri yang diberi nama "Darul Ulum". Dalam pada itu Haji Abdul Rahman kerap berhubungan dengan Haji Ismail bin Haji Abdul Majid, Mufti Pontianak. Berkat kegigihannya, beliau dilantik menjadi Mufti Kerajaan Mempawah yang terakhir. Haji Abdul Rahman meninggal dunia dalam tahun 1971 ketika berumur 90 tahun. Jenazahnya dikembumikan di Kampung Pulau Pedalaman, Mempawah.

<sup>15</sup> Beliau pernah pula membuat tafsir Al-Quran 30 Juz tetapi belum sempat dicetak dan kini masih tersimpan di rumah keluarganya.

<sup>16</sup> Lihat Ismail Che Daud – *op.cit.*, hlm. 295.

<sup>17</sup> Lihat catatan Ismail bin Che Daud mengenai "Haji Abdul Rahman bin Husain" dalam makalah "Ulama Kelantan Yang Menjadi Mufti Di Luar Kelantan" dalam Warisan Kelantan, bilangan XV, 1996, hlm. 64 dan 65.

<sup>18</sup> Keterangan daripada Haji Wan Mohamad Saghir

## Bibliografi

- Abdul Halim Nasir : Rumah Melayu Tradisi.  
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
Kuala Lumpur, 1994.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi : Aksara dan Batu Bersurat Kuno  
Dalam Tradisi Penulisan Manuskrip  
Melayu.  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
Kuala Lumpur, 1997.
- 
- Haji Mohamad Salleh bin  
Haji Awang  
Ismail Che Daud : Ensiklopedia Kelantanika (Manuskrip).  
: Mengkaji Sejarah Terengganu, Jilid II.  
Ahmadiah Press Singapura, 1955.  
: Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung  
Melayu (I).  
Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat  
Melayu Kelantan, 1988.
- 
- J.U. Lontaan : Catatan mengenai "Haji Abdul Rahman bin  
Husain" dalam makalah "Ulama-Ulama  
Kelantan Yang Menjadi Mufti Di Luar  
Kelantan" dlm Warisan Kelantan, bil. XV,  
1996, hlm. 64 dan 65.
- Majumdar R.C. : Sejarah Hukum Adat Istiadat Kalimantan  
Barat  
Terbitan Pemuda Tingkat I Kalbar  
Edisi I, 1975.
- Maspero M. George : Champa  
The Punjab Sanskrit Book Dept.  
Lahore 1927.
- Mohamad Saghir (Wan) : Le Royaume de Champa  
Paris et Bruxelles.
- Soekmono R. (Drs.) : Sejarah Ulama Islam Nusantara  
(Manuskrip).
- Wojowasito S. : Pengantar Sejarah Kebudayaan  
Indonesia II.  
Penerbit Yayasan Kanisius  
Djakarta, 1973.
- Wojowasito S. : Sejarah Kebudayaan Indonesia II.  
Badan Penerbit Pendidikan  
Djakarta, 1950.



*Gambar-gambar  
Warisan Lama*





Nelayan-nelayan Kelantan sedang menarik atau menolak perahu kolek mereka ketus pantai setelah selesai menangkap ikan di Pantai Semut Api atau lebih dikenali dengan panggilan Pantai Cintai Berahi, 7 batu di utara bandar Kota Bharu. Gambar dipercayai telah diambil pada awal tahun enam puluhan.




*Pencaragan Suara Muda atau Band Suara Muda  
Kota Bharu Kelantan Pada Tahun 1949*

**Duduk barisan hadapan dari kanan:** Nik Abdul Rahman bin Wan Daud Dato' Perswira Raja (Settlement Officer, Land Office Kota Bharu); Tengku Ibrahim bin Tengku Abdullah (Wireless Operator, Police Headquarter Kota Bharu); Tuan Ismail bin Tuan Mohamed (Normal-trained Teacher, Ismail English School, Kota Bharu); Mahmud bin Haji Salleh Dato' Kaya Bakti (Band Leader Suara Muda Band).

**Barisan tengah dari kanan:** Abdul Rahman bin Hamzah (Peniaga Kota Bharu); Salleh bin Haji Mahmood (Kerani Road Transport Department Kota Bharu); Ismail bin Haji Salleh Dato' Kaya Bakti (Peniaga dan Setiausaha Kelab Suara Muda); Hussein bin Sulaiman (Peniaga Kota Bharu); dan Ibrahim bin Yaakob (pemutu Ismail English School Kota Bharu).

**Barisan belakang dari kanan:** Ismail bin ..... (Bus Inspector, North Eastern Transport(NETS, Kota Bharu); Hassan bin Ismail (Settlement Officer, Land Office Kota Bharu); Nik Jaafar bin Nik Salleh (Kerani, Pejabat Seliansha Kerajaan Kelantan, Kota Bharu); Abdul Rahmin bin ..... (Kelas, Tentera Laut Melayu); dan Mohamad bin Daud (Kerani).



Sebuah kubu batu (pill-box) yang telah dibina oleh tentera British di Kelantan pada awal tahun 1941 bagi menghadapi kemungkinan serangan dan pendaratan tentara Jepun. Bernyuluh buah kubu batu seperti ini telah dibina disepanjang pantai Kelantan seperti di kawasan Pantai Semut Apit, Pantai Badang, Pantai Kuala Pa' Amat, dan Pantai Sabak. Kelihatan diaitas sebuah sisa Kubu Batu yang telah tenggelam lebih dari separuh kedalam pasir di tepi Pantai Sabak, Kota Bharu. Gambar ini telah diambil diakhir tahun 1970-an.



*Empat Orang Murid Darjah Lima Ismail English School  
Kesina Dua, Jalan Telipot, Kota Bharu Pada Tahun 1949*

*Dihadapan: Wan Abdul Razak bin Wan Muhamad (Kg Salor, Kota Bharu).*

*Dibelakang dari kanan: Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (Jalan Tok Semian,  
Kota Bharu), Mansor bin Mahmud (Kg Kota Lama, Kota Bharu), dan Omar  
bin Mohd Yusof (Kg Gajah Mati, Kota Bharu). Gambar telah diambil pada  
Hari Raya Puasa tahun 1949.*



*Biodata Penulis*



**ISMAIL CHE DAUD** – Dilahirkan di Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1947.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Umum Meranti (1954–1958); Special Malay Class di Sekolah Rendah Sultan Ibrahim, Pasir Mas (1958–1960); kemudian belajar pula di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas (1961–1965) hingga lulus MCE/SPM dan pada tahun 1972 lulus STPM.

Mempunyai pengalaman yang berikut: Kerani di Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra, Kuala Krai (1967–1969); Pegawai Kerani Pertahanan di Markas PPT Kelantan (1969–1977); di Kem Pengkalan Chepa (1977–1980); Pegawai Kerani Kanan Pertahanan di Sekolah Trafik/Bomba Udara, TUDM, Kuantan, Pahang (1980); Pegawai Kerani di Jabatan Pertanian (1980–1989); dan kemudian di Perbadaharaan Negeri di Kota Darulnaim, Kota Bharu sejak pertengahan tahun 1989.

Meminati sejarah sejak di bangku sekolah lagi. Gemar menjelajah kampung-kampung mencari bahan (bertulis dan lisan) sejak dari awal tahun 1970-an. Seorang penulis yang gigih dan terperinci tulisannya. Telah menulis beberapa rencana dalam pelbagai majalah dan akhabar, di antaranya: majalah *Dian*, *Pengetahuan*, *Pengasuh*, *Peristiwa* (Kota Bharu) dan *Fajar Islam*.

**ZETIMIMI BT. ZAKARIA** – Dilahirkan di Kampung Chempaka, Kota Bharu, Kelantan pada 27 Jun 1970.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jelawat, Bachok, Kelantan dari tahun 1977 hingga 1982. Kemudian meneruskan pelajarannya ke Sekolah Menengah Bachok dari tahun 1983 hingga 1985. Beliau kemudian melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Kubang Kerian, Kota Bharu (1986–1989) dan hulus STPM. Pada tahun 1990 beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian (B.A. Hons.) dalam bidang sejarah yang diperolehnya pada tahun 1994.

Latihan ilmiahnya bertajuk “Kelantan Dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948–1963”, yang di siapkan bagi sesi 1994.

Alamat beliau ialah Lot 1605, Kampung Chempaka, Jalan Panji, 16100 Kota Bharu, Kelantan.

**DR. ISMAIL ABU BAKAR** – Dilahirkan di Kampung Dalam Kota, Alor Setar Kedah pada 25 Jun 1946.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kampung Lepas, Kepala Batas, Kedah. Kemudian menyambung pelajarannya di peringkat menengah di Madrasah Khairiah, Pokok Sena, Kepala Batas, Kedah. Selepas itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Lucknow, India dalam bidang sastera dengan memperolehi ijazah B.A. Kemudian belajar pula di Universiti Karachi, Pakistan dalam bidang sejarah dan mendapat ijazah M.A. Selanjutnya beliau belajar di King's College Aberdeen, Scotland dalam bidang Tamadun Islam.

Dalam tahun 1995, beliau telah menghadiri Kursus Bahasa di American University, Cairo, Mesir.

Kini Dr. Ismail Abu Bakar bertugas sebagai Pensyarah Sejarah dan Tamadun Islam, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Beliau banyak menulis dalam jurnal-jurnal yang di keluarkan oleh pelbagai penerbit antaranya mengenai masyarakat Islam dan beberapa aspek dalam Zaman Abbasiyah.

**EH MOOI a/l EH CHIT** – Dilahirkan di Kampung Siam, Pasir Puteh, Kelantan, pada 26 Januari 1964.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh, (1971–1976). Kemudian melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Semerak hingga tahun 1981. Setelah lulus SPM (pangkat dua), beliau meneruskan pelajarannya ke Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kamil, Pasir Puteh. Beliau kemudian melanjutkan pelajarannya pula ke Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, Selangor pada tahun 1984–1988. Semasa di UKM, Encik Eh Mooi pernah menjadi Naib Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Psikologi Sesi 1986/87.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana muda sastera dengan kepujian (B.A. Hons.) dalam bidang Sejarah.

Latihan ilmiahnya bertajuk “Sejarah Seni Siam Di Kelantan” yang di siapkan bagi sesi 1987/88.

Alamat beliau ialah kampung Siam, 16700 Cherang Ruku, Pasir Puteh, Kelantan.

**ZULKIFLI MOHD. NOOR** – Dilahirkan di Kampung Chekeli, Daerah Beta, Kota Bharu, Kelantan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (B.A. Hons.) dalam bidang sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Latihan ilmiahnya bertajuk “Sejarah Pergerakan Politik Orang-orang Melayu Kelantan Antara Tahun-tahun 1945 hingga 1957 (selain dari PAS)” yang disiapkan bagi 1980/81.

Keterangan lanjut mengenai beliau tidak dapat diperolehi. Hanya alamatnya yang diketahui iaitu: Sri Chekeli, Daerah Beta, Kota Bharu, Kelantan.

**DRS ABDUL RAHMAN AL-AHMADI (ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMED)** – Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada 11 Mac 1931.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pasir Mas dan di Madrasah Jame' al-Ismaili (Sekolah Arab Jame'), Merbau, Kota Bharu. Pada tahun 1947 melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Pertama, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia, kemudian di Sekolah Menengah Atas, Jakarta, Indonesia. Selepas itu memasuki Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia dan berjaya mendapat Ijazah Doktorandus (Drs) atau M.A. dalam jurusan Hubungan Antarabangsa pada tahun 1961. Kembali ke Tanah Air dan belajar pula di Universiti Malaya, Kuala Lumpur untuk Ijazah Sarjana dalam jurusan Sejarah pada tahun 1978. Dan akhir sekali mengikuti kuliah PhD di l'Ecole des Hautes Etudes en Science Sociales, Paris, Perancis (1980–81) atas biasiswa Kerajaan Perancis.

Mempunyai pengalaman kerja seperti berikut: Pengarang majalah ‘Dian’ penerbitan Pustaka Dian Press, Kota Bharu (1964–69); mengajar di Institut Pendidikan, Kota Bharu; memberi kuliah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kota Bharu; menjadi Pengetua Maktab Adabi, Kota Bharu (1971–72); dan penyarah sambilan di Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur (1976–78). Sementara itu sejak dari Jun 1975 berkhidmat sebagai Ketua Unit Ensaiklopedia Budaya, Cawangan Penyelidikan, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada tahun 1984 beliau telah menerima biasiswa UNESCO untuk membuat kajian mengenai manuskrip Melayu di negeri Belanda bersama dengan Tuan Haji Wan Ali bin Haji Wan Mamat (dari Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia) (Disember 1984 hingga 25 Mac 1985) di Royal Institute

of Linguistics and Anthropology, negeri Belanda. Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi bersara daripada perkhidmatan Kerajaan pada 15 April 1992.

Telah menerbitkan beberapa buah buku mengenai sastera, budaya, Islam dan sejarah dan budaya Campa dan juga mengenai banyak rencana berkaitan dengan aspek-aspek sejarah, agama, sastera, falsafah, kebudayaan dan politik yang disiarkan dalam beberapa majalah seperti 'Dian' (Kota Bharu) dan lain-lain. Pernah menyediakan rencana-rencana untuk Ensaiklopedia Budaya Melayu yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1984-86). Telah juga menyediakan kira-kira 50 kertas kerja yang dibentangkan di seminar-seminar dalam negeri dan juga luar negeri. Sejumlah lima buah karyanya telahpun diterjemahkan kedalam bahasa Inggeris dan Perancis.

